

**PENGHAYATAN IBADAH DAN KESANNYA  
TERHADAP HUBUNGAN SOSIAL DI KALANGAN  
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
AGAMA TOK JIRING, KUALA TERENGGANU**

**AERISULI BINTI AWANG**


**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011**

**PENGHAYATAN IBADAH DAN KESANNYA  
TERHADAP HUBUNGAN SOSIAL DI KALANGAN  
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
AGAMA TOK JIRING, KUALA TERENGGANU**

**AERISULI BINTI AWANG**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA BAHAGIAN II  
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011**



*"Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani"*

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **AERISULI BINTI AWANG**

(No. K.P/Pasport: **781016035166**)

No. Pendaftaran/Matrik: **IGA 030011**

Nama Ijazah: **SARJANA SYARIAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**Penghayatan Ibadah Dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu.**

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa- apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mengetahui apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

## ***ABSTRAK***

Sekolah merupakan tempat pelajar mendapatkan pencapaian akademik dan sahsiah diri yang cemerlang. Penekanan penghayatan ibadah dan penerapan kesannya terhadap hubungan sosial di kalangan pelajar adalah penting untuk dilaksanakan. Kajian yang dilakukan Sekolah Menengah Agama Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu ini bertujuan mengetahui latarbelakang agama dan hubungan sosial di kalangan pelajar serta peranan yang telah dijalankan oleh pihak sekolah dalam mencapai matlamat tersebut. Di samping itu, ia juga dilakukan untuk membandingkan pencapaian sahsiah antara pelajar asrama dan luar. Kajian ini berasaskan data dari pelbagai sumber klasik dan kontemporari termasuk dokumen rasmi sekolah serta hasil temubual bersama pihak sekolah dan ibubapa. Maklumat kajian ini turut diperolehi melalui borang soal selidik yang mengandungi item berbentuk skala pilihan dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Kajian ini mendapatkan tahap pengetahuan dan penghayatan ibadah di kalangan pelajar adalah memuaskan dan berjaya memberi kesan positif dalam hubungan sosial pelajar manakala perbandingan antara pelajar asrama dan luar menunjukkan bahawa pelajar asrama lebih cemerlang dalam semua bidang akademik dan sahsiah diri yang positif.

## ***ABSTRACT***

A school is a place where student can obtain their education and develop a good self attitude. It is important to make sure that religious practices in life are carried out in the social relationship among students. The research was carried in Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu to understand religious knowledge and relationship among students and the role of the school in achieving this aim. Besides, this study was carried out to compare personality achievement among hostel and non-hostel students. This research is based on data collected from various classic and contemporary resources including official school documents and interviews with school authorities and parents. The data for this study was collected via a questionnaire consisting of questions based on a choice of scales. The data was analyzed using *Statistical Package For Social Science* (SPSS). This study found that the knowledge level and religious practices among students was satisfactory and good where as the comparison between hostel and non-hostel students indicate that hostel student were better in academic and personality achievement.

## *PENGHARGAAN*

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الانبياء والمرسلين رسوله المصطفى وعلى آله وصحبه أجمعين ومن تعههم باحسان الى يوم الدين، أما بعد

Pertama sekali, pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Prof Madya Dr Anisah Ab Ghani di atas seliaan beliau sepanjang penulisan tesis ini. Hasil tunjuk ajar, buah fikiran dan bimbingan beliau, pengkaji mampu menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi dengan mudah dan akhirnya berjaya menamatkan penulisan ini dengan baik.

Ucapan terima kasih ini juga tidak lupa ditujukan kepada semua penyarah di Bahagian Pengajian Syariah khususnya di Jabatan Fiqh dan Usul yang begitu gigih mencurahkan ilmu dan membimbang pengkaji menjadi insan yang lebih sempurna. Mudah-mudahan Allah mengganjarkan kalian dengan pulangan yang setimpal kelak.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua kakitangan pejabat Ijazah Tinggi dan pejabat Jabatan Fiqh dan Usul yang telah banyak menyempurnakan urusan pengkaji sepanjang menjadi penuntut di jabatan ini.

Pengkaji juga mengucapkan terima kasih kepada seluruh pihak pengurusan, ibubapa, kakitangan dan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu

yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu pengkaji melengkapkan kajian di sekolah tersebut.

Pengkaji juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih semua sahabat seperjuangan yang telah berkongsi dorongan semangat dan bantuan dalam menjayakan penulisan tesis ini.

Tidak dilupakan juga ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan khusus untuk suami Hasbullah bin Mat Daud, ibu Norma binti Abdullah dan ayah Awang bin Yaacob yang tidak pernah jemu membantu dan mendoakan kejayaan pengkaji menyempurnakan pengajian di peringkat Sarjana ini. Buat anak-anak tersayang, Muhammad Afnan dan Nur Sofiyyah, semoga pengajian bondamu ini mampu menjadi pendorong buat kalian menjadi insan pencinta ilmu sepanjang hayat. Amin. Begitu juga kepada semua ahli keluarga yang berterusan membakar semangat pengkaji hingga berjaya.

Akhir sekali, penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat secara tidak langsung dalam menjayakan disertasi ini. Mudah-mudahan segala bantuan yang dihulurkan mendapat perhatian daripada Allah SWT sebagai amalan yang ikhlas.

## *KATA PENGANTAR*

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الانبياء والمرسلين رسوله المصطفى وعلى آل وصحبه أجمعين ومن تعههم باحسان الى يوم الدين، أما بعد

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Kami memuji Allah SWT serta memohon selawat dan salam ke atas RasulNya yang mulia serta para sahabat baginda yang mempertahankan agama yang mulia.

Tajuk Ibadah dan Hubungan Sosial ini dipilih kerana pengkaji merasakan ia cukup penting untuk didedahkan kepada masyarakat Islam pada hari ini. Adalah menjadi suatu kepentingan kepada masyarakat terutama golongan ibubapa dalam membuat pemilihan tempat belajar anak mereka supaya dapat mencapai kejayaan dalam semua bidang iaitu akademik dan sahsiah diri yang cemerlang.

Walau bagaimanapun, pengkaji tidak menafikan bahawa sudah terdapat banyak kajian para sarjana terutamanya yang berkisar dengan penghayatan ibadah di dalam Islam. Namun, di dalam kajian pengkaji ini ditampilkkan suatu corak hubungan sosial yang telah berjaya dihasilkan oleh bimbingan sebuah sekolah yang amat menitikberatkan unsur pendidikan Islam.

Kajian ini semestinya tidak dapat lari daripada kekurangan dan kelemahan. Pengkaji amat mengalu-alukan sebarang kritikan, komentar dan teguran yang membina agar ia dapat memberi panduan yang lebih memberangsangkan kepada pengkaji sendiri dan penyelidik-penyelidik lain pada masa akan datang. Harapan pengkaji agar kajian yang telah dijalankan ini

mampu memberi kefahaman kepada semua pihak tentang kepentingan menghayati ibadah bagi melahirkan suatu bentuk hubungan sosial yang baik pada masa akan datang.

Sekian.

Salam hormat dari pengkaji,  
Aerisuli binti Awang,  
No 64, Kg Bukit Berangan,  
21060 Kuala Terengganu,  
Terengganu Darul Iman.

Ogos 2011  
Ramadhan 1432h.

## **D<sup>A</sup>F<sup>T</sup>AR<sup>R</sup>ISI**

<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
Judul	iii
Perakuan Keaslian Penulisan	
Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	iv
Penghargaan	v
Kata Pengantar	vi
Daftar Isi	ix
Transliterasi	xiii
Senarai Kependekan	xiv
Senarai Jadual	xv

## **BAB SATU: PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	1
1.3 Masalah Kajian	2
1.4 Objektif Kajian	3
1.5 Hipotesis Kajian	3
1.6 Kepentingan Kajian	4
1.7 Batasan Kajian	5
1.8 Ulasan Penulisan Terdahulu	5
1.9 Metodologi Kajian	11
1.10 Sistematika Penulisan	17

## **BAB DUA : PENGHAYATAN IBADAH**

2.1 Pengenalan	19
2.2 Definisi Ibadah :	
2.2.1 Ibadah Menurut al-Quran dan Hadis.	20
2.2.2 Ibadah Menurut Pandangan Ulama.	23
2.3 Pembahagian Ibadah:	
2.3.1 Ibadah <i>Qawliyyah</i> .	27
2.3.2 Ibadah <i>Jismiyyah</i> .	28
2.3.3 Ibadah <i>Māliyyah</i> .	29
2.3.4 Ibadah <i>Qawliyyah Jismiyyah</i> .	29
2.3.5 Ibadah <i>Qawliyyah, Jismiyyah wa Māliyyah</i> .	30
2.4 Ruang Lingkup Ibadah :	
2.4.1 Meliputi ajaran agama seluruhnya.	31
2.4.2 Meliputi urusan hidup seluruhnya.	32
2.4.3 Tunduk kepada syariat Ilahi.	32
2.4.4 Amalan kemasyarakatan yang berfaedah.	34
2.5 Pengesahan Ibadah	35
2.6 Hikmah Dalam Beribadah	37
2.6.1 Kesan sembahyang dalam pembentukan akhlak mulia.	38
2.6.2 Kesan puasa dalam pembentukan akhlak mulia.	42
2.6.3 Kesan zakat dalam pembentukan akhlak mulia.	44
2.6.4 Kesan haji dalam pembentukan akhlak mulia.	47
2.7 Kesimpulan	48

## **BAB TIGA : HUBUNGAN SOSIAL DI KALANGAN PELAJAR SMKA**

### **TOK JIRING, KUALA TERENGGANU.**

3.1 Pengenalan.	50
3.2 Sejarah Penubuhan SMKA Tok Jiring.	50
3.3 Visi, Misi, Matlamat, Objektif, Falsafah dan Piagam Pelanggan SMKA Tok Jiring.	51
3.4 Latarbelakang Tenaga Pengajar, Kakitangan dan Pelajar SMKA Tok Jiring.	
3.4.1 Tenaga Pengajar.	53
3.4.2 Kakitangan.	54
3.4.3 Pelajar.	54
3.5 Jawatankuasa Kecemerlangan Sekolah.	55
3.6 Kemudahan Asas SMKA Tok Jiring.	59
3.7 Hubungan Sosial Pelajar SMKA Tok Jiring.	60
3.8 Masalah Disiplin Pelajar.	65
3.9 Tindakan Disiplin/Tatatertib Asrama SMKA Tok Jiring.	66
4.0 Kesimpulan.	69

## **BAB EMPAT : ANALISIS DATA**

4.1 Pengenalan.	70
4.2 Analisa Dapatan Kajian:	
4.2.1 Latarbelakang pengetahuan agama di kalangan pelajar.	71
4.2.2 Penghayatan ibadah dan masalah yang dihadapi pelajar dalam menghayati ibadah.	78
4.2.3 Keberkesanan aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah terhadap penghayatan ibadah dalam kehidupan sosial pelajar.	86
4.3 Kesimpulan.	96

## **BAB LIMA : CADANGAN DAN RUMUSAN**

5.1 Pengenalan.	98
5.2 Ringkasan Kajian.	98
5.3 Rumusan Kajian.	99
5.4 Dapatan Kajian.	100
5.5 Saranan.	105
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan.	107
5.7 Penutup.	108
<b>Bibliografi</b>	109
<b>Lampiran</b>	

## *JADUAL TRANSLITERASI*

Bagi penulisan di dalam disertasi ini penulis menggunakan kaedah transliterasi yang ditetapkan oleh Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

KONSONAN					
Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab
b = ب		Z = ز		f = ف	
t = ت		s = س		q = ق	
th = ث		sh = ش		k = ك	
j = ج		ṣ = ص		l = ل	
ḥ = ح		ḍ = ض		m = م	
kh = خ		ṭ = ط		n = ن	
d = د		ẓ = ظ		h = ه	
dh = ذ		‘ = ع		w = و	
r = ر		gh = غ		y = ي	

VOKAL PENDEK :              a = ' ;              i = ۍ ;              u = ڻ

VOKAL PANJANG:              ā = ۏ ;              ī = ۍ ;              ū = ڻ

DIFTONG:              ay = ا ۍ ;              aw = او ۏ

Pengecualian;-

Perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan melalui Kamus Dewan tidak akan ditransliterasikan. Contoh; syariah, syarak, Rasulullah, ulama, hadis, dan lain-lain. Namun, apabila perkataan-perkataan tersebut digunakan di dalam frasa Arab ia akan ditransliterasikan. Semua perkataan yang ditransliterasikan ditulis secara condong kecuali nama orang.

## ***SENARAI KEPENDEKAN***

‘Abd.	: ‘Abdul
a.s	: ‘alaih al Salam
c.	: cetakan
Dr.	: Doktor
ed.	: editor
et.al	: ditulis oleh lebih daripada dua orang penulis
H.	: Hijrah
Hj.	: Haji
h.	: halaman
ibid.	: ibidem (latin) –pada rujukan yang sama.
j.	: jilid
juz.	: juzuk
M	: Masihi
No.	: Nombor
Op.cit.	: Opera Citato (Latin)- dalam rujukan yang telah disebutkan
Prof.	: Professor
r.a.	: Radia Allah ‘anh
SAW	: Ṣalla Allah ‘alaiyh wa Salam
SWT	: Subhānahu Wa Ta‘ala
T.P	: Tanpa Penerbit
terj.	: Terjemahan
T.T.P	: Tanpa Tempat Penerbit
t.t	: tanpa tarikh
UM	: Universiti Malaya
SMKA	: Sekolah Menengah Kebangsaan Agama

## *SENARAI JADUAL*

### **Bahagian A**

- Jadual 4.1.1 Maklumat Jantina Responden
- Jadual 4.1.2 Maklumat Kelas Responden
- Jadual 4.1.3 Maklumat Bilangan Adik Beradik Responden
- Jadual 4.1.4 Maklumat Pekerjaan Ibubapa Responden
- Jadual 4.1.5 Maklumat Tempat Tinggal Responden
- Jadual 4.1.6 Tahap Pencapaian Responden Dalam Matapelajaran Pendidikan Islam
- Jadual 4.1.7 Maklumat Mendapat Pendidikan Awal Agama
- Jadual 4.1.8 Maklumat Khatam al-Quran
- Jadual 4.1.9 Maklumat Umur Khatam al-Quran
- Jadual 4.1.10 Maklumat Umur Mula Sembahyang dengan Betul
- Jadual 4.1.11 Maklumat Pemilihan SMKATJ

### **Bahagian B**

- Jadual 4.2.1 Kefahaman Pelajar Tentang Maksud Ibadah .
- Jadual 4.2.2 Kecenderungan Pelajar Meningkatkan Kefahaman dan Penguasaan Dalam Matapelajaran Pendidikan Islam.
- Jadual 4.2.3 Kecenderungan Pelajar Sembahyang di Awal Waktu.

Masalah Yang Dihadapi Pelajar Dalam Mengamal dan Menghayati Ibadah.

- Jadual 4.2.4 Masalah Pelajar Dengan Ibubapa.
- Jadual 4.2.5 Masalah Pelajar Dengan Guru.
- Jadual 4.2.6 Masalah Pelajar Dengan Kawan-kawan.
- Jadual 4.2.7 Masalah Pelajar Dengan Diri Sendiri.

### **Bahagian C**

- Jadual 4.3.1 Kecenderungan Pelajar Mengikuti Program Keagamaan Sekolah Bagi Meningkatkan Penghayatan Ibadah.
- Jadual 4.3.2 Kemampuan Pelajar Mengimamkan Sembahyang Jemaah.
- Jadual 4.3.3 Kecenderungan Pelajar Menjalankan Hubungan Sosial Yang Baik Melalui Aktiviti Sekolah.
- Jadual 4.3.4 Kemampuan Pelajar Menguruskan Masa dan Mengamalkan Hidup Berdisiplin.
- Jadual 4.3.5 Kecenderungan Pelajar Mengabaikan Pakaian Menutup Aurat.
- Jadual 4.3.6 Kemampuan Pelajar Memilih Matlamat Hidup.

Perbandingan Pencapaian Sahsiah Pelajar Asrama Dengan Luar Asrama.

- Jadual 4.3.7 Kecenderungan Pelajar Mengikuti Aktiviti Keagamaan di Tempat Tinggal Masing-masing.
- Jadual 4.3.8 Kecenderungan Pelajar Menghabiskan Masa di Luar.
- Jadual 4.3.9 Keinginan Pelajar Agar Batasan Pergaulan Dan Etika Berpakaian Dapat Dilonggarkan.
- Jadual 4.3.10 Kengganan Pelajar Untuk Menjalankan Hubungan Dengan Silaturrahim Dengan Kakitangan Sekolah dan Sanak Saudara.

# **BAB SATU**

# **BAB SATU:**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Sekolah merupakan tempat di mana proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Pendidikan yang diperlukan oleh seorang manusia berperanan menjadikan dirinya dapat memandu hidup ke arah kebaikan untuk diri sendiri serta memberi manfaat kepada orang lain. Kajian ini dilakukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu yang merupakan antara sekolah pilihan utama bagi ibubapa menghantar anak melanjutkan pelajaran peringkat menengah di Negeri Terengganu. Kajian ini penting bagi melihat peranan yang telah dimainkan oleh pihak sekolah dalam menyediakan modal insan yang bakal mewarnai agama dan negara dengan jayanya suatu hari nanti.

### **1.2-Latar Belakang Kajian:**

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu merupakan sebuah sekolah agama berasrama yang cemerlang di dalam bidang akademik dan sahsiah. Namun, akhir-akhir ini prestasi sekolah tersebut dikatakan menurun. Kemerosotan akhlak di kalangan pelajar mula diperkatakan.

Sebagai sebuah sekolah agama, pelajar di sekolah ini telah diterapkan dengan aktiviti ibadah yang sempurna terutama pelajar yang tinggal di asrama. Apa yang menjadi persoalannya ialah adakah pelajar tersebut mampu menghayati ibadah dengan baik serta berjaya menjalani kehidupan sosial menurut kehendak Islam.

Berdasarkan maklumat awal yang diperolehi, kemerosotan akhlak pelajar adalah akibat kegagalan mereka dalam menghayati konsep ibadah. Ibadah solat contohnya mempunyai hubungan rapat dengan kehidupan sehari-hari mereka dalam melatih hidup berdisiplin, menepati masa dan menutup aurat. Hasil yang baik dari menunaikan solat, gagal diterapkan dalam kehidupan sosial mereka terutamanya dalam pergaulan sehari-hari.

Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengkaji tentang tahap penghayatan ibadah mereka. Adakah pelajar di sekolah ini menganggap bahawa ibadah hanyalah sekadar kewajipan rutin harian dan mematuhi disiplin sekolah atau sebaliknya mereka mampu melaksanakan ibadah dengan sempurna samada berada di kawasan sekolah atau di luar.

Kajian juga tertumpu kepada bagaimana kesan ibadah di kalangan pelajar di sekolah ini mampu menghasilkan hubungan sosial yang baik antara pelajar dengan guru, rakan sebaya, keluarga dan masyarakat sekeliling. Ini kerana, apabila seseorang muslim berjaya melaksanakan setiap ibadah dengan baik, maka akan lahir suatu keperibadian muslim yang sempurna.

### **1.3- Masalah Kajian:**

Masalah kajian ini ialah untuk mengenalpasti adakah pelajar SMKA Tok Jiring, Kuala Terengganu dapat menghayati konsep ibadah dan menerapkannya ke dalam hubungan sosial mereka dengan masyarakat sekeliling. Ia perlu dikaji berdasarkan apakah mereka sememangnya memahami pengertian solat dan puasa yang mempunyai hubungan rapat dengan kehidupan sehari-hari mereka .

Perlu juga dipastikan samada pelajar menjaga dan menunaikan ibadah semata-mata kerana suatu peraturan ketika di sekolah dan di asrama. Kegagalan mereka dalam menghayati ibadah solat contohnya akan menyebabkan mereka sekadar beragama pada suatu masa dan

mengabaikannya pada masa yang lain. Demikian juga disiplin yang perlu mereka patuhi ketika berpuasa gagal diterapkan nilainya sekiranya tidak mampu dihayati dengan sewajarnya. Masalah kajian ini juga untuk mendapatkan kesan dari penghayatan ibadah itu bagi menjadikan hubungan sosial pelajar tersebut berjalan dengan baik dan menepati syariat Islam.

#### **1.4- Objektif Kajian:**

Kajian ini dilakukan berdasarkan beberapa objektif berikut:

- 1- Untuk mengkaji tahap pengetahuan agama di kalangan pelajar SMKA Tok Jiring. Apakah mereka sememangnya datang dari golongan yang berpendidikan agama atau ia baru saja bermula sebaik saja mereka memulakan pengajian di sekolah tersebut.
- 2- Untuk menilai adakah pelajar SMKA Tok Jiring mengalami sebarang peningkatan penghayatan ibadah sepanjang mendapat pendidikan di sekolah ini.
- 3- Untuk membandingkan pencapaian sahsiah antara pelajar yang tinggal di asrama dengan di luar.
- 4- Untuk meneliti masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam menghayati konsep ibadah.
- 5- Untuk mengenalpasti samada aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak sekolah membantu ke arah peningkatan sahsiah dan hubungan sosial di dalam diri pelajar sekolah ini.

#### **1.5 Hipotesis Kajian :**

Pengkaji melihat bahawa penghayatan ibadah di kalangan pelajar ini sebenarnya lemah. Pada mereka ibadah hanya suatu kewajipan seorang muslim dan tiada hubungkait dengan hubungan sosial mereka seharian. Ibu bapa yang kurang memberikan penekanan agama terhadap anak-anak

juga merupakan penyumbang kegagalan tersebut. Jika di sekolah dan di asrama, para pelajar ditekankan dengan disiplin dan program ibadah yang banyak, keadaan adalah sebaliknya apabila mereka pulang ke rumah. Peluang memasuki sekolah ini lebih tertumpu kepada pencapaian akademik dan bukan untuk kecemerlangan sahsiah diri.

### **1.6- Kepentingan Kajian :**

Kajian ini amat penting kerana membabitkan aktiviti ibadah di kalangan pelajar di sebuah sekolah agama. Secara umumnya, apabila disebut pelajar sekolah agama maka tanggapan yang wujud adalah kemampuan mereka dalam menghayati pengertian ibadah. Pada masa yang sama, kehidupan sosial mereka turut digambarkan penuh kesempurnaan oleh masyarakat sekeliling. Aktiviti ibadah bukanlah hanya suatu tuntutan dalam sebuah kehidupan beragama bahkan ia mempunyai hubungan secara langsung dalam membina kehidupan sosial yang baik kepada pelajar tersebut.

Kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar Islam memahami pengertian sebenar ibadah. Memahami dan menghayati ibadah adalah penting bagi membolehkan mereka menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sehari-hari selain tujuan utama pembelajaran itu sendiri iaitu kecemerlangan di bidang akademik .

Turut diharapkan agar kajian ini dapat memberikan gambaran kepada keluarga dan pihak sekolah tentang cara mudah dan berkesan yang perlu ditekankan demi melahirkan diri pelajar yang sempurna pada semua aspek kehidupan. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi panduan dan kefahaman kepada masyarakat sekeliling dalam membantu menyediakan pelajar Islam yang berkualiti.

Kepada penulis dan penerbit buku agama pula, kajian ini diharapkan dapat memandu mereka terutama mengenai ketepatan isi kandungan, cara penyampaian dan pengambilkiraan usia pelajar selaku pembaca. Satu bentuk penulisan yang bersifat terkini bukan sahaja mampu menanamkan minat pelajar untuk membaca bahkan dapat merangsang mereka untuk mempraktikkannya dalam kehidupan. Seterusnya pengkaji berharap agar hasil kajian ini dapat memberikan sumbangan terhadap pengkaji lain dalam menjalankan penyelidikan berikutnya dari sudut yang lain pula.

### **1.7- Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu sekitar tahun 2005 hingga 2007. Sampel kajian terdiri daripada pelajar tingkatan dua dan empat sekolah ini. Pemilihan sampel adalah terbuka kepada pelajar lelaki dan perempuan yang tinggal di asrama dan di luar.

Aktiviti ibadah yang dikaji dalam kajian ini adalah ibadah khusus tentang sembahyang dan puasa sahaja. Pemilihan ini adalah kerana kedua -dua ibadah ini lebih praktikal di kalangan pelajar sekolah. Kajian tentang hubungan sosial pula adalah tertumpu kepada cara pergaulan yang diamalkan oleh pelajar sekolah ini dengan kawan, guru, ibu bapa serta masyarakat sekeliling mereka.

### **1.8-Ulasan Penulisan (Review of Literature) :**

Penyelidikan ini secara umumnya mengkaji tentang apakah pelajar SMKA Tok Jiring, Kuala Terengganu dapat menghayati peranan ibadah itu sebagai suatu proses dalam memastikan kehidupan sosial mereka dapat berlangsung dengan sempurna. Bagi memastikan objektif kajian tercapai, pengkaji terlebih dahulu menggunakan bahan yang diperolehi dari kajian perpustakaan.

Hasil pembacaan pengkaji mendapati kajian terhadap penghayatan ibadah dan kesannya terhadap hubungan sosial di kalangan pelajar sekolah agama masih belum dijalankan. Kajian sebelum ini hanya tertumpu kepada pemahaman dan pengamalan ibadah sahaja. Memandangkan kajian yang membabitkan perkaitan antara ibadah dan hubungan sosial belum lagi diadakan, maka kajian ini telah dilakukan bagi melihat apakah hasil sebenar yang akan diperolehi apabila sesuatu ibadah itu berjaya dihayati.

Pengkaji merujuk ayat-ayat al-Qur'an yang menyebutkan tentang kesan penghayatan ibadah dengan menggunakan *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* karangan Sheikh Abdullah Basmeih (1994), tafsir al-Qur'an seperti *Tafsīr al-Azhar*<sup>1</sup>, *Tafsīr fī Zilāl al-Qur'ān*<sup>2</sup>, *Tafsīr al-Marāghī*<sup>3</sup>, *Tafsīr Jalālayn*<sup>4</sup> dan *Tafsir Ayat-Ayat Hukum*<sup>5</sup>. Pengkaji turut merujuk hadis Rasulullah SAW melalui *Sahīh Bukhārī*<sup>6</sup> dan *Sahīh Muslim*.<sup>7</sup>

Perbincangan mengenai ibadah juga dibincangkan oleh para alim ulama. Di antaranya seperti karangan Syeikh Muḥammad ‘Abduh dalam kitabnya *al-‘Ibādah fī al-Islām*<sup>8</sup> (1984). Pada halaman ke 26 dan 27, beliau telah memberikan defnisi ibadah secara umum dan khusus. Perbincangan berikutnya menghuraikan tentang ibadah yang difardukan oleh Allah SWT kepada manusia.

<sup>1</sup> Hamka (1984), *Tafsīr al-Azhar*. j. 11. Indonesia: Panji Masyarakat.

<sup>2</sup> Sayyid Qutb Raḥīm (2004), *Tafsīr fī Zilāl al-Qurān*. Yusoff Zaky Haji Yacop (terj.), j. 4 , Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

<sup>3</sup> Aḥmad Muṣṭafa al-Marāghī (2001), *Tafsīr al-Marāghī*. Muḥammad Thalib (terj.) c.l. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>4</sup> Jalāl al-Dīn al-Mahallī dan al-Suyūṭī (1990), *Tafsīr Jalālayn*, Mahyuddin Syaf dan Bakri Abu Bakar (terj.) c. I. Bandung: Sinar Baru.

<sup>5</sup> R. Lubis Zamakhsyari (terj)(1981), *Tafsir Ayat-Ayat Hakam III*. c.l Bandung : PT al-Maarif.

<sup>6</sup> Imām Abī ‘Abd Allāh Muḥammad (t.t) *Sahīh al-Bukhārī*. j. 3. Beirut: Maktabah Thaqāfiyyah.

<sup>7</sup> Imām Maḥyū al-Dīn an-Nawāwī (1994), *Sahīh Muslim Syarḥ Imām Nawāwī*. j. 5. Beirut: Dār al Ma‘rifah.

<sup>8</sup> Muḥammad Ismā‘īl ‘Abduh (1984), *al-‘Ibādah fī al-Islām*. c. 4 , Kuwait: Maktabah al-Falāh.

Penulisan seterusnya yang membincangkan tentang ibadah dari sekumpulan penyelidik dikenali sebagai Lajnah Ta‘līf Mu‘assasah al-Balāgh (1988) dalam risalah mereka berjudul *al-‘Ibādah Wa al-Zuhdi fī al-Islām*<sup>9</sup>. Berpandukan ayat 51 dari Surah al-Dhāriyāt, suatu perbincangan mengenai ibadah bermula dari halaman 11 hingga 42. Ia merangkumi definisi ibadah, kaitan antara ibadah dengan niat, sistem dalam beribadah, jenis-jenis ibadah dan kesan ibadah dalam penyempurnaan diri individu.

Abū al-A‘lā al-Mawdūdī turut menulis mengenai ibadah dalam bukunya yang bertajuk *Mabādī’ al-Islām*.<sup>10</sup> Pada bab kelima, halaman 128 hingga 130, beliau telah menggariskan suatu definisi ibadah. Kemudian, perbincangan diteruskan dengan huraian berkenaan ibadah yang difardukan oleh Allah SWT iaitu solat, puasa, zakat dan haji.

Yūsuf al-Qarāḍāwī seterusnya telah mengarang sebuah kitab yang membincangkan mengenai ibadah secara lebih terperinci bertajuk *al-‘Ibādah fī al-Islām*<sup>11</sup> (1995). Kitab setebal 352 mukasurat ini telah mengulas segala hal yang berkaitan dengan ibadah bermula dari huraian tugas dan tujuan penciptaan seorang manusia, definisi dan pengertian tentang ibadah dalam Islam, ruang lingkup sebuah ibadah dan tujuan sesuatu ibadah itu dilakukan. Perbincangan ini menjadi lebih menarik apabila beliau telah menghuraikan beberapa kelonggaran dan keistimewaan yang terdapat dalam syariat Islam. Pengisian berikutnya adalah berkenaan ibadah yang diwajibkan ke atas setiap muslim iaitu solat, puasa, zakat dan haji.

Sebahagian dari karangan Yusuf al-Qarāḍāwī itu kemudiannya telah diterjemahkan oleh Hassan Idris dalam sebuah buku bertajuk *Ibadah Dalam Islam*<sup>12</sup> (2002). Buku setebal 126

<sup>9</sup> Lajnah al-Ta‘līf (t.t) *al-‘Ibādah wa al-Zuhdi fī al-Islām*. Iran : Muassasah al-Balāgh.

<sup>10</sup> Abū al-A‘lā al-Mawdūdī (t.t), *Mabādī’ al-Islām*, Kaherah: Matba’ah al-Basyir.

<sup>11</sup> Yūsuf al-Qarāḍāwī (1995), *al-‘Ibādah Fī al-Islām*. c. 25. Kaherah: Maktabah Wahbah.

<sup>12</sup> Yusuf Al-Qardhawi (2002), *Ibadah Dalam Islam*. Hassan Idris (terj.), c. 5. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

mukasurat itu menyentuh tentang sebahagian pertama dari isi awal kitab tersebut iaitu tugas utama manusia, pengertian ibadah dan ruang ibadah.

Anisah Ab. Ghani pula dalam buku *Konsep Dan Pengamalan Solat*<sup>13</sup> (2001) pula turut membincangkan bab solat dengan meluas. Bermula dari sejarah solat, konsep dan pengamalan solat di zaman Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Turut diterangkan secara menyeluruh segala hukum dan perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan solat. Hasil pembacaan ini telah penulis jadikan data kajian dalam bab kedua. Data ini penting untuk dijadikan bimbingan pengertian ibadah yang boleh menghasilkan suatu bentuk hubungan sosial yang menepati syariat Islam.

Bagi mendapatkan data, gambaran dan pemahaman mengenai hubungan sosial pula, pengkaji telah merujuk beberapa buah buku yang berkaitan sosial seperti *Pengenalan Kepada Sains Sosial*<sup>14</sup> (1998), *Sains Sosial Dan Sains Tulen* (1989) terjemahan oleh Mohamad Rafie Abdul Malek dari karangan asal berjudul *Social and Natural Sciences* tulisan I.R. Al Faruqi & A.O Naseaf, *Panduan Dasar Ilmu Ilmu Sosial* (1992) karangan Umar Junus, *Sosiologi Suatu Pengenalan* (1986) hasil terjemahan Mohammad Haji Yusuf dan *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah & Pendidikan*<sup>15</sup> oleh Mohd Salleh Lebar (2007).

Pengkaji juga ada merujuk penulisan yang menghuraikan tentang perkaitan antara kesan ibadah dalam membina akhlak individu karangan Udah Mohsin bertajuk *Kesan Ibadah Dalam Pembentukan Akhlaq Seorang Muslim*<sup>16</sup> (1987). Beliau telah menghuraikan bagaimana kesan

<sup>13</sup> Anisah bt Ab. Ghani (2001), *Konsep Dan Pengamalan Solat: Satu Kajian di Zaman Rasullullah, Sahabat dan Tabien*, c. 1 Kuala Lumpur : Hidayah Publishers.

<sup>14</sup> Sekolah Pembangunan Sosial Universiti Utara Malaysia (UUM) (1998), *Pengenalan Kepada Sains Sosial*. c. I, Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors.

<sup>15</sup> Mohd Salleh Lebar (2007), *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah & Pendidikan*. c.3, Selangor Thinker's Library Sdn. Bhd.

<sup>16</sup> Udah Mohsin (1987), *Kesan Ibadah Dalam Pembentukan Akhlaq Seorang Muslim*. c. 2. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.

positif yang akan terhasil dari ibadah sembahyang, puasa, zakat dan haji sekiranya semua kewajipan ini dilaksanakan dengan sempurna.

Secara keseluruhannya, buku-buku yang membincangkan tentang ibadah banyak sekali. Pengkaji bagaimanapun telah merujuk buku yang mengaitkan bagaimana ibadah boleh membentuk seseorang itu sehingga mampu menjadikan ibadah itu sebahagian dari hidupnya.

Imām al-Ghazālī dalam kitab beliau yang telah diterjemahkan berjudul *Rahsia Hakikat Sembahyang Menurut Tauhid, Fekah Dan Tasauf* hasil selenggaraan Abdul Rahman Mat Ismail telah menyatakan bahawa hakikat solat itu wujud dalam bahagian sembahyang, tempat, keutamaan khusyuk dalam solat, imam dan maknum, kepentingan menghadirkan hati dalam solat dan banyak lagi.

Hanafi Mohamed (1996) dalam bukunya *Falsafah Pendidikan Menurut Al- Quran*<sup>17</sup> telah membincangkan kepentingan ibadah sebagai satu pembuktian keesaan Allah SWT dan menerangkan pengertian ibadah bukan sahaja tertumpu pada solat, puasa dan zakat bahkan merangkumi apa saja amal soleh yang berlandaskan syariat Islam.

Pengkaji turut merujuk kajian ilmiah dan disertasi terdahulu bagi mendapatkan data berkaitan dengan kajian ini. Kajian bertajuk *Penghayatan Pergaulan Islam di Sekolah Menengah Agama Al Abbasiah*<sup>18</sup> oleh Nor Azam bin Abd Hamid (2003), *Sekolah Rendah Islam ABIM di Kedah: Satu Kajian Tentang Pencapaian Sahsiah di Kalangan Pelajarnya*<sup>19</sup> oleh Norsharifah bt Haji Ideris (2002), *Kesan Pendidikan Islam Terhadap Cara Hidup Pelajar di Sekolah*

---

<sup>17</sup> Hanafi Muhammad (1996), *Falsafah Pendidikan Menurut al-Quran*. c.l, Selangor: Pustaka Ilmi.

<sup>18</sup> Nor Azam b Abd. Hamid (2003), “Penghayatan Pergaulan Islam di Sekolah Menengah Agama al-Abbasiah, Sungkai, Perak” (Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>19</sup> Norsharifah bt Haji Ideris (2002), “Sekolah Rendah Islam ABIM di Kedah :Satu Kajian Tentang Pencapaian Sahsiah di Kalangan Pelajarnya” (Tesis Master, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

*Menengah Kebangsaan Tunku Aziz*<sup>20</sup> oleh Fadzliyah binti Hashim (2004), *Persepsi Mahasiswa Terhadap Dasar Pengasingan Penginapan Mengikut Gender; Kajian Perbandingan Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor dan Universiti Malaya, Kuala Lumpur*<sup>21</sup> oleh Bushrah binti Basiron (2006), *Asas Hukum Dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Sosial Dalam Kebudayaan*<sup>22</sup> oleh Mohd Anuar Ramli (2003), *Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Swasta: Satu Kajian Di Sri Islam al-Amin*<sup>23</sup> oleh Mohd Zaki b. Daud (2003), *Masalah Salahlaku Pelajar di Dua Buah Sekolah Menengah Agama di Kelantan*<sup>24</sup> oleh Fadil bin Sahak (2001) dan *Pembangunan Akhlak Remaja Mengikut al Quran*<sup>25</sup> oleh Fathiyyah Mohd Fakhrudin (2002) merupakan antara kajian yang agak berkait dengan kajian ini. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati kajian-kajian ini tidak mengaitkan antara kesan dari penghayatan ibadah di dalam Islam dengan hubungan sosial yang menepati syariat Islam.

Sebagai kesimpulannya, suatu kajian khusus yang mengaitkan kesan antara penghayatan ibadah dengan hubungan sosial di kalangan pelajar sekolah agama belum dilakukan oleh mana-mana pihak secara rasmi. Kajian ini sebenarnya amat penting memandangkan pelajar yang belajar di sebuah sekolah agama bukan sahaja diharapkan berjaya di bidang akademik bahkan mereka merupakan tonggak kepada kecemerlangan akhlak dan sahsiah diri seorang intelektual ummah di masa akan datang.

---

<sup>20</sup> Fadzliyah binti Hashim (2004), “Kesan Pendidikan Islam Terhadap Cara Hidup Pelajar : Suatu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abd. Aziz, Simpang Empat, Alor Star, Kedah” (Tesis Master, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>21</sup> Bushrah Binti Basiron et.al (2006), “Persepsi Mahasiswa Terhadap Dasar Pengasingan Penginapan Mengikut Gender; Kajian Perbandingan Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor Dan Universiti Malaya, Kuala Lumpur” (Kajian Penyelidikan, Pusat Pengajaran Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia, Johor).

<sup>22</sup> Mohd Anuar Ramli (2003), “Asas Hukum Dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Sosial Dalam Kebudayaan” (Tesis Master, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

<sup>23</sup> Mohd Zaki b. Ahmad (2003), “Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah Swasta: Satu Kajian Di Sekolah Rendah Islam al-Amin, Kuala Lumpur” (Tesis Master, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>24</sup> Fadzil Sahak (2001), “Masalah Salahlaku Pelajar di Dua Buah Sekolah Menengah Agama di Kelantan” (Tesis Master, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).

<sup>25</sup> Fathiyyah Mohd Fakhruddin (2002), “Pembangunan Akhlak Remaja Menurut al-Quran : Kajian Tentang Pendekatannya Terhadap Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah-Sekolah Menengah di Ampang, Selangor Darul Ehsan”(Tesis Master, Fakulti Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah, ahli keluarga dan masyarakat sekeliling umumnya dalam usaha memastikan harapan ini tercapai dengan sempurna.

### **1.9 -Metodologi Kajian:**

Dalam mengumpulkan data dan maklumat yang diperlukan, kajian ini secara umumnya telah menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Kaedah pengumpulan data adalah melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Manakala kaedah analisis data menggunakan metode induktif dan metode deduktif.

#### **1.9.1 – Kaedah Pengumpulan Data**

Dalam usaha mendapatkan data, pengkaji menggunakan dua kaedah pengumpulan data melalui dua proses kajian iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kedua-dua kaedah tersebut dijelaskan seperti berikut:

##### **a- Kajian perpustakaan**

ia merupakan proses pengumpulan data kajian ini yang berkaitan dengan konsep dan pemahaman ibadah dan hubungan sosial remaja. Pengkaji banyak merujuk kitab-kitab tafsir al-Quran, kitab-kitab hadis, kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari, disertasi terdahulu dan artikel-artikel dari laman web. Pengkaji juga mendapat maklumat berkaitan tempat kajian iaitu SMKA Tok Jiring dari pihak pentadbiran sekolah.

Di antara perpustakaan yang dikunjungi:

- a) Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.
- b) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM).
- c) Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.
- d) Perpustakaan Utama Universiti Islam Antarabangsa (UIAM ), Gombak
- e) Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur
- f) Perpustakaan Awam Negara, Kuala Lumpur
- g) Perpustakaan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kuala Terengganu
- h) Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Terengganu

### **b-Kajian lapangan**

Penyelidikan ini turut melibatkan kajian berbentuk lapangan bagi mendapatkan data tempat kajian ini diadakan selaku data primer kajian. Ia melibatkan beberapa proses iaitu pemilihan responden, soal selidik, temubual dan pemerhatian.

### **a-Pemilihan Responden**

Responden kajian terdiri daripada 283 orang pelajar SMKA Tok Jiring, Kuala Terengganu. Menurut Krejcie & Morgan(1970), jumlah responden yang diperlukan bagi populasi sebanyak 1200 orang adalah 291 orang.<sup>26</sup> Namun jumlah pelajar di sekolah ini pada tahun kajian ini dijalankan adalah 1116 orang. Pengkaji telah mengedarkan borang soalselidik sebanyak 300 set dan dipulangkan sebanyak 283 set borang. Para responden dipilih berdasarkan beberapa kriteria bagi memastikan objektif kajian ini dapat dicapai dengan sempurna.

---

<sup>26</sup> Krejcie, R.V & Morgan, D.W (1970), *Determining Sample Size For Research Activities*. Educational and Psychological Measurement. h.607-610.

Di antaranya ialah responden terdiri dari pelajar perempuan dan lelaki tingkatan dua dan empat. Ini kerana pihak pentadbiran sekolah hanya membenarkan pengkaji mengedarkan borang soalselidik di kalangan pelajar tingkatan dua dan empat sahaja tanpa melibatkan pelajar tingkatan satu, tiga dan lima. Pemilihan responden turut melibatkan pelajar yang menginap di asrama sekolah dan di luar bagi membolehkan pengkaji membuat bandingbeza pelaksanaan ibadah dan pencapaian hubungan sosial diantara keduanya.

### **b- Soal selidik**

Kajian ini turut menggunakan proses soal selidik berdasarkan suatu borang khas yang disediakan oleh pengkaji. Borang tersebut terlebih dahulu dibincang dan disemak bersama penyelia kajian ini. Pengkaji kemudiannya telah meminta kebenaran dari pihak sekolah untuk mengedarkan sendiri borang tersebut kepada para responden. Seterusnya, para responden diminta mengisi borang tersebut dan memulangkannya kepada pengkaji pada hari yang sama. Semua borang tersebut telah diproses oleh pembantu penyelidik menggunakan perisian komputer *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)* versi 11.0.

Borang ini dibuat berdasarkan lima objektif kajian dan dibahagikan kepada tiga bahagian. Soalan di bahagian A yang mempunyai jawapan berpandu ini merupakan soalan berkaitan tentang maklumat diri responden termasuk umur, tingkatan, latarbelakang keluarga secara ringkas serta tahap pendidikan agama yang pernah dan sedang diikuti. Melalui jawapan di bahagian inilah pengkaji mengetahui tahap pendidikan agama responden.

Bahagian B pula mengandungi 15 soalan untuk menjawab objektif kajian adakah penghayatan ibadah pelajar di SMKA Tok Jiring meningkat setelah mengikuti pengajian di sana. Melalui soalan

di bahagian ini juga pengkaji mengetahui apakah responden menghadapi masalah dalam menghayati konsep ibadah dan mengamalkannya.

Borang soal selidik untuk Bahagian C pula bertujuan membandingkan pencapaian sahsiah antara responden yang tinggal di asrama dan di luar. Bagi mendapatkan perbandingan ini, responden diminta menjawab empat soalan yang berbeza mengikut tempat tinggal mereka samada di asrama atau di luar. Soalan terakhir bertujuan mengetahui samada aktiviti dan program anjuran pihak sekolah membantu ke arah peningkatan sahsiah dan hubungan sosial di dalam diri responden. Kesemua soalan di bahagian B dan C mempunyai lima skala jawapan dan responden hanya perlu memilih satu sahaja dari jawapan mengikut pilihan masing-masing. Hasil dari soal selidik ini seterusnya di analisis pada Bab Empat.

### **c- Temubual**

Bagi melengkapkan lagi data kajian terutama dalam bab tiga dan empat, suatu temubual telah diadakan dengan kakitangan sokongan dan guru di sekolah tempat kajian ini dijalankan. Proses ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu temubual secara formal dan tidak formal. Dalam sesi temubual secara formal, soalan temubual disediakan terlebih dahulu sebagai asas temubual dan mendapat persetujuan dari informan. Ia melibatkan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Guru Disiplin, Guru Pendidikan Islam dan warden asrama.

Temubual secara tidak formal pula melibatkan kakitangan sekolah, ibu bapa responden serta beberapa orang masyarakat yang tinggal berdekatan dengan tempat kajian. Melalui semua maklumat inilah pengkaji mendapat gambaran tentang hubungan sosial pelajar dengan masyarakat sekelilingnya.

#### **d-Pemerhatian :**

Dalam penyelidikan ini, pengkaji turut menggunakan teknik pemerhatian bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian yang lebih terperinci. Pengkaji dapat mengkaji corak kehidupan pelajar yang tinggal di asrama dan di luar kerana pengkaji tinggal berdekatan dengan tempat kajian. Pengkaji dibenarkan<sup>27</sup> oleh pihak sekolah untuk memasuki kawasan sekolah dan asrama pada bila-bila masa. Pengkaji dibenarkan menggunakan bilik warden oleh pihak asrama dan telah hadir ke sekolah dan asrama pelajar perempuan lebih dari lima kali. Setiap kali pengkaji hadir ke asrama, pengkaji berada di sana dari awal pagi sehingga waktu tidur pelajar.

Proses pemerhatian ini agak mudah untuk dilakukan dan pengkaji agak bebas berada di asrama kerana menemani saudara yang bertugas sebagai warden asrama perempuan. Pemerhatian telah dilakukan pada waktu sembahyang berjemaah pelajar di surau, waktu makan di dewan makan, waktu ulangkaji (prep) di kelas yang bertempat di bangunan sekolah serta beberapa aktiviti lagi mengikut tempat masing-masing. Pengkaji juga berpeluang melakukan pemerhatian ketika sesi kelas pengajian rasmi di sekolah berlangsung iaitu dari pukul 7.30 pagi sehingga jam 2.50 petang.

#### **1.9.2 Kaedah Analisis Data**

Dalam analisis data, pengkaji menggunakan dua kaedah iaitu metode induktif dan metode deduktif. Huraian tentang dua kaedah tersebut seperti berikut;

---

<sup>27</sup> Salinan surat kebenaran dari pihak sekolah disertakan pada bahagian lampiran kajian ini.

### **a- Metode Induktif**

Metode induktif ialah suatu cara analisis data yang dibuat melalui pola berfikir bagi mencari pembuktian sahih tentang dalam hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai ke dalil umum<sup>28</sup>. Pengkaji telah menggunakan metode ini dalam bab kedua dan ketiga iaitu data yang berkaitan konsep dan penghayatan ibadah serta kesannya terhadap hubungan sosial pelajar.

### **b- Metode deduktif**

Metode deduktif ialah pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap dalil khusus. Selain itu, ia juga merupakan cara untuk menghuraikan sesuatu masalah dengan cara yang lebih terperinci. Metode ini digunakan oleh pengkaji dalam bab keempat bagi menganalisis data-data kajian yang diperolehi seterusnya dibuat kesimpulan mengenainya.

### **(c) Metode Perbandingan (Komparatif)**

Metode komparatif melibatkan dua unsur atau lebih untuk dideskripsi dengan lengkap bagi melihat perbandingan di antara keduanya dengan jelas. Metode ini adalah satu cara membuat kesimpulan perbandingan terhadap data, fakta dan pendapat yang diperolehi semasa melakukan penyelidikan. Metode ini digunakan dengan meluas sekali dalam keseluruhan bab keempat iaitu satu bab yang paling penting bagi kajian ini. Pengkaji menganalisis perbandingan pencapaian sahsiah antara pelajar yang tinggal di asrama dengan di luar untuk mendapatkan

---

<sup>28</sup> Koentjaraningrat (1991), *Method-Method Penelitian Masyarakat*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama, h. 51.

hasil dapatan kajian dan melaluinya juga dalam bab kelima pengkaji membuat rumusan dan kesimpulan kajian ini.

### **1.10- Sistematika Penulisan**

Pengkaji memulakan kajian yang terdiri daripada lima bab ini dengan pendahuluan. Dalam pendahuluan yang juga merupakan bab satu, pengkaji menghuraikan kepada para pembaca mengenai latarbelakang kajian, masalah kajian, objektif kajian, metodologi kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, ulasan penulisan dan batasan kajian. Bab ini merupakan bab yang penting bagi menggambarkan segala komponen yang diperlukan dalam penghasilan disertasi ini.

Dalam bab kedua, terlebih dahulu pembaca didedahkan dengan konsep dan pengertian ibadah menurut al-Quran, hadis dan pandangan ulama. Pengkaji kemudiannya menyatakan pembahagian ibadah, ruang lingkup ibadah, pengesahan ibadah dan hikmah dalam beribadah. Bab ini menumpukan huraian awal tajuk kajian ini. Penulisan pada bab ini penting agar dapat memberi gambaran tentang ibadah di dalam Islam.

Menerusi bab ketiga, pengkaji membawa pembaca kepada latar belakang tempat kajian iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu. Bab ini menghuraikan maksud pada hujung tajuk kajian ini. Selain pengenalan tentang sekolah ini sebagai tempat kajian, pengkaji turut membincangkan keberkesanan aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah bagi meningkatkan penghayatan ibadah di kalangan pelajar. Turut dinyatakan pada bab ini ialah jadual harian dan keadaan hubungan sosial yang berlaku di kalangan pelajar sekolah ini.

Seterusnya pada bab keempat, pengkaji menumpukan kajian terhadap analisis data yang diperolehi dari edaran borang soal selidik kajian. Data kajian telah dikuatkan lagi dengan hasil pemerhatian pengkaji di tempat kajian serta temubual pengkaji dengan pihak ibubapa, guru sekolah dan kakitangan sekolah ini. Analisis data ini dilakukan berdasarkan soalan utama kajian iaitu latar belakang pengetahuan agama dan penghayatan ibadah di kalangan pelajar. Analisis turut dilakukan terhadap masalah yang timbul di kalangan pelajar dalam mengamal dan menghayati ibadah. Pengkaji turut menganalisis keberkesanan aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah membantu ke arah penghayatan ibadah di kalangan pelajar dan seterusnya membuat perbandingan pencapaian sahsiah antara pelajar yang tinggal di asrama dan luar.

Pada bab kelima iaitu bab terakhir kajian ini, pengkaji membuat rumusan hasil dari analisis data sebagai penutup kajian ini. Pengkaji turut menyarankan beberapa saranan kepada pihak yang berkaitan bagi mengenangkan usaha yang sepatutnya dilakukan bagi memantapkan tahap penghayatan ibadah dan kesannya terhadap pelajar di sekolah.

## **BAB DUA**

## **BAB DUA:**

### **PENGHAYATAN IBADAH**

#### **2.1 PENGENALAN**

Penciptaan manusia di muka bumi bukanlah secara percuma tanpa sebarang tugas atau matlamat yang perlu. Sebaliknya ia menuntut kepada suatu kegiatan hidup yang telah digariskan oleh Allah SWT untuk ditunaikan sebaik mungkin. Pelaksanaan tersebut bukanlah secara paksaan tetapi memerlukan kepada kepatuhan yang seterusnya akan melahirkan suatu rasa cinta dan ikhlas. Kegiatan yang dinamakan ibadah ini terbahagi kepada dua kategori iaitu ibadah umum dan khusus.<sup>29</sup>

Ibadah umum adalah sebarang jenis perbuatan yang baik dan ikhlas dilakukan kerana Allah SWT serta tidak dicampurkan niat yang tidak baik. Ini termasuklah amalan seperti menolong orang, mencari nafkah, mengajak kepada kebaikan, milarang daripada keburukan serta berbuat ihsan kepada tumbuhan dan haiwan. Ibadah khusus pula adalah sebagaimana yang banyak dibincangkan oleh para fuqaha iaitu ibadah yang telah ditetapkan oleh syarak atau lebih dikenali dalam rukun Islam yang lima iaitu mengucap dua kalimah syahadah, solat, puasa, zakat dan haji.<sup>30</sup>

Menunaikan ibadah dengan penuh ketaatan dan rasa kehambaan akan meletakkan seorang manusia itu berada di landasan keimanan<sup>31</sup> kepada Allah SWT dan demikianlah jika

---

<sup>29</sup> Abu Bakar Ismail et.al (2003), *Ensiklopedia Islam Untuk Pelajar*. j. 2, c. 1. Kuala Lumpur: Era Visi Publication Sdn Bhd, h. 111.

<sup>30</sup> Hasbi al-Siddiqi (1994) *Kuliah Ibadah*. Penerbit: Bulan Bintang, h. 50-51.

<sup>31</sup> Syeikh Abu Malik Bin As-Sayid Salim (2009), *Ensiklopedia Fiqah Wanita Muslimah*. c.1, Puchong: Berlian Publications Sdn Bhd, h. 67.

sebaliknya menunaikan tanpa rasa ketaatan akan meletakkannya di lorong kemurkaan kepada Allah SWT.

## 2.2 DEFINISI IBADAH

### 2.2.1 Ibadah Menurut Al-Quran

Di dalam al-Quran, perkataan ibadah disebut berulang kali dan membawa pengertian yang berbagai. Di antaranya, ia bererti penyembahan dan pengabdian.<sup>32</sup> seperti firman Allah SWT :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Surah al-Dhāriyāt (51) :56

Di dalam Surah Yāsin ayat 60 pula menyatakan ibadah ini membawa erti taat<sup>33</sup> seperti firman Allah SWT yang berbunyi :

أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَبْنَىءَادَمَ أَنْ لَا تَعْبُدُوا أَلشَّيْطَنَ  
إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌ مُّبِينٌ ﴿٦٠﴾

Bukankah Aku telah perintahkan kamu wahai anak-anak Adam, supaya kamu jangan menyembah Syaitan? Sesungguhnya ia musuh yang nyata terhadap kamu!.

Surah Yāsin (36): 60

<sup>32</sup> al-Ḥamsī, Muḥammad Ḥasan (t.t), *Qur‘ān Karīm Tafsīr wa Bayān Ma‘a Asbāb al-Nuzūl li al-Suyūṭī*. Beirut: Dār al-Rasyīd, h. 523.

<sup>33</sup> *Ibid*, h. 444. Lihat juga: Wahbah Zuhaylī (1991), *Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah Wa al-Syārī‘at Wa al-Manhaj*. j. 23, c. 1. Beirut: Lubnan, h. 37.

Dalam Surah Ghāfir ayat 60 pula, ia difahami dengan maksud doa<sup>34</sup> seperti firman Allah SWT yang berbunyi:

وَقَالَ رَبُّكُمْ أَدْعُونِي أَسْتَحِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ  
يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ

Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombang takbir daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina”.

Surah al-Ghāfir (40) : 60

Tiga ayat yang lalu menerangkan bahawa ibadah secara umumnya bererti pengabdian, taat dan doa. Secara praktikalnya, keimanan yang mendalam kepada Allah, kefahaman peranan seorang hamba di mukabumi dan sifat kebergantungan mutlak kepada Allah yang Maha Berkuasa akan melengkapkan diri seorang manusia itu menjadi seorang Muslim sejati.

### 2.2.2 Ibadah Menurut Hadis

Di dalam hadis-hadis Rasulullah SAW yang merupakan sumber hukum kedua bagi umat Islam, terdapat beberapa hadis yang menyeru agar melakukan kebaikan yang mempunyai nilai ibadah.

Di antaranya :

Pertama<sup>35</sup> :

<sup>34</sup> ‘Imād al-Dīn Abī Fidā’ Ismā‘il ibn Kathīr (1998), *Tafsīr al-Qurān al-‘Aẓīm*. j. 4, c. 2. Damsyik: Maktabah Dār al-Finā.

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : "إِيمَانٌ بِضُعْفٍ وَسَبْعُونَ أَوْ بِضُعْفٍ وَسِتُّونَ شَعْبَةً، فَأَفْضَلُهَا: قَوْلٌ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ. وَأَذْنَاهَا: إِمَاطَةُ الْأَذَى عَنِ الظَّرِيقَةِ. وَأَحْيَاءُ شَعْبَةٍ مِنْ إِيمَانٍ".

Nabi SAW bersabda: “Iman itu berbagai yang terbaik ialah ucapan dua kalimah syahadah dan serendahnya ialah membuang duri dari jalan dan malu itu sebahagian dari iman”.

Kedua<sup>36</sup> :

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : عُودُوا الْمَرِيضَ وَأَطْعِمُوهُ الْجَائِعَ وَفَكُّوا الْعَالَمِ

Nabi SAW bersabda: “Ziarahlah orang yang sakit dan berilah makan orang yang kelaparan dan bantulah orang yang dianaya.”

Ketiga<sup>37</sup> :

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا مُعاذَ أَنْدَرِيْ مَا حَقُّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ وَمَا حَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ؟ قَالَ: قُلْتُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ: فَإِنَّ حَقَّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ أَنْ يَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا يُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَ حَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ أَنْ لَا يُعَذَّبُ مَنْ لَا يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا.

Nabi SAW telah bertanya kepada Muaz bin Jabal: “Wahai Muaz, tahukah kamu tentang hak Allah atas hambaNya dan apa hak hamba dengan Allah?”. Jawab Muaz: “Allah SWT dan RasulNya lebih mengetahui.” Rasulullah SAW menjelaskan: “Hak Allah atas hambaNya adalah mereka menyembah (beribadah) kepadaNya dan tidak

<sup>35</sup> Yaḥya ibn Syaraf al-Nawāwī (2001), *Riyāḍ al-Šāliḥīn Min Kalām Sayyid al- Mursalīn*, Kitāb Sya'bu al- Īmān, no hadis (10/27), h. 60.

<sup>36</sup> al- Nawāwī, *op.cit.*, *Bāb al Amru bi 'Iyāḍ wa Tasyyi 'al Mayyit*. no hadis, (902/4), h. 274.

<sup>37</sup> al- Nawāwī (1976), *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 1, c. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 232.

menyekutukanNya dengan sesuatu yang lain dan hak seorang hamba dengan Allah SWT ialah Dia tidak akan mengazabkan sesiapa yang tidak melakukan syirik terhadapNya dengan sesuatu yang lain”.

Kesimpulannya, semua dalil dari al-Quran dan Hadis menunjukkan bahawa ibadah bererti apa saja perbuatan baik anjuran Islam yang boleh memberi manfaat dan kebaikan kepada manusia seluruhnya. Pelaksanaan syariat Islam akan memberikan kesan yang yang positif dalam kehidupan setiap insan melalui apa juga bidang seperti akidah, ibadah dan muamalah.

### **2.2.3 Definisi Ibadah Menurut Pandangan Ulama**

Perkataan ibadah kerap kali disebut dan dikaitkan sebagai suatu aktiviti keagamaan. Ia turut ditafsirkan dengan pelbagai pengertian. Ia turut ditafsirkan dengan pelbagai pengertian. Ibadah dari segi bahasa ialah *al-tā’ah* iaitu taat<sup>38</sup> dan kerja yang disukai Allah SWT.<sup>39</sup> Ia turut diertikan sebagai pengabdian diri kepada Allah SWT.<sup>40</sup> Di samping itu, ibadah juga boleh difahami sebagai suatu perbuatan yang dilakukan sebagai usaha menghubungkan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT sebagai tuhan yang disembah.<sup>41</sup>

Segala perbuatan yang disukai dan direjadi oleh Allah SWT, baik perkataan maupun tindakan, baik terang-terangan maupun tersembunyi dalam rangka mengagungkan Allah SWT dan mengharapkan pahalaNya juga dikatakan sebagai ibadah. Dengan kata lain, ia merupakan kewajipan untuk melaksanakan syariat Allah SWT sesuai dengan pelaksanaan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.<sup>42</sup>

<sup>38</sup> Ibn Manzūr (1994), *Lisān ‘Arab*. j. 3, c. 3. Beirut: Dār al-Şādir, h. 272.

<sup>39</sup> al-Marbāwī, Muḥammad ‘Abd al-Rauf (1990), *Kamus Idris al-Marbāwī*. c. 1. Kuala Lumpur: Dār al- Fikr, h. 2.

<sup>40</sup> Jawatankuasa Istilah Fiqh (1995), *Glosari Fiqh* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 56.

<sup>41</sup> *Ensiklopedia Hukum Islam* (t.t), j. 2. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve, h. 592.

<sup>42</sup> Abu Bakar Ismail et.al (2003), *op.cit*, h. 111.

Al-Rāghib al-Asfahānī kemudian telah menyatakan bahawa ibadah itu terdiri dari dua jenis iaitu ibadah sukarela dengan menghambakan diri dan keduanya ialah ibadah yang telah ditentukan iaitu yang telah diperintahkan oleh Allah SWT<sup>43</sup> Perkataan lain yang membawa makna serupa dengan ibadah ialah penyembahan, penyerahan dan ketundukan seorang hamba kepada tuhannya .<sup>44</sup>

Ibadah yang merupakan kata terbitan dari perkataan ‘*abada, ya ‘budu*’ merangkumi segala perkataan dan perbuatan yang disukai Allah SWT bagaimanapun mestilah terdiri dari dua elemen penting iaitu ilmu dan amal. Namun, ilmu adalah lebih diutamakan dari amal kerana dengan ilmulah sesuatu amalan itu dapat dilakukan dengan sempurna dan menjadi amal yang soleh.<sup>45</sup>

#### 2.2.3.1 Pendapat Abū A‘la al-Mawdūdī<sup>46</sup>

Abū al-A‘la al-Mawdūdī berpendapat bahawa ibadah dari segi makna dan hakikat adalah penyembahan hamba kepada tuannya. Segala apa yang terhasil daripada penyembahan hamba tersebut dalam mentaati tuannya adalah ibadat. Sebagai contoh, menjauhi berbohong dalam percakapan, tidak mengumpat, berlaku adil, mengadakan urusan jual beli dengan jujur, menjaga hubungan baik sesama manusia dan menunaikan yang hak, segalanya termasuk dalam ibadah.

<sup>43</sup> al-Rāghib al-Asfahānī (1961), *al-Mufradāt*. j. 1 & 2. Mesir: Maktabah Muṣṭafā al- Bāb al-Ḥalabī wa Awlāduhu, h. 315.

<sup>44</sup> Lajnah al-Ta‘līf (1987), *Mafhūm al-‘Ubūdiyyah fī al-Islām*. c. 2. Iran: Mu‘asasah al-Balāgh, h. 7.

<sup>45</sup> Maḥmūd Muḥammad (1982), *al-Dīn ‘Inda Allāh*. c. 1. Jordan: Maktabah al-Risālah al Ḥādīthah, h. 49.

<sup>46</sup> Abū al-A‘la al-Mawdūdī (t.t), *Mabādi‘ al-Islām*. Kaherah: al-Ṭibā‘ah al-Basyīr, h. 128-129.

Demikian juga sekiranya kita berlaku baik terhadap orang miskin, membantu orang yang dizalimi dan memberi makan orang yang lapar. Segala aktiviti ini sekiranya dilakukan tanpa menuntut sebarang balasan atau tidak mengandungi sesuatu kepentingan selain mengharap ganjaran pahala dari Allah SWT maka akan dihitung sebagai ibadah.

Sebagai kesimpulannya, segala ketakutan manusia terhadap Allah SWT dalam apa jua masa dan keadaan, menjadikan reda Allah SWT sebagai matlamat hidup, kepatuhan kepada segala perundanganNya, mengelakkan dari melakukan perbuatan yang cenderung kepada maksiat, sabar dalam menghadapi segala bencana dan dugaan hidup dan melaluinya dengan penuh ketaatan kepada Allah SWT adalah ibadah .

#### 2.2.3.2 Pendapat Syeikh Muḥammad ‘Abduh<sup>47</sup>:

Syeikh Muḥammad ‘Abduh telah menghuraikan ayat 56 Surah al-Dhāriyāt yang berbunyi:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَنَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”

Surah al-Dhāriyāt (51):56

Petikan dari ayat di atas ialah fungsi utama manusia diciptakan adalah untuk beribadah kepada Allah SWT. Segala perbuatan manusia bermula dari niat dan keazaman dalam melakukan sesuatu, perkataan dan gerakan anggota badan semata-mata kerana Allah SWT. Oleh itu, setiap orang Islam mestilah melakukan segala amalan yang telah diwajibkan oleh Allah SWT. Di antaranya ialah bersuci bagi menghasilkan kebersihan dan kecerdasan,

---

<sup>47</sup> Muḥammad Ismā‘īl ‘Abduh (1984), *al-‘Ibādah fī al-Islām*. c. 4. Kuwait: Maktabah al-Falāḥ, h. 26-27.

sembahyang bertujuan menjauhkan kemungkaran dan kejahanan, ibadah zakat yang akan membersihkan harta dan membantu golongan miskin, berpuasa mendatangkan faedah kesihatan badan dan benteng godaan syaitan serta ibadah haji dan umrah selaku aktiviti berziarah di jalan Allah SWT dan merupakan perhimpunan umat Islam sedunia.

Keseluruhan dari apa yang huraiyan oleh Syeikh Muhammad ‘Abduh ini, bolehlah kita simpulkan bahawa Islam bukanlah suatu agama yang menakutkan atau menyusahkan penganutnya. Bahkan, ia merupakan suatu agama yang padat dengan aktiviti keagamaan berobjektifkan kebaikan dan keuntungan untuk semua pihak. Ini jelas dapat ditemui dalam segala rangkaian ibadah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT yang sudah pastinya mengandungi hikmah buat semua hambaNya.

#### 2.2.3.3 Pendapat Yūsuf al-Qaraḍāwī<sup>48</sup>

Yūsuf al-Qaraḍāwī telah membuat satu rumusan tentang hakikat ibadah bahawa ibadah yang telah ditentukan oleh Allah itu mestilah dilengkapi dengan dua faktor yang penting iaitu patuh pada ketentuan Allah dan keikhlasan serta rasa cinta pada Allah SWT.

Faktor pertama: Tindakan menurut, mengikut dan mengikat diri dengan segala perkara yang ditentukan oleh Allah SWT. Oleh itu, individu yang tidak tunduk kepada perintah Allah SWT bahkan enggan mengerjakan suruhanNya tidak akan dinamakan hamba Allah atau orang yang beribadat kepada Allah SWT. Memohon dan bergantung harap kepada Allah SWT baik dalam keadaan senang maupun susah serta menunaikan segala hak-hak ketuhanan Allah SWT akhirnya akan menghasilkan ibadah sebagaimana dalam firman Allah SWT:

---

<sup>48</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1995), *al-‘Ibādah fī al-Islām*, c. 25. Kaherah: Matba‘ah al Midānī, h. 32-34. Telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Haji Hassan Idris dan diterbitkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) untuk cetakan kelima (2002) oleh Percetakan Watan Kuala Lumpur.

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Kepada Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.

Surah al-Fatiyah (1) : 5

Faktor kedua<sup>49</sup>: Pengikatan diri dan patuh kepada segala yang ditentukan Allah SWT itu hendaklah lahir dari hati yang kasih cinta pada Allah SWT lantaran tiada tuhan yang lain selayaknya wujud kecuali Allah SWT.

Kesimpulan dari pendapat tiga orang ulama tersebut ialah pertama, besarnya peranan iman yang kukuh kepada Allah SWT di dalam melaksanakan sesuatu ibadah. Kedua, kehidupan bertuhankan Allah SWT dan beragamakan Islam menjadikan seorang manusia itu merasai kepentingan hidup bermasyarakat. Ketiga, kewujudan alam semesta ini membuktikan pentingnya perasaan kekitaan terhadap diri manusia. Apabila perasaan ini terhasil, maka lahirlah suatu hubungan sosial yang baik<sup>50</sup>.

### 2.3 PEMBAHAGIAN IBADAH

Semua perbuatan, amalan serta kegiatan dalam ibadah itu terbahagi kepada lima bentuk<sup>51</sup> iaitu ibadah *qawliyyah*, *jismiyyah*, *māliyyah*, *qawliyyah jismiyyah* dan *qawliyyah, jismiyyah wa māliyyah*.

1-Ibadah *qawliyyah* : Merupakan ibadah yang berbentuk perucapan seperti membaca al-Quran, berzikir dan berdoa. Ibadah ini paling mudah dilakukan kerana tidak memerlukan waktu

<sup>49</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1995), *op.cit.*, h. 33.

<sup>50</sup> Ibnu Khaldun Abdul Rahman (2002), *Mukaddimah*, c. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. h. 208.

<sup>51</sup> Abu Bakar Ismail (2003), *op.cit.*, h. 111. Lihat juga *Ensiklopedia Hukum Islam* (t.t), *op.cit.*, h. 594.

pelaksanaan yang khusus atau syarat-syarat sah dan batal sebagaimana ibadah yang lain. Walau bagaimanapun, ia boleh dilakukan tanpa mengabaikan kewajipan ibadah lain. Membaca al-Quran misalnya jika pembacaan tersebut terlalu asyik sehingga meninggalkan sembahyang fardu maka ia tidak lagi dikatakan sebagai ibadah bahkan boleh mendatangkan dosa.

2-Ibadah *jismiyah* : Ia merupakan ibadah yang melibatkan aktiviti fizikal sahaja. Misalnya berpuasa dan menolong orang melakukan kebaikan. Seluruh anggota badan hendaklah dipelihara daripada melakukan perlakuan yang tidak baik.<sup>52</sup>

Dalam hal ini, Allah SWT menyuruh umat manusia agar saling tolong-menolong dalam melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahanatan sepertimana dalam firmanNya<sup>53</sup> :

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ ۝ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ  
وَالْعُدُوَّانِ ۝ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Dan hendaklah kamu menolong membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah SWT, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

Surah al-Mā'idah (5) : 2

3-Ibadah *māliyyah* : Merupakan suatu pelaksanaan ibadah yang melibatkan harta seperti mengeluarkan zakat, infak dan bersedekah.<sup>54</sup> Harta benda yang dikurniakan Allah SWT ini akan membawa keberkatan hidup dunia akhirat jika disalurkan ke jalan yang

<sup>52</sup> H. Rus'an (2000), *Mutiara Ihya' 'Ulumuddin*. Thinkers Library. h. 106-107.

<sup>53</sup> Wahbah al Zuhayli (1991), *op.cit.*, h. 69.

<sup>54</sup> Abu Bakar Ismail (2003), *op.cit.*, h. 111.

sepaututnya termasuklah dengan menyertai ibadah korban yang merupakan antara syiar Islam.<sup>55</sup>

Allah SWT telah mengingatkan bahawa di antara perkara yang boleh mendatangkan kesusahan kepada manusia ialah harta benda yang tidak diurus atau digunakan ke jalan yang benar sebagaimana firmanNya :

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ

عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ

Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian dan sesungguhnya di sisi Allah SWT jualah pahala yang besar.

Surah Al-Anfal (8):28

4- Ibadah *qawliyyah jismiyyah*: Merupakan ibadah gabungan antara kata-kata iaitu bacaan dengan gerakan badan<sup>56</sup> seperti ibadah solat. Ia dilakukan dengan gerakan anggota badan beserta beberapa jenis bacaan yang telah tertentu. Sempurnanya gabungan dalam mendirikan solat itu umpama suatu kenduri yang mana gerakan anggota itu adalah makanan dan bacaan pula sebagai pelengkapnya iaitu minuman.<sup>57</sup> Ia merupakan antara ibadah terpenting yang difardukan ke atas umat Islam dan mempunyai beberapa keistimewaan dan martabat yang tersendiri .<sup>58</sup>

<sup>55</sup> Farāj Zahrān al- Damardasyī dan Muḥammad ‘Abdul Laṭīf Qindīl (2000), *Dirāsah fī al- Fiqh al-Syāfi‘ī*. Iskandāriyyah: Dār al Ma‘rifah, h. 114.

<sup>56</sup> Abu Bakar Ismail (2003), *op.cit.*, h. 111.

<sup>57</sup> Abu al-Layth al-Samarqandī (1997), *Tanbīh al Ghāfiłīn*. H. Salim Bahreisy (terj.), j. 1&2, Surabaya: PT Bina Ilmu, h. 403.

<sup>58</sup> T.A Lathief Rousydiy (1997), *Kaifiyat Solat Rasulullah S.A.W.* Kuala Lumpur: Edaran Kalam, h.1.

5-Ibadah *qawliyyah, jismiyah wa māliyah*<sup>59</sup> : Merupakan ibadah yang menggabungkan tiga bentuk pelaksanaan yang terdiri dari bacaan, gerakan anggota badan dan harta iaitu ibadah haji dan umrah. Ibadah yang membabitkan rohani, jasmani dan pengeluaran harta kekayaan ini antara ibadah yang agak sukar untuk dilaksanakan.

Ini kerana, ketiga-tiga kemampuan ini mesti dimiliki oleh orang yang hendak menunaikannya secara serentak.<sup>60</sup> Bagi golongan wanita pula, sekalipun mereka berkemampuan dalam semua ciri di atas, hendaklah dipastikan terlebih dahulu bahawa mereka mempunyai muhrim untuk menjaga keselamatan mereka ketika menunaikan ibadah tersebut.<sup>61</sup> Berdasarkan bentuk-bentuk ibadat yang telah dihuraikan ini, dapatlah kita simpulkan bahawa sesungguhnya Islam merupakan suatu agama yang menitikberatkan segenap aspek kemampuan setiap hambanya dalam menunaikan sesuatu ibadah. Syariat Islam mempunyai suatu konsep tolak ansur dalam menjadikan manusia mampu tunduk dan menjalankan kehidupan dengan baik menurut kemampuan masing-masing iaitu '*uruf*'<sup>62</sup> Islam menerima apa saja kebiasaan yang baik lagi disukai oleh umatnya dan menolak atau mengubah kebiasaan manusia agar bertepatan dengan hukum syarak itu sendiri.<sup>63</sup>

## 2.4 RUANGLINGKUP IBADAH

Sepertimana yang kita ketahui sebelum ini bahawa pengertian dari konsep ibadah itu adalah suatu rasa cinta kepada Allah SWT yang harus disertai dengan kepatuhan kepada ajaran-ajaranNya.<sup>64</sup>

---

<sup>59</sup> Abu Bakar Ismail (2003), *op.cit.*, h. 111.

<sup>60</sup> Muhammad Nūr al-Dīn Marbu al- Banjari (1998), *Tawfiq al-Bārī lī Tawdīḥ Masā'il al-Idāh lī al-Imām al-Nawāwī*. c. 1, Kāherah: Dār al-Salām, h. 28-29.

<sup>61</sup> Ahmad ‘Isa ‘Āsyūr (t.t). *Fiqh al-Muyassar fī al-‘Ibādah*. h. 226.

<sup>62</sup> Yūsuf al-Qarādawī (2000), *Keluasan dan Kehebatan Syariat Islam*. Muhammad Baihaqi (terj.) , c. 1. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, h. 47.

<sup>63</sup> *Ibid*, h. 48.

<sup>64</sup> Yūsuf al-Qarādawī (1995), *op.cit.*, h. 25.

Untuk lebih memahami konsep dan ruang lingkup ibadah itu sendiri, bolehlah kita spesifikannya seperti berikut :

#### **2.4.1 Meliputi Ajaran Agama Seluruhnya**

Ajaran Islam telah menetapkan kepada umatnya suatu kegiatan ibadah yang bersifat menyeluruh.<sup>65</sup> Ibadah yang menjadi kewajipan ke atas umat Islam ialah sembahyang lima waktu, puasa pada bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat serta menunaikan haji. Apabila seorang muslim itu mampu mencapai tahap ibadah yang terbaik, dia akan merasai nikmat kebahagiaan dunia dan akhirat.<sup>66</sup>

Secara keseluruhannya, ajaran yang terdapat dalam Islam meliputi pendidikan akhlak<sup>67</sup> sehinggalah urusan kenegaraan.<sup>68</sup> Dengan terlaksananya kesempurnaan ibadah ini, akan terangkumlah dua tugas besar yang amat penting dalam syariat Islam iaitu konsep *amar ma‘ruf nahi mungkar* dan jihad ke atas orang kafir.<sup>69</sup>

#### **2.4.2 Merangkumi Urusan Hidup Seluruhnya**

Konsep ibadah dalam Islam merangkumi segala perkara yang telah disebutkan dalam al Quran seperti hukum qisas, wasiat, puasa dan berperang mempertahankan agama dan tanahair merupakan kewajipan yang ditentukan oleh Allah SWT kepada hambaNya. Justeru itu, setiap

---

<sup>65</sup> *Ibid.*, h. 60.

<sup>66</sup> Lajnah Ta‘līf Mu‘assasah al-Balāgh (1988), *al-‘Ibādah Wa al-Zuhdī fī al-Islām*. Iran: Mu‘assasah al-Balāgh. h. 28.

<sup>67</sup> Dapatkan maklumat lanjut di dalam: ‘Abd al-‘Azīz Mañṣūr (1970), *al-Akhlāq Wa Qawā‘id al-Sulūk fī al-Islām*. Lajnah al-Tā‘rif Bī al-Islām.

<sup>68</sup> Yūsuf al-Qardāwi (1995), *op.cit.*, h. 35

<sup>69</sup> *Ibid*, h. 61.

manusia mestilah menunaikan kewajipan tersebut dengan baik dan ini akan dikira sebagai beribadat kepadaNya.<sup>70</sup>

Walau bagaimanapun, terdapat ramai umat Islam yang masih keliru tentang konsep ibadah dengan menganggap bahawa maksud ibadah hanyalah kewajipan solat, puasa, zakat, haji serta perbuatan yang banyak melibatkan aktiviti di tikar sembahyang sahaja. Mereka tidak menyedari bahawa ruanglingkup ibadah sebenarnya amat luas sehingga mencapai apa saja pergerakan dan perbuatan manusia. Oleh itu, pentingnya penguasaan ilmu pengetahuan dalam memastikan amal ibadat kita mendapat taraf amal soleh<sup>71</sup> di sisi Allah SWT.

#### 2.4.3 Tunduk Kepada Syariat Dan Sistem Ilahi

Berdasarkan hakikat bahawa ibadah manusia hanyalah kepada Allah SWT, maka manusia akan menundukkan segala urusannya mengikut cara yang diterima oleh Allah SWT. Setiap manusia mesti menyesuaikan hidup dan segala tindak tanduknya selaras dengan petunjuk Allah SWT dan syariatNya. Kepatuhan segala suruhan dan larangan Allah SWT juga telah ditetapkan sebagai syarat penerimaan ibadatNya.<sup>72</sup> Apabila semua ini mampu dihasilkan, barulah ia bertepatan dengan firman Allah:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ  
يَكُونَ لَهُمْ أَحْيَاءٌ مِّنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ  
فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, -  
lelaki dan perempuan- apabila Allah dan RasulNya

<sup>70</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (2002), *op.cit.*, h. 63.

<sup>71</sup> Maḥmud Muḥammad (1982), *op.cit.*, h. 49.

<sup>72</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (2002), *op.cit.*, h. 64.

menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.

Surah al-Ahzāb (33):36

Rentetan dari kenyataan di atas, dapatlah dinyatakan bahawa inilah perbezaan antara orang mukmin dan bukan mukmin. Orang mukmin ialah seorang Islam yang menjalani kehidupannya dengan kepercayaan dan keyakinan kepada Allah SWT,<sup>73</sup> bukan kerana ikutan semata-mata.<sup>74</sup> Lawan kepada mukmin ialah munafik iaitu mengaku beriman tetapi dalam masa yang sama tunduk, patuh dan percaya kepada kuasa selain Allah.<sup>75</sup> Ibadah mereka akan tertolak dengan sendirinya jika berlaku percampuran antara larangan dan suruhan, halal dan haram sebagaimana seorang yang mengaku beriman, menunaikan segala rukun Islam dan dalam masa yang sama mereka bebas melakukan perkara haram seperti makan riba, minum arak serta menolak hukum dan syariat Allah SWT.

#### **2.4.4 Amalan Kemasyarakatan Yang Berfaedah**

Pada ruanglingkup ibadah sejati itu sendiri didapati bahawa ia tidak mensasarkan perkara yang bersangkutan dengan ibadah khusus sahaja bahkan merangkumi segala aspek kehidupan.<sup>76</sup> Adapun ibadah umum yang terangkum di dalamnya ialah apa saja kata-kata atau aktiviti yang boleh mendatangkan kebaikan kepada masyarakat. Kefahaman setiap individu tentang betapa pentingnya hidup dalam ruanglingkup masyarakat yang saling mangambil berat antara satu

---

<sup>73</sup> Kamus Dewan (2002), *op.cit.*, h. 905.

<sup>74</sup> Fatḥī Yakan (2001), *Mādhā Ya’ni Intimā’i lī al-Islām*. c. 24, Beirut: Mu‘assasah al-Risālah, h. 27.

<sup>75</sup> Yūsuf al-Qarādāwī (2002), *op.cit.*, h. 66.

<sup>76</sup> Muḥammad al-Ghazālī (1980), *Pekerji Budi Muslim Siri 1*, Islam bin Mohd. Hassan (terj.) c. 1. Terengganu: Penerbitan Islam Terengganu, h. 8.

sama lain dan saling mamahami keperluan setiap komuniti masyarakat itu akan mewujudkan suasana kehidupan yang lebih teratur dan saling melengkapi.

Amalan bersedekah misalnya bukan sekadar mendapat ganjaran pahala kepada si pemberi bahkan mendatangkan manfaat kepada masyarakat sekeliling. Terdapat segelintir manusia yang beranggapan bahawa memadailah dirinya hidup mengabdikan diri kepada Allah siang dan malam sekaligus mengabaikan apa yang berlaku dalam masyarakat sekelilingnya. Pandangan ini silap kerana bermula dari kelompok keluarga yang kecil, digabungkan dengan beberapa buah keluarga lain, maka terhasillah sebuah masyarakat.

Sebagai agama yang sempurna, Islam telah menggariskan suatu tatacara hidup dan ajaran pergaulan yang perlu diikuti.<sup>77</sup> Pergaulan dalam Islam berlaku apabila wujud sebarang komunikasi sesama manusia. Pergaulan dalam keluarga, dalam kelas pengajian dan di tempat kerja perlulah dijalankan mengikut adab bergaul sesama manusia yang positif dan mengikut syariat Islam.

Pengertian dan matlamat dalam beribadah merupakan antara nilai Islam yang penting dalam memainkan peranan yang berkesan terhadap pembinaan dan kemajuan sesebuah masyarakat.<sup>78</sup> Sebagai seorang individu, baik secara sedar maupun tidak, manusia sebenarnya terhutang budi kepada lingkungan masyarakat tanpa mengira suku, agama dan aliran fahaman yang berlainan. Tanpa asuhan dari orang tua, pelajaran dari guru, perniagaan, perindustrian, penternakan dan sebagainya maka manusia tidak mampu hidup dengan sempurna.<sup>79</sup> Ini kerana

<sup>77</sup> Mustafa Abdul Rahman Mahmud (1971), *Sendi Pergaulan Dalam Islam*. Pulau Pinang: Maktabah al-Haj Abdullah bin Muhammad Nuruddin al-Rawi, h. 56.

<sup>78</sup> Haji Hassan bin Haji Salleh (1976), *Dasar-Dasar Hidup Islam*. c.1. Selangor: Penerbit Haji Hassan bin Haji Salleh, h. 153.

<sup>79</sup> H. Bey Ariffin dan H. Abdullah Said (1981), *Rahsia Ketahanan Mental dan Bina Mental Dalam Islam*. Surabaya: Penerbit al-Ikhlas, h. 175.

keselamatan dan kemuliaan hidup manusia di dunia dan akhirat terletak pada dua asas iaitu amal ibadah yang ikhlas kepada Allah dan hubungan yang rapat serta jujur sesama manusia.<sup>80</sup> Di atas kesedaran inilah, wajib ke atas setiap muslim menunaikan tanggungjawabnya keselamatan dan *kemaslahatan* diri serta lingkungan masyarakat<sup>81</sup> dan mencapai matlamat hidup bermasyarakat seperti yang telah dituntut oleh Islam.<sup>82</sup> Semua lapisan umur dalam masyarakat seperti orang tua, dewasa, remaja dan kanak-kanak memerlukan suatu hubungan hidup dalam masyarakat bagi menyempurnakan keperluan hidup mereka dan hubungan inilah yang dinamakan hubungan sosial dalam Islam.

## 2.5 PENGESAHAN IBADAH

Yūsuf al-Qaradāwī telah menggariskan lima syarat utama<sup>83</sup> dalam memastikan sesuatu perbuatan manusia itu layak dinilai sebagai ibadah.<sup>84</sup> Syarat pertama: Perbuatan yang dimaksudkan tidak bertentangan dengan syariat Islam. Perlakuan seperti berjudi misalnya sekalipun berlandaskan niat untuk menampung perbelanjaan bagi menunaikan ibadah haji, adalah tertolak kerana judi diharamkan di dalam Islam. Demikian juga seorang wanita yang bekerja sebagai seorang penyanyi sekalipun berniat menjadikannya sebagai mata pencarian adalah tidak dinilai sebagai ibadah kerana suara wanita itu haram diperdengarkan di khalayak ramai.<sup>85</sup>

Syarat kedua: Sesuatu perbuatan itu mestilah disertakan niat yang baik. Seorang muslim hendaklah berhasrat murni terhadap dirinya sendiri, menjaga kebijakan keluarganya,

---

<sup>80</sup> S.S Djam‘an (1947), *Dasar Kehidupan Kita*. Djakarta, h. 11.

<sup>81</sup> KH Abdullah Salim (1988), *Akhlaq Islam Membina Rumahtangga dan Masyarakat*. c. 1. Batu Caves: Thinkers Library, h. 66.

<sup>82</sup> Hanafi Mohamed (1996), *Falsafah Pendidikan Menurut al-Quran*. c. 1. Selangor: Pustaka Ilmi, h. 169.

<sup>83</sup> Yūsuf al-Qaradāwī (1995), *op.cit.*, h. 62.

<sup>84</sup> *Ensiklopedia Hukum Islam* (t.t), h. 594.

<sup>85</sup> Muhammmad Atiyyah Khamis (1987), *Fiqh Wanita Sembahyang*. c. 1. Penerbitan Hizbi, h. 80.

memberi manfaat terhadap masyarakat sekelilingnya dan menguruskan tanahair menurut cara yang disukai Allah SWT. Dalam hal ini, Nabi SAW bersabda<sup>86</sup>:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّمَا الْأَعْمَالَ بِالنِّيَاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ اُمْرٍ مَا نَوَى"

Sesungguhnya setiap amalan itu berpandukan niatnya, dan bagi setiap orang adalah mengikut apa yang diniatkannya.

Syarat ketiga: Sesuatu perbuatan hendaklah dilakukan dengan penuh keyakinan dan kesempurnaan demi meraih keredhaan Allah. Oleh itu, setiap muslim yang beramal dengan hasrat mendapatkan keredhaan dari Allah mestilah memiliki keyakinan terhadap amalannya. Dia mesti mengenali apakah amalan yang disukai dan dibenci oleh Allah SWT.<sup>87</sup>

Syarat keempat: Perbuatan tersebut tidak boleh melanggar ketetapan Allah seperti tidak berlaku zalim, khianat, penipuan, atau rampasan hak orang lain. Kegiatan jualbeli yang digalakkan di dalam Islam akan berubah menjadi larangan sekiranya bercanggah dengan perkara-perkara di atas. Sememangnya dalam menjalankan suatu perniagaan misalnya tidak akan terkecuali dari godaan syaitan<sup>88</sup> dan nafsu untuk mendapat kadar keuntungan yang berlipat kali ganda. Oleh itu, iman yang kuat kepada Allah akan membantu manusia menghadapi ujian ini.

<sup>86</sup> al-Nawāwī, Abī Zakaria Yahyā bin Syarf al-Nawāwī (2001), *Riyād al-Šāliḥīn Min Kalām Sayyid al Mursalīn*. Maktabah Awlād al-Sheikh lī al-Turath, c. 1, hadis no 1, Bab Ikhlas dan Menghadirkan Niat Dalam Semua Perbuatan, h. 11.

<sup>87</sup> Syeikh Abu Bakar Jabir al-Jazairi (1994), *Seruan Pembebasan Sejagat*. Abdullah al-Qari b. Haji Salleh(terj.), c. 1. Kuala Lumpur: Dinie Publisher, h. 48-79.

<sup>88</sup> Mohd. Ali Hashim (1987), *Keperibadian Muslim 1*. Tahir Daeng Mnegati (terj.), c. 1. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h.79.

Syarat kelima: Urusan yang bersifat duniawi tidak boleh mengganggu kewajipan agama. Oleh itu, kesibukan dalam menguruskan rumah tangga dan melaksanakan sesuatu pekerjaan contohnya tidak akan mendapat nilai ibadah sekiranya menjelaskan sesuatu kewajipan dalam agama.<sup>89</sup>

Berpandukan kefahaman tentang pentingnya sesuatu pekerjaan atau perbuatan seseorang individu itu untuk dinilai sebagai ibadah, lima syarat tersebut perlulah dijadikan garis panduan agar setiap amalan dan pekerjaan mencapai matlamat beribadah di dalam Islam.

## 2.6 HIKMAH DALAM BERIBADAH

Setiap ibadah di dalam Islam mempunyai hikmah yang tersendiri. Seseorang yang menunaikan ibadah dengan penuh keikhlasan dan rasa patuh kepada Allah SWT, maka kesan baiknya dapat dilihat dan dirasai dengan nyata.<sup>90</sup> Demikianlah sebaliknya sesiapa yang mengabaikan ibadah tanpa rasa bersalah, maka kesan buruknya akan didatangkan oleh Allah kepadanya sejak di dunia lagi.

### 2.6.1 Kesan Sembahyang Dalam Pembentukan Akhlak

Kesan sembahyang di dalam pembentukan akhlak boleh difahami melalui tiga proses sembahyang itu didirikan iaitu ketika laungan azan berkumandang, mengambil wuduk dan pelaksanaan sembahyang. Dengan kata lain, seawal azan itu berkumandang lagi telah ditentukan kesan yang baik pada diri seorang muslim sekiranya dapat difahami dengan baik

---

<sup>89</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1995), *op.cit.*, h. 62.

<sup>90</sup> Udah Mohsin (1986), *Kesan Ibadah Dalam Pembangunan Akhlak Seorang Muslim*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi, h. 2.

pengertian-pengertian di sebalik lafaz kalimahnya. Kemudian dituruti pengambilan wuduk yang sempurna dan bersegera menunaikan sembahyang setelah selesai wuduk mampu melahirkan satu jatidiri Islam yang sempurna.

a- Di antara kesan azan dalam pembentukan ibadah mampu menjauhkan manusia dari syaitan.

Nabi SAW bersabda<sup>91</sup>:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا نُودِي بِالْأَذَانِ أَذْبَرَ الشَّيْطَانُ, لَهُ ضُرُاطٌ حَتَّى لَا يَسْمَعُ الْأَذَانَ, فَإِذَا قُضِيَ الْأَذَانُ أَقْبَلَ, فَإِذَا ثُوِبَ إِلَيْهَا أَذْبَرَ, فَإِذَا قُضِيَ التَّشْوِيهُ أَقْبَلَ يَخْطُرُ بَيْنَ الْمُرْءَ وَنَفْسِهِ, يَقُولُ: اذْكُرْ كَذَا, لِمَا لَمْ يَذْكُرْ, حَتَّى يَظْلَمَ الرَّجُلُ إِنْ يَدْرِي كَمْ صَلَّى".

Apabila diseru untuk menunaikan sembahyang (azan) maka larilah syaitan lintang pukang sampai terkentut sehingga ia tidak mendengar azan. Apabila selesai azan itu, ia datang semula dan apabila dilaungkan iqamatkan larilah syaitan itu sekali lagi mengganggu manusia dan hatinya (was-was) syaitan membisik kepadanya supaya ingatkan itu dan ini sedang tidak pula ia teringatkan perkara tersebut sebelum sembahyang sehingga orang itu tidak mengetahui berapa rakaat telah dilakukannya dalam sembahyang.

Oleh itu, untuk mendapatkan kesan yang baik serta menghasilkan akhlak yang mulia dari azan tersebut, sewajarnya orang yang melaungkan azan dan yang mendengarnya hendaklah menghormati laungan tersebut dan cuba menghayati setiap lafaz yang terkandung di dalamnya.<sup>92</sup>

<sup>91</sup> al-Nawāwī (1995), *op.cit.*, Bāb Faḍlu al-Āzān, no. hadis (1043), h. 307. Lihat juga: Abī Zakaria Maḥyū al-Dīn Yaḥyā al-Nawāwī (2004), *Nuzhah al-Muttaqīn Sharḥ Riyāḍ al-Sāliḥīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn*. Beirut: Mu'asasah al-Risālah, Bāb Faḍlu al-Āzān, j. 2, no. hadis 1036, h. 26

<sup>92</sup> Udah Mohsin (1986), *op.cit.*, h. 4.

Seterusnya bagi tujuan mengekalkan kesan baik yang diperolehi dari azan hendaklah segera menunaikan sembahyang kerana penghayatan azan tidak tercapai jika sekadar memahami lafaz tapi tidak menunaikan pengertian dari lafaz yang terkandung dalam azan tersebut. Selain dijanjikan pahala oleh Allah kerana bersegera menunaikan sembahyang, amalan sembahyang pada awal waktu boleh mendidik seorang muslim menjadi seorang yang sangat menjaga masanya.

#### b- Kesan Wuduk Dalam Pembentukan Akhlak Mulia

Wuduk ialah perbuatan menyucikan diri dengan mengambil air sembahyang<sup>93</sup> yang menjadikan sembahyang itu memenuhi syarat sah sembahyang. Ia mempunyai hikmah dan mampu menghasilkan peribadi yang mulia. Ini kerana setiap anggota yang terlibat dalam berwuduk merupakan antara anggota tubuh badan manusia yang banyak melakukan dosa dan ia akan terhapus setiap kali berwuduk<sup>94</sup>. Apabila seseorang itu seringkali berwuduk dengan sempurna, maka setiap kali itulah seluruh jasadnya akan bersih dan suci. Ibarat seseorang yang sentiasa menjaga kebersihan dan kekemasan dirinya, maka tidak akan ditemui padanya melainkan seorang individu yang begitu sempurna penampilan dirinya.

#### c- Kesan Sembahyang Dalam Pembentukan Akhlak Mulia.

##### 1- Mencegah Dari *Fahsyā'* Dan *Mungkar*

Setelah azan dilaungkan, sewajarnya seorang muslim itu menyegerakan sembahyangnya demi mendapatkan kesan yang baik daripada pelaksanaan sembahyang tersebut. Di antara

---

<sup>93</sup> Kamus Dewan (2002), *op.cit.*, h. 1552.

<sup>94</sup> Udah Mohsin (1986), *op.cit.*, h. 6.

kepentingan dan hikmah yang terdapat di dalam sembahyang ialah mencegah dari *fahshā'* dan *mungkar*.<sup>95</sup> Ini jelas dinyatakan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ

Dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar.

Surah al-'Ankabūt(29): 45

Al-Rāghib al-Asfahānī menta'rifkan *fahshā'* itu sebagai sesuatu yang tersangat keji baik dari segi perkataan maupun perbuatan<sup>96</sup> seperti mencuri, menipu, berzina dan perbuatan keji yang lain. Manakala mungkar bererti menderhaka kepada tuhan dengan melanggar perintahNya<sup>97</sup> dan mengingkari ketetapan syarak.<sup>98</sup>

Sembahyang itu diibaratkan seperti cahaya kerana ia mampu mencegah dari maksiat, *fahshā'* dan mungkar dan seterusnya memberi petunjuk kebenaran sebagaimana cahaya yang menyuluh kegelapan.<sup>99</sup> Oleh itu, sekiranya sembahyang yang disifatkan sebagai cahaya itu mampu mencegah dari *fahshā'* dan mungkar, maka lebih-lebih lagi ia dapat menjauhkan perbuatan syirik kepada Allah SWT.

<sup>95</sup> *Ibid.*, h. 8.

<sup>96</sup> Al-Rāghib al-Asfahānī, *al Mufradāt fī Gharīb*. j. 1&2. Kaherah: Maktabah Muṣṭafā al-Bāb al-Halabī Wa Awlāduhu, h. 373-374.

<sup>97</sup> *Kamus Dewan* (2002), *op.cit.*, h. 908.

<sup>98</sup> Udah Mohsin (1986), *op.cit.*, h. 9.

<sup>99</sup> Mohd. Mahmud Nasar (1988), *op.cit.*, h. 27-28.

## 2- Membezakan Antara Sifat Orang Mukmin Dan Munafik

Orang munafik ialah orang yang amalan dan hatinya bertentangan dengan apa yang diperkatakannya<sup>100</sup>. Sifat ini amat berbeza sekali dengan sifat orang mukmin. Orang mukmin sekalipun mengaku beriman kepada Allah SWT namun tidak menunaikan sembahyang kecuali kerana terpaksa atau riya'.<sup>101</sup> Orang beriman pula menunaikan sembahyang dengan penuh rasa cinta dan sempurna sepermima yang ditentukan oleh Allah dan RasulNya.

## 3- Sembahyang hanya dilakukan oleh orang berakal dan suci

Antara syarat yang mesti dipelihara agar sembahyang itu sah dan diterima oleh Allah ialah ia mesti dilakukan dalam keadaan sedar<sup>102</sup> dan berakal. Ini kerana setiap ibadah khusus termasuklah sembahyang mempunyai syarat sahnya yang tersendiri. Ia akan tertolak sekiranya tidak ditunaikan mengikut ketetapan tersebut<sup>103</sup>. Selain memenuhi syarat sah sembahyang, seorang muslim yang berakal dan suci akan sentiasa berada di dalam keadaan bersedia menjalani hidup yang sentiasa bermanfaat kepada dirinya, keluarga dan masyarakat sekeliling.

## 4- Sembahyang Itu Menghapuskan Dosa

Sebagaimana ibadah lain, sembahyang yang sempurna mampu menghapuskan dosa individu. Walau bagaimanapun, penghapusan dosa ini memerlukan kepada kesungguhan seseorang itu

---

<sup>100</sup> Kamus Dewan (2002), *op.cit.*, h. 907.

<sup>101</sup> Udah Mohsin (1986), *op.cit.*, h. 12.

<sup>102</sup> Sedar di sini bererti waras, tidak gila atau mabuk.

<sup>103</sup> Yūsuf al-Qarādāwī (1995), *op.cit.*, h. 62.

dalam menunaikannya termasuk termasuk niat yang sungguh-sungguh<sup>104</sup> serta hendaklah dilakukan secara berterusan.

Penghapusan dosa ini akan dapat dicapai dengan lebih sempurna apabila selesai menunaikan sembahyang, seseorang itu meneruskan ibadahnya dengan berzikir dan berdoa. Dia juga akan terus terpelihara dari syaitan dan terlindung dari melakukan dosa.<sup>105</sup> Walau bagaimanapun, penghapusan dosa dan lindungan dari syaitan ini hanyalah berupa kelebihan bagi orang yang mempunyai keistimewaan di dalam agama iaitu orang yang sentiasa memelihara dirinya dari melakukan dosa besar, tidak kepada orang yang sentiasa mengikut hawa nafsu dan melanggar perintah agama.

#### 2.6.2 Kesan Puasa Di Dalam Pembentukan Akhlak Yang Mulia

Di antara ibadah khusus yang mempunyai banyak hikmah serta mampu membimbang manusia ke arah pembentukan akhlak yang mulia ialah puasa<sup>106</sup>. Selain dikategorikan sebagai ibadah khusus di dalam Islam, kajian menunjukkan bahawa puasa mampu menjadi sumber kesihatan rohani dan jasmani manusia. Selain proses menahan lapar, dahaga dan beberapa larangan lain ketika berpuasa, sifat kasih sesama insan akan lebih terzahir pada diri seorang yang berpuasa dengan cara memenuhi semua tuntutan dan keperluan untuk dilaksanakan ketika berpuasa.

##### a-Ibadah Puasa Bertindak Sebagai Perisai Dalam Kehidupan

Sesiapa yang sedang berpuasa seringkali diingatkan agar memelihara puasanya dengan tidak melakukan perbuatan keji seperti bercakap kotor dan melakukan maksiat. Ini jelas dalam sabda

---

<sup>104</sup> *Ibid.*

<sup>105</sup> Udah Mohsin (1986), *op.cit.*, h. 21.

<sup>106</sup> *Ibid.*, h. 23.

Nabi SAW yang bermaksud<sup>107</sup> “Puasa itu perisai maka janganlah yang berpuasa itu bercakap kotor dan melakukan perbuatan orang yang jahil”. Kelebihan berpuasa akan dapat dirasai oleh seorang Islam apabila dia menunaikan puasa itu dengan hati yang khusyuk serta memohon pada Allah SWT agar mengurniakan kelebihan itu kepadanya. Selain orang dewasa dan remaja, kanak-kanak yang dilatih berpuasa akan merasakan keseronokan menjalani ibadah berpuasa. Di samping belajar mentaati disiplin tempoh waktu berpuasa, anak-anak akan belajar mensyukuri rezeki yang dikurniakan Allah SWT kepada mereka dan tidak seperti teman mereka yang miskin dan tidak berkemampuan makan minum seperti mereka.

b-Puasa adalah alat terpenting bagi menjauhkan zina atau maksiat lain

Islam telah menganjurkan berpuasa sebagai cara menahan nafsu syahwat seseorang yang tidak terkawal<sup>108</sup> setelah seseorang itu tidak mampu untuk berkahwin. Ini jelas sebagaimana disabdakan oleh Nabi SAW<sup>109</sup> yang bermaksud: “Sesiapa yang terdaya untuk berkahwin, maka berkahwinlah, maka sesungguhnya kahwin itu lebih menjaga mata dan lebih memelihara faraj dan sesiapa yang tidak berdaya maka hendaklah berpuasa kerana sesungguhnya puasa itu mengalahkan syahwat”.

c-Puasa menjadi pendorong kepada amal kebajikan yang lain

Rasulullah SAW selaku nabi begitu giat beribadah dan melakukan amal kebajikan di dalam bulan Ramadhan sebagai suatu penjelasan kepada kita betapa besarnya kelebihan beribadah dan melakukan amal kebajikan ketika berpuasa lebih-lebih lagi di Bulan Ramadhan.

---

<sup>107</sup> al-Nawāwī (2001), *op.cit.*, Bāb Ṣawm Ramaḍān Wa Bayān Faḍlu al-Ṣiyām Wa Mā Yata’allaqu Bihi, no hadis, (1223/1) h. 341.

<sup>108</sup> Udah Mohsin (1986), *op.cit.*, h.28.

<sup>109</sup> al-Bukhārī, *op.cit.*, Kitāb al-Nikāh, No Hadis 5065. h. 119.

d-Ibadah puasa mempunyai hubungan yang berkait rapat dengan pengampunan dosa

Sepertimana ibadah sembahyang, orang yang berpuasa juga akan mendapat pengampunan dosa. Walau bagaimanapun, dosa yang diampunkan adalah dosa kecil kerana dosa besar memerlukan kepada taubat yang sungguh-sungguh kepada Allah.<sup>110</sup> Kefarduan berpuasa dan kelebihan yang mesti dicapai di dalamnya adalah sepertimana yang difirmankan oleh Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ  
عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨﴾

Wahai orang-orang yang beriman! kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwah.

Surah al-Baqarah (2) : 183

#### 2.6.3 Kesan zakat di dalam pembentukan akhlak yang mulia

Di antara hikmah yang terdapat pada ibadah zakat ialah mampu membentuk akhlak mulia individu. Sedekah dan zakat kadang-kadang mempunyai pengertian yang serupa<sup>111</sup> walaupun penggunaan perkataan zakat dan sedekah itu sendiri digunakan secara bergilir. Namun, hikmah yang terdapat pada ibadah berzakat dan bersedekah hanya akan tercapai apabila pemberi dan penerima zakat memenuhi syarat penerimaan zakat menurut Islam.

<sup>110</sup> Udah Mohsin (1986), *op.cit.*, h. 34.

<sup>111</sup> Udah Mohsin (1986), *op.cit.*, h. 35.

a- Zakat merupakan tanda keimanan seseorang

Sebagaimana sembahyang menjadi pembeza antara orang mukmin dan munafik, begitu juga dengan zakat. Ini jelas kerana perilaku seorang munafik itu bercanggah dengan hatinya. Walaupun pada zahirnya seseorang itu turut mengeluarkan zakat, namun sekiranya hatinya tidak redha dan ikhlas serta tidak berpegang bahawa dia sedang menunaikan perintah yang wajib diimani, maka zakatnya itu tertolak. Sedangkan orang yang mengeluarkan zakat dengan penuh keimanan kepada Allah SWT maka ibadahnya itu akan diterima dan dia tergolong dalam golongan orang mukmin<sup>112</sup>.

b- Zakat dan sedekah tidak akan diterima kecuali dari sumber yang halal dan diberikan kepada yang berhak.

Semua jenis ibadah yang dilakukan oleh manusia mestilah menepati syarat sah ibadah itu sendiri termasuklah zakat<sup>113</sup>. Seorang pencuri tidak akan diterima zakatnya itu adalah hasil dari kegiatan mencurinya. Demikian juga orang yang tidak menunaikan amanah dalam menguruskan zakat maka ibadahnya juga akan tertolak<sup>114</sup>.

c- Mencegah pengeluar zakat daripada mengharapkan balasan atau menyakiti.

Walaupun ketika seseorang itu mengeluarkan zakat dalam keadaan ikhlas dan patuh kepada perintah Allah, ibadahnya akan tertolak sekiranya dia kemudiannya menyakiti hati penerima zakat, mengungkit dan mengharapkan balasan kembali dari ibadahnya itu. Pengeluar zakat perlulah sentiasa sedar dan insaf bahawa sumber asal zakat itu bukanlah miliknya dan dia akan mendapat ganjaran pahala serta ibadah zakatnya diterima Allah SWT sekiranya berjaya menunaikan ibadah tersebut dengan hati yang ikhlas kerana Allah SWT.

---

<sup>112</sup> *Ibid.*, h. 37.

<sup>113</sup> Yūsuf al-Qarādāwī (1995), *op.cit.*, h. 62.

<sup>114</sup> Udhah Mohsin (1986), *op.cit.*, h. 39.

d- Zakat dan sedekah membersihkan individu dari sifat keji

Di antara sifat keji ini termasuklah melakukan perbuatan yang sia-sia, bercakap kotor, bakhil dan tidak berperikemanusiaan. Ini kerana, apabila seseorang itu mengeluarkan zakat dengan penuh rasa keimanan kepada Allah SWT, dia tidak akan merasa kerugian di sebalik kekurangan hartanya sebaliknya rasa bersyukur kerana dapat sama-sama berkongsi sedikit nikmat yang diterimanya dengan orang lain.

e- Zakat melahirkan hubungan baik sesama manusia

Setiap zakat yang dikeluarkan telah ditetapkan agar disalurkan kepada golongan yang telah ditetapkan oleh syariat Islam termasuklah orang miskin. Dengan ini, secara tidak langsung dapat melahirkan rasa simpati dan timbang rasa orang kaya terhadap orang miskin dan seterusnya rasa berterima kasih simiskin kepada si kaya<sup>115</sup>. Dengan ini, semua lapisan manusia dapat hidup dengan penuh kerukunan dan saling berkasih sayang.

f- Zakat menghapuskan dosa

Untuk mendapatkan pengampunan dosa, zakat hendaklah dari sumber yang halal serta menepati setiap syarat sahnya. Pengeluar zakat hendaklah taat dalam menunaikan amal ibadah lain seperti sembahyang dan puasa. Ini kerana, tidak dinilai sebagai ibadah sesuatu perbuatan manusia itu sekiranya dia melakukan suatu kewajipan dan meninggalkan kewajipan agama yang lain<sup>116</sup>.

## 2.6.4 Kesan haji dalam pembentukan akhlak yang mulia

---

<sup>115</sup> Udah Mohsin (1986), *ibid.*, h. 48.

<sup>116</sup> Yūsuf al-Qarādāwī (1995), *op.cit.*, h. 62.

Sepertimana ibadah lain yang ditentukan oleh syarak, ibadah haji juga mempunyai hikmah dan mampu memberikan kesan yang positif terhadap pembentukan akhlak yang mulia dalam diri seseorang.

a- Melatih sifat terpuji dan menjauhkan sifat terkeji dalam diri manusia

Di dalam menunaikan ibadah haji, terdapat banyak kesusahan yang terpaksa ditanggung oleh para jemaah. Bermula dari sebelum menjelaskan kaki ke tanah suci, sumber kewangan yang diperolehi mestilah dari sumber yang halal. Tidak boleh mencuri, berjudi atau merampas hak orang lain. Apabila berada di tanah suci pula, dengan keadaan yang padat dengan jutaan manusia, para jemaah sentiasa diingatkan agar sentiasa bersabar di atas apa saja dugaan yang menimpa<sup>117</sup>. Malah, kerana kesusahan inilah juga haji diibaratkan jihad bagi orang tua, orang lemah dan kaum wanita<sup>118</sup>. Walau bagaimanapun, jika ibadah haji ini dapat ditunaikan dengan sempurna oleh seorang Islam itu, kesannya boleh dilihat dari beberapa perubahan positif pada diri individu tersebut dan ia dikira haji *mabrūr* di sisi Allah SWT.

c- Haji adalah himpunan manusia sedunia

Waktu menunaikan haji adalah terhad di bulan Zulhijjah pada setiap tahun dan sudah menjadi ketetapan syariat bahawa ianya hanya boleh ditunaikan di tanah suci Mekah al-Mukarramah. Di atas keimanan terhadap syariat inilah menjadikan Mekah padat dengan manusia dan jumlah tersebut tidak pernah berkurangan dari setahun ke setahun yang lain. Sungguhpun jumlahnya sukar ditentukan, namun perhimpunan agung umat Islam sedunia memperlihatkan bahawa walau apa juar darjat seseorang itu, tarafnya di sisi Allah adalah sama. Dalam lautan dan jutaan umat manusia inilah kesabaran tinggi dari para jemaah diperlukan agar ibadah haji tidak rosak

---

<sup>117</sup> Udah Mohsin (1986), *op.cit.*, h. 52.

<sup>118</sup> *Ibid.*, h. 50.

atau sia-sia. Para jemaah disyaratkan menunaikan beberapa rukun dan menjaga syarat sah haji bagi mendapatkan haji mabruk iaitu diterima Allah SWT.

#### d- Ibadah haji mampu menghapuskan dosa

Setiap ibadah yang diwajibkan oleh Allah SWT ke atas umat Islam bertujuan agar menghapuskan dosa seseorang individu. Namun, penghapusan ini tidak akan dapat dicapai sekiranya dia gagal memelihara ibadahnya daripada perkara yang bertentangan dengan syariat Islam. Selain menjaga sumber awal iaitu kewangan untuk menunaikan haji, seorang itu perlu menjaga semua adab, pertuturan, pengamalan dan penghayatan ketika menjalani ibadah haji.

## 2.7 KESIMPULAN

Berpandukan pengertian dari Surah al-Mukminun ayat 1-11, dapatlah kita simpulkan bahawa seorang mukmin itu akan mencapai kejayaan hidupnya di dunia dan akhirat sekiranya dia mampu menunaikan seluruh kegiatan ibadahnya dengan sempurna. Lebih dari itu, seseorang individu muslim yang berjaya adalah terpelihara maruah dirinya, mengamalkan prinsip hidup yang sempurna serta menjaga hubungan baiknya terhadap Allah SWT dan sesama manusia<sup>119</sup>.

Realiti pelaksanaan konsep ibadah khusus dalam hidup seorang pelajar Islam adalah lebih menjurus kepada pengucapan dua kalimah syahadah, sembahyang fardu lima waktu dan ibadah puasa. Ibadah zakat dan haji belum lagi berkaitan dengan pelajar kecuali setelah sampai tempoh pelaksanannya mengikut hukum syarak. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ibadah mereka adalah sama seperti orang Islam dewasa yang lain seperti melakukan ibadah sunat,

---

<sup>119</sup> H. Bustamin A.Ghani, T.M Hasbi Ash Shiddiqi, *et.al* (1990), *Al-Quran dan Tafsirnya*. j. 16. Yogjakarta: PT Dana Bhakti Wakaf, h. 491.

bergaul baik dengan semua orang, menjaga batas-batas pergaulan, mentaati tuntutan pengisian hidup sehari-hari dan mencari suatu matlamat hidup yang lebih jelas untuk dicapai kebahagiaan hidup dunia dan akhirat.

Oleh itu wajarlah bagi setiap muslim menghayati pengertian ibadah itu sendiri dan memahami konsep, ruang lingkup serta syarat sesuatu perbuatan itu akan dinilai sebagai ibadah demi memastikan ibadahnya tidak sia-sia dan mendapat sebaik-baik ganjaran dari Allah SWT.

## **BAB TIGA**

## **BAB TIGA :**

### **LATARBELAKANG TEMPAT TEMPAT KAJIAN: SMKA TOK JIRING, KUALA TERENGGANU.**

#### **3.1 Pengenalan**

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok jiring, Kuala Terengganu merupakan antara lima sekolah terbaik di seluruh negeri Terengganu. Pencapaian ini meliputi kecemerlangan di bidang akademik dan sahsiah pelajar. Sekolah yang pada asalnya merupakan sebuah pusat pengajian bersistem pondok ini, kini telah melalui pelbagai bentuk perubahan sehingga sampai ke tahap seperitimana hari ini.

#### **3.2 Sejarah penubuhan SMKA Tok Jiring<sup>120</sup>.**

Sekolah ini menerima anugerah Sekolah Agama Terbaik Terengganu sempena Sambutan Maalhijrah 1426h peringkat Negeri Terengganu. Ia merupakan sebuah pusat pengajian pondok pada awal pembukaannya tahun 1953 dengan jumlah pelajar seramai 180 orang. Sekolah yang terletak di Kampung Tok Jiring, kira-kira sepuluh kilometer dari bandar Kuala Terengganu ini telah diasaskan oleh seorang ulama yang dikenali sebagai Tok Guru Haji Abbas.

Pertambahan pelajarnya dari semasa ke semasa sekaligus telah menyumbang banyak perubahan terhadap infrastruktur dan pentadbirannya. Pada tahun 1965, sekolah ini telah diletakkan di bawah Pentadbiran Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu. Sistem pengajian

---

<sup>120</sup> Majalah An Nur (2004), SMKA Tok Jiring, Kuala Terengganu, h. v.

pondoknya pula telah diubah dari sistem pengajian pondok kepada sistem pengajian agama dan Arab.

Tidak berakhir di situ, pada 1 Julai 1977 pula ia telah diserahkan sepenuhnya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Sungguhpun tampak pentadbiran sekolah sudah melalui beberapa perubahan, namun kecemerlangan pelajarnya baik di sudut sahsiah maupun di bidang akademik tetap meningkat dari semasa ke semasa. Sekolah ini tetap menjadi pilihan ibubapa dan pelajar bagi menyambung pengajian di peringkat menengah. Berikutnya itulah pada tahun 1982, sekolah ini telah dikategorikan sebagai Sekolah Gred A di Malaysia.

Dalam sejarahnya selama kira-kira setengah abad, sekolah yang bermotongan “Ilmu Itu Cahaya” ini telah diketuai seramai lebih sepuluh orang pengetua. Sekolah ini kini terus berkembang maju sebagai sebuah institusi pengajian terkemuka di Terengganu setanding dengan sekolah-sekolah ternama tanahair.

### **3.3 Visi, Misi, Matlamat, Objektif, Falsafah Dan Piagam Pelanggan SMKA Tok Jiring<sup>121</sup>.**

Sebagai sebuah institusi pendidikan yang terkemuka, sekolah ini telah berpegang kepada beberapa prinsip kecemerlangan yang menjadi asas setiap sekolah agama di seluruh Malaysia dan digabungkan dengan beberapa garis panduan yang telah diputuskan oleh pihak sekolah sendiri seperti mana berikut:

#### **3.3.1 Visi SMKA Tok Jiring**

Menjadi sebuah institusi pendidikan yang terbilang sepanjang zaman.

#### **3.3.2 Misi SMKA Tok Jiring**

---

<sup>121</sup> Deskripsi Tugasan Guru (2005), SMKA Tok Jiring, Kuala Terengganu. h. ix-xii.

Melahirkan insan berilmu dan mengamalkan cara hidup Islam yang cemerlang bagi memenuhi aspirasi negara dan ummah.

### **3.3.3 Matlamat SMKA Tok Jiring**

1. Mendidik pelajar dengan keperibadian Islam.
2. Membekalkan ilmu yang memenuhi tuntutan duniaawi dan ukhrawi.
3. Memperkembangkan potensi pelajar dari segi minat, kreativiti, sahsiah dan kepimpinan.
4. Memberi peluang kepada pelajar melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang ilmu, dalam dan luar negara.

### **3.3.4 Objektif SMKA Tok Jiring**

1. Mencapai kecemerlangan kurikulum dan kokurikulum.
2. Melahirkan pelajar yang mengamalkan akhlak mulia.
3. Membentuk generasi pelajar sebagai pemimpin yang boleh diteladani.
4. Melahirkan pelajar yang mempunyai ketahanan diri dalam menghadapi cabaran budaya yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam.
5. Menyediakan pelajar yang dapat memberi sumbangan berkesan bagi memenuhi keperluan negara dan ummah.

### **3.3.5 Falsafah SMKA Tok Jiring**

“Usaha yang terancang, terkawal dan berterusan berasaskan paduan ilmu, iman dan amal soleh serta budaya Islam dan suasana pembelajaran yang sempurna ke arah melahirkan pelajar berilmu pengetahuan seimbang, cemerlang, berakhhlak mulia, bertakwa dan bertanggungjawab untuk mengamalkan cara hidup Islam serta mampu memberi sumbangan yang bermanfaat kepada agama, diri, ummah dan negara”

### **3.3.6 Piagam Pelanggan SMKA Tok Jiring**

1. Sentiasa berusaha mempertingkat pencapaian akademik pelajar.
2. Memastikan semua pelajar mendapat peluang belajar yang optimum.
3. Kerjasama yang erat di kalangan ahli masyarakat dalam dan luar sekolah.
4. Amanah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.
5. Tahap yang cemerlang menjadi moto dan konsep sekolah.
6. Organisasi yang peka, prihatin dan penyayang.
7. Kesihatan fizikal dan mental anggota masyarakat sekolah.
8. Jasa bakti yang berterusan dan berpanjangan.
9. Imaginatif, inovatif, kreatif, proaktif dan produktif.
10. Ramah mesra dan bertatasusila.
11. Iklim perkhidmatan dan persekitaran sekolah yang bersih dan harmoni.
12. Norma dan nilai-nilai murni diamalkan.
13. Generasi yang berilmu, beriman, beramal soleh dan bertakwa dilahirkan.

### **3.4 Latarbelakang Tenaga Pengajar, Kakitangan dan Pelajar SMKA Tok Jiring.**

Sekolah yang menjalankan satu sesi pengajian ini memiliki tenaga pengajar, kakitangan dan pelajar yang terpilih demi memastikan kecemerlangannya terus berkekalan.

#### **3.4.1 Tenaga Pengajar<sup>122</sup>**

---

<sup>122</sup>Majalah An Nur (2005), SMKA Tok Jiring. h. 74-78.

Bagi sesi pengajian 2004/2005, sekolah ini mempunyai tenaga seramai 76 orang. Enam orang daripadanya memiliki kelulusan di peringkat Sarjana, 25 di peringkat Ijazah Sarjana Muda, empat di peringkat Diploma dan selebihnya di peringkat Sijil Pendidikan.

Setiap tenaga pengajar mempunyai kelayakan akademik dalam bidang masing-masing. Bidang tugas mereka tidak terhad kepada pencapaian akademik sahaja bahkan mereka turut bertanggungjawab memastikan tahap pencapaian akhlak pelajar sentiasa di aras yang memuaskan. Ada di kalangan mereka yang telah berkhidmat di sekolah ini lebih dari 20 tahun yang lalu. Manakala tenaga pengajar yang baru memulakan tugasnya di sini ialah pada awal 2004. Bagi memastikan prestasi setiap tenaga pengajarnya semakin meningkat dari semasa ke semasa, pelbagai program dan kursus peningkatan sering diadakan oleh pihak pentadbiran sekolah. Selain memastikan semangat tenaga pengajar dalam mendidik pelajar tidak berkurangan, program yang diatur juga mengandungi bermacam jenis pengisian dan kemahiran demi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran itu berjalan seiring dengan kemajuan dunia hari ini.

#### 3.4.2- Kakitangan<sup>123</sup>

Sebagaimana sekolah yang lain, SMKA Tok Jiring mempunyai kakitangan sokongannya sendiri dalam memastikan sistem persekolahan berjalan dengan lancar. Daripada 29 orang kakitangan, seorang merupakan ketua pembantu tadbir, tiga pembantu tadbir, empat pembantu makmal, tiga penyelia asrama, satu pembantu tadbir rendah, tujuh pembantu am rendah, satu pemandu, tujuh pembantu rendah am dan dua orang pengawal keselamatan. Ada di antara kakitangan yang telah berkhidmat di sekolah ini lebih dari 28 tahun yang lalu dan kakitangan terakhir memulakan perkhidmatannya di sini ialah kira-kira tiga tahun lepas.

---

<sup>123</sup> Majalah An Nur (2005), SMKA Tok Jiring, h. 79-80.

### **3.4.3 Pelajar**

Bagi sesi 2004/2005 jumlah pelajar yang berdaftar ialah seramai 1116 orang. 387 orang daripadanya menetap di asrama manakala selebihnya tinggal di luar. Pemilihan para pelajar untuk mendapat tempat bersekolah di sini adalah keputusan akhir ketika mereka di sekolah rendah iaitu di dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

Keutamaan diberikan kepada pelajar yang mendapat keputusan terbaik iaitu 5A, boleh membaca al-Quran dan bergiat aktif dalam banyak aktiviti kokurikulum ketika di sekolah rendah. Kebanyakan pelajar adalah berasal dari daerah Kuala Terengganu. Terdapat juga pelajar yang datang dari daerah Kemaman, Dungun, Besut dan Setiu.

## **3.5 Jawatankuasa Kecemerlangan Sekolah.**

Dalam memastikan sistem pengurusan dan kualiti pencapaian pelajar sentiasa di tahap yang memuaskan, pihak sekolah telah menukuhan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Kecemerlangan Sekolah. Setiap sepuluh unit jawatankuasa yang berada di bawah naungan pihak pentadbiran sekolah ini bertindak secara langsung menguruskan pencapaian akademik dan sahsiah diri pelajar.

### **3.5.1- Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran<sup>124</sup>.**

Jawatankuasa ini bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua urusan induk sekolah merangkumi urusan pengurusan sekolah, kewangan, verifikasi stok, tata tertib sekolah, jadual waktu serta pengurusan alatan dan buku sekolah. Jawatankuasa ini dianggotai oleh ahli pentadbiran atasan sekolah.

---

<sup>124</sup> Majalah An Nur (2005), SMKA Tok Jiring, h. 25-28.

### 3.5.2- Jawatankuasa Akademik<sup>125</sup>:

Jawatankuasa ini bertanggungjawab secara rasmi dalam memastikan matlamat kurikulum sekolah tercapai. Ia berperanan merancang dan melaksanakan pelbagai jenis program dan kursus sebagai usaha meningkatkan kualiti dan intelektual para guru di sekolah ini. Pemilihan matapelajaran dan penentuan jenis bahan ulangkaji sentiasa dibuat dan dipantau supaya bertepatan dengan keperluan pelajar dari semasa ke semasa.

### 3.5.3- Jawatankuasa Kokurikulum<sup>126</sup>.

Jawatankuasa ini bertindak merancang kegiatan kokurikulum di luar waktu rasmi sekolah. Ia meliputi aktiviti di dalam persatuan, kelab, badan beruniform dan sukan. Terdapat beberapa aktiviti yang menjurus secara langsung kepada pelajaran Pendidikan Islam iaitu Persatuan Bahasa Arab, Persatuan Kemahiran Al Quran, Kelab Bimbingan dan Kaunseling, Kelab Tulisan Jawi dan Khat, Kelab Cegah Jenayah dan Pergerakan Puteri Islam. Jawatankuasa ini juga berperanan memastikan pihak sekolah memiliki tenaga guru yang cekap dan berkebolehan dalam semua bidang pengajaran agar bertepatan dengan keperluan sistem pendidikan di Malaysia.

### 3.5.4- Jawatankuasa Iklim Sekolah<sup>127</sup>.

Jawatankuasa ini berperanan memastikan infrastruktur dan kawasan di seluruh persekitaran sekolah sentiasa dalam keadaan memuaskan dan merangsang perkembangan potensi pelajar dan keharmonian setiap warga sekolah. Semua kawasan sekolah dipantau oleh jawatankuasa berkenaan secara berkala dan tindakan segera terus diambil sekiranya berlaku pencemaran atau kerosakan. Keceriaan dan kebersihan kawasan persekitaran sekolah merupakan antara aspek utama yang menjadi tumpuan pantauan jawatankuasa ini.

---

<sup>125</sup> *Ibid*, h. 30-37.

<sup>126</sup> Majalah An Nur (2005), SMKA Tok Jiring, h. 39-42.

<sup>127</sup> *Ibid* (2005), h. 47-50.

### 3.5.5- Jawatankuasa Sahsiah<sup>128</sup>:

Jawatankuasa ini merupakan antara tumpuan utama penulis dalam kajian ini kerana jawatankuasa tersebut berperanan memastikan sahsiah pelajarnya sentiasa terkawal. Ia merangkumi beberapa tugas penting terutamanya Lembaga Disiplin dan Badan Dakwah dan Rohani (BADAR).

Lembaga Disiplin Sekolah bertanggungjawab memastikan mutu disiplin pelajar sentiasa berada pada aras yang memuaskan. Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) pula memainkan peranan dalam menerapkan nilai-nilai yang lebih Islamik pada diri pelajar. Badan ini dianggotai oleh semua guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab. Semua program dan aktiviti yang dijalankan mesti mengikut keperluan pelajar dan perlu dipastikan keberkesanannya dalam membina sahsiah dan jatidiri pelajar Islam yang baik.

### 3.5.6 Jawatankuasa Kebajikan<sup>129</sup>:

Jawatankuasa ini bertindak dalam mengurus hal ehwal kebajikan seluruh warga sekolah dari semua sudut seperti kewangan, kesihatan dan hubungan sesama semua warga sekolah.

### 3.5.7 Jawatankuasa Bimbingan dan Kaunseling<sup>130</sup>:

Jawatankuasa ini bertindak sebagai pembimbing pelajar yang memerlukan bantuan dan sokongan moral. Di samping menganjurkan program yang mampu memenuhi keperluan psikologi pelajar, ia turut bertanggungjawab memastikan setiap pelajar mendapat manfaat semaksima mungkin dari setiap program yang dilaksanakannya. Jawatankuasa ini dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Murid.

### 3.5.8 Jawatankuasa Perhubungan dan Dokumentasi<sup>131</sup>.

---

<sup>128</sup> Majalah An Nur (2005), SMKA Tok Jiring, h. 53-54.

<sup>129</sup> *Ibid* (2005), h. 56-61.

<sup>130</sup> *Ibid* (2005), h. 63.

Jawatankuasa ini berfungsi mewujudkan suatu hubungan baik antara seluruh warga sekolah dan masyarakat luar. Ia juga berperanan mendokumentasikan setiap aktiviti sekolah, menerbitkan majalah sekolah, menyediakan data lengkap guru dan pelajar, mengemaskini pencapaian pelajar dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR), merekod penyertaan dan pencapaian sekolah di dalam aktiviti luar sekolah serta membina dan menyelenggara laman web sekolah.

### 3.5.9 Jawatankuasa Pengiktirafan<sup>132</sup>:

Jawatankuasa ini berperanan menganugerahkan sebarang pengiktirafan yang sewajarnya di atas pencapaian pelajar dan guru. Ia juga bertindak mengajurkan majlis-majlis meraikan sebarang pencapaian sekolah.

### 3.5.10 Jawatankuasa Pengurusan Asrama<sup>133</sup>.

Jawatankuasa ini memastikan objektif pihak Kementerian Pelajaran menyediakan kemudahan asrama tercapai. Setiap aktiviti dan pengisian penghuninya dirancang dan dikawalselia dengan baik. Guru dan warden asrama sentiasa berusaha menjalankan tugas dengan sempurna ibarat ibubapa kepada penghuninya.

Secara keseluruhannya, melalui 10 Jawatankuasa Kecemerlangan ini, pengkaji berpendapat bahawa pihak sekolah telah berusaha menyediakan satu perkhidmatan yang baik dan sentiasa memastikan segala perancangan dilaksanakan dengan sempurna. Logiknya, tiada sebab yang boleh menghalang pelajar sekolah ini berjaya cemerlang di bidang akademik dan pencapaian sahsiah diri yang murni.

---

<sup>131</sup> Majalah An Nur (2005), SMKA Tok Jiring, h. 65-69.

<sup>132</sup> *Ibid* (2005), h. 70-71.

<sup>133</sup> *Ibid* (2005), h. 73.

### **3.6 Kemudahan Asas SMKA Tok Jiring:**

Sebagai sebuah sekolah bergred A, SMKA Tok Jiring memiliki kemudahan dan prasarana lengkap serta mampu memenuhi keperluan pelajarnya.

3.6.1 Sekolah ini mempunyai 9 blok merangkumi<sup>134</sup>:

1. Pejabat Sekolah.
2. Bilik Pengetua.
3. Bilik Guru.
4. Bilik Mesyuarat.
5. Kelas Pelajar.
6. Surau.
7. Bilik Unit Peperiksaan.
8. Bilik Unit Bimbingan dan Kaunseling.
9. Bilik Unit Sukan Sekolah.
10. Bilik Rawatan Pelajar.
11. Bilik Buku Teks.
12. Bilik Hal Ehwal Pelajar.
13. Pusat Sumber Sekolah.
14. 3 buah Bengkel Kejuruteraan.
15. 13 buah Bilik Persatuan Akademik.
16. 2 buah Makmal Sains.

---

<sup>134</sup> Maklumat hasil lawatan pengkaji ke SMKA Tok Jiring dan sumber dari pihak sekolah.

### **3.6.2 Asrama:**

Pihak sekolah telah menyediakan 3 blok asrama untuk pelajar perempuan, 1 blok asrama pelajar lelaki, satu dewan makan lelaki, satu dewan makan perempuan, dewan rehat, bilik pentadbiran pengurusan asrama serta beberapa lagi kemudahan lain demi memenuhi keperluan dan keselesaan penghuni.

Penempatan pelajar diasingkan antara lelaki dan perempuan termasuk padang riadah dan bilik mengulangkaji. Walau bagaimanapun, semua pelajar berkongsi menggunakan surau sekolah yang terletak di sempadan antara asrama pelajar lelaki dan perempuan. Ini memudahkan penghuni untuk melakukan aktiviti ibadah kerohanian. Pihak warden yang telah dilantik oleh pihak pentadbiran sekolah pula telah menjaga dan menyelia semua aktiviti penghuni agar sentiasa berada pada tahap yang memuaskan dan memenuhi matlamat penubuhan asrama.

### **3.7 Hubungan Sosial Pelajar SMKA Tok Jiring<sup>135</sup>:**

Memahami tentang sosiologi dalam bidang pendidikan adalah penting kepada guru dan ibubapa supaya mereka dapat memahami sebarang permasalahan yang timbul di kalangan murid<sup>136</sup>. Dengan bantuan dari pelbagai pihak, masalah gejala sosial yang sering melanda Malaysia pada hari ini<sup>137</sup> akan dapat dibendung.

---

<sup>135</sup> Maklumat dari pihak warden asrama, Puan Maimunah binti Yaacob.

<sup>136</sup> Mohd Salleh Lebar (2007), *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah Dan Pendidikan*, c. 3 Selangor: Thinkers Library, h. 22.

<sup>137</sup> Asmah Bee binti Md Noor (2006) di dalam kertas kerja “Seminar Menangani Gejala Sosial” di Dewan Besar Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 5 Ogos 2006, h. 3.

Bagi memberikan gambaran tentang perjalanan hubungan sosial yang telah dilalui oleh pelajar SMKA Tok Jiring, pengkaji telah menghuraikannya melalui aktiviti harian pelajar. Aktiviti yang diikuti oleh pelajar di sekolah ini merangkumi dua bahagian iaitu aktiviti di sekolah dan aktiviti di asrama.

### 3.7.1 Aktiviti Sekolah<sup>138</sup>:

Secara umumnya, aktiviti harian yang diikuti oleh pelajar SMKA Tok Jiring adalah serupa dengan pelajar sekolah lain terutama jadual waktu belajar. Namun, sebagai sebuah sekolah agama, pihak sekolah amat menitikberatkan suasana pembelajaran yang lebih berunsur Islam. Pergaulan antara pelajar lelaki dan perempuan adalah amat terbatas dan sentiasa berada dalam pemantauan pihak sekolah.

Setiap pagi sebelum memulakan kelas pengajian, semua pelajar membaca al- Quran beramai-ramai di dewan sekolah. Bacaan diketuai oleh seorang pengawas lelaki sekolah mengikut jadual yang telah ditetapkan. Kemudian, semua pelajar masuk ke kelas masing-masing untuk memulakan pengajian. Di dalam kelas, semua pelajar lelaki ditempatkan di bahagian hadapan kelas manakala pelajar perempuan di bahagian belakang kelas. Pengasingan ini telah melatih pelajar untuk mengamalkan corak pergaulan Islam. Pelajar tidak dibenarkan tinggal berdua-duaan antara lelaki dan perempuan di dalam kelas sekalipun tanpa niat yang tidak baik. Semua pelajar mentaati peraturan ini dengan baik.

Jadual belajar SMKA Tok Jiring bermula dari jam 7.40 pagi hingga jam 2.50 petang. Kelas akan berehat dua kali sehari iaitu pada jam 10.30 pagi dan 1.15 petang. Semua pelajar

---

<sup>138</sup> Maklumat hasil temubual pengkaji dengan Guru Penolong Kanan 1 SMKA Tok Jiring, Kuala Terengganu pada 25 Oktober 2005 di pejabat beliau jam 11 pagi.

dan guru akan bersama-sama menunaikan sembahyang zohor secara berjemaah di surau sekolah. Kelas disambung semula sehingga jam 2.50 petang atau ke suatu masa yang dipersetujui antara guru dan pelajar mengikut keperluan pembelajaran.

Jadual belajar bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Pendidikan Islam Menengah Rendah dan Pendidikan Islam Menengah Atas. Bagi kelas Pendidikan Islam Menengah Rendah iaitu pelajar tingkatan satu, dua dan tiga, kelas diikuti enam kali seminggu iaitu tiga masa pada sesi pengajian rasmi sekolah, satu kelas amali dan dua kelas tambahan pada masa aktiviti kokurikulum dijalankan. Manakala bagi Pendidikan Islam Menengah Atas iaitu pelajar tingkatan empat dan lima kelas ini diikuti empat kali seminggu iaitu tiga masa sesi pengajian rasmi sekolah dan satu kelas amali. Bagi sesi pengajian rasmi sekolah, satu masa diperuntukkan selama 40 minit manakala kelas amali dan kokurikulum pula adalah bebas mengikut keperluan tajuk dan perbincangan antara guru dan pelajar.

Sukatan pelajaran yang digunakan di sekolah ini adalah dari Kementerian Pelajaran Malaysia dan modul tambahan dari panitia setiap matapelajaran sekolah ini. Pihak sekolah telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam menguasai penghayatan hidup Islam melalui pelaksanaan sambutan hari-hari kebesaran Islam dan kursus-kursus kemahiran ibadah dalam Islam. Sukatan pelajaran Pendidikan Islam yang diajar di dalam kelas membolehkan pelajar mengamalkan apa yang dipelajari dengan sempurna.

Pihak sekolah turut mengadakan kelas kemahiran membaca al-Quran. Para pelajar yang layak akan dipilih oleh pihak Jabatan Pelajaran Negeri melalui satu ujian khas bagi mengikuti kelas kemahiran khas membaca al-Quran dan seterusnya mereka akan menduduki ujian khas

di akhir pengajian. Pelajar yang berjaya akan diberi sijil dan berpeluang menyambung pelajaran tahfiz di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) setelah mereka tamat pengajian di sekolah ini.

Selain mengikuti pengajian secara rasmi di bilik darjah, pelajar turut didedahkan dengan aktiviti luar bilik darjah seperti aktiviti kokurikulum, program Hari Kebesaran Islam seperti Sambutan Maulidur Rasul, seminar peningkatan kecemerlangan akademik seperti bengkel PMR dan SPM, motivasi peningkatan nilai dan sahsiah diri serta majlis-majlis hubungan silaturrahim seperti Sambutan Hari Guru dan Pekerja. Di dalam setiap program, pelajar dilatih untuk melaksanakan sendiri program tersebut dengan bantuan dan tunjuk ajar dari guru serta kakitangan sekolah. Dengan cara ini, pelajar lebih terdedah kepada cara menjalankan sesuatu program serta berpeluang menjalinkan hubungan sosial yang lebih baik dan mesra dengan semua warga sekolah. Di antara program peningkatan sahsiah dan peribadi muslim yang wajib diikuti oleh semua pelajar SMKA Tok Jiring ialah Program Usrah yang dijalankan sekali seminggu. Isi sukatan usrah adalah berkisar kepada Akidah, Ibadah, Akhlak dan Sirah. Setiap pelajar dibahagikan mengikut kumpulan *naqīb* iaitu ketua kumpulan masing-masing. Setiap *naqīb* pula diletakkan di bawah pimpinan para guru. Selain berfungsi sebagai saluran dakwah dan ilmiah yang berkesan untuk membina jatidiri seorang muslim yang sejati, penekanan isi usrah adalah lebih kepada sifat ketuhanan dan sifat terpuji seorang pelajar Islam baik dari sudut pertuturan, berpakaian dan hubungan sosial dengan ramai orang.

Antara program wajib diikuti pelajar bagi melatih sifat jujur dan mendidik jiwa bertuhanan ialah Muhasabah Diri. Satu borang akuan kesalahan diri dan menyesali perbuatan akan diedar kepada semua pelajar secara berkala iaitu dua atau tiga bulan sekali. Pelajar dengan jujurnya akan mengisi orang tersebut dengan menyatakan segala kesilapan yang telah mereka

lakukan. Kaedah yang berkonsepkan muhasabah diri ini membantu pihak sekolah terutamanya Bahagian Displin untuk mengetahui tahap disiplin dan pencapaian ibadah pelajar. Pelajar yang seringkali mengulangi kesalahan yang sama diminta berjumpa guru yang berkaitan bagi mengenalpasti punca serta menanganinya.

### 3.7.2 Jadual Harian Penghuni Asrama SMKA Tok Jiring<sup>139</sup>.

Hari Persekolahan (Ahad- Khamis)	Hari Cuti (Jumaat-Sabtu)
<p>5.30 pagi- Persiapan diri</p> <p>6.00 pagi-Sembahyang Subuh, tazkirah dan bacaan al Quran.</p> <p>6.30 pagi- Sarapan pagi</p> <p>7.00-1.45 petang- Sesi persekolahan</p> <p>1.45-2.45 petang- Sembahyang Zohor dan makan tengahari.</p> <p>3.00 petang-Sesi ulangkaji pelajaran</p> <p>4.30 petang-Sembahyang Asar, bacaan al Ma`thurat dan Halaqah al Quran</p> <p>5.30 petang- Senaman</p> <p>6.30 petang- Makan malam</p> <p>7.00 petang- Sembahyang Maghrib, Halaqah al Quran dan Kuliah Maghrib*</p> <p>9.00 malam- Sesi ulangkaji pelajaran</p>	<p>5.30-7.00 pagi- Seperti hari persekolahan</p> <p>7.00 pagi-Senaman</p> <p>7.30 pagi-Sarapan</p> <p>8.00 pagi-Gotong royong</p> <p>10.00 pagi-Urus diri</p> <p>2.00 petang- Makan tengahari</p> <p>2.30petang-11.00malam-Seperti hari persekolahan</p> <p>*Program selepas Maghrib berpandukan jadual yang disediakan dan akan berakhir apabila masuk waktu sembahyang Isyak.</p>

<sup>139</sup> Sumber dari Fail Warden Asrama.

10.30 malam- Minum malam 11.00 malam- Bacaan Surah al Mulk dan tidur.	
---	--

Para penghuni asrama SMKA Tok Jiring mengikuti semua aktiviti dan disiplin asrama dengan penuh semangat dan taat. Antara penekanan yang diberikan oleh pihak asrama sekolah terhadap penghuninya ialah aspek pergaulan sesama penghuni, warden dan kakitangan asrama, kepatuhan terhadap disiplin masa dan undang-undang asrama serta etika berpakaian penghuni. Peringatan selalu diberikan kepada penghuni agar dapat mengamalkan cara hidup Islam walau dimana mereka berada. Setiap penghuni mesti berpakaian lengkap menutup aurat apabila keluar dari bilik masing-masing.

Ketika sesi ulangkaji (prep) di bangunan sekolah pula, dua orang pengawas perempuan asrama yang bertugas akan berada di pintu keluar untuk memastikan semua penghuni berpakaian lengkap termasuk memakai anak tudung dan stoking. Bagi aktiviti senaman dan riadah pula, walaupun tempat riadah penghuni perempuan diasingkan dengan penghuni lelaki dan berada di dalam kawasan asrama perempuan, penghuni tetap dilatih supaya berpakaian sukan yang menutup aurat.

### **3.8 Masalah Disiplin Pelajar:**

Sungguhpun sekolah ini merupakan sebuah sekolah agama, namun sebagai seorang remaja, pelajar sekolah ini juga tidak terlepas dari permasalahan yang lahir dari jiwa seorang remaja. Walau bagaimanapun, tahap permasalahan disiplin pelajar yang berlaku dalam kalangan mereka adalah amat rendah berbanding sekolah lain di sekitarnya.

Untuk tempoh kajian ini dijalankan iaitu sekitar tahun 2005 hingga 2007, masalah disiplin yang berlaku adalah seperti berikut<sup>140</sup>:

Bil	Jenis Kesalahan	Bilangan kes
1	Ponteng sekolah (berada di surau dan asrama)	30
2	Kekemasan diri (uniform sekolah dan etika berpakaian)	70
3	Mencuri	1
4	Berpasangan (antara lelaki dan perempuan)	2 pasang
5	Vandalisme	4
6	Merokok	2
7	Keluar ke pantai berhampiran tanpa izin	1

3.8.1. Jadual di atas menunjukkan Masalah Disiplin Pelajar SMKA Tok Jiring sekitar tahun 2005 hingga 2007.

### **3.9 Tindakan Disiplin Pelajar:**

Pihak sekolah telah mengenakan hukuman kepada setiap kes mengikut peruntukan yang telah diputuskan oleh Lembaga Tatatertib Sekolah. Di antaranya ialah pelajar dibawa berjumpha guru disiplin dan guru Hal Ehwal Murid untuk diberi nasihat sekiranya kes yang dilakukan adalah kecil. Manakala kes yang besar, pelajar dikenakan tindakan buang asrama, digantung sekolah atau diarah berhijrah belajar ke sekolah lain.

---

<sup>140</sup> Maklumat diperolehi dari Guru Disiplin Sekolah, Ustaz Yusuf bin Muda melalui temubual pengkaji dengan beliau di rumahnya pada 5 Februari 2007, jam 3 petang. Namun, di atas permintaan beliau demi menjaga nama baik sekolah, pengkaji hanya menyatakan maklumat secara umum.

## **Senarai Salahlaku Pelajar Asrama Berdasarkan Kategori Tindakan:**

Senarai salahlaku pelajar asrama dan tindakan yang boleh dikenakan ke atas pelakunya adalah ditentukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan dilaksanakan oleh pihak sekolah setelah kes diadili oleh pihak pentadbiran sekolah.

### **a- Kesalahan yang dikenakan tindakan buang asrama:**

1. Merokok atau memiliki rokok.
2. Keluar dari asrama tanpa izin.
3. Bergaduh.
4. Ragging (Buli).
5. Mencuri/menceroboh asrama.
6. Memiliki/bermain mercun.
7. Dibuang sekolah.
8. Membawa/memiliki bahan-bahan lucah seperti VCD atau buku lucah.
9. Merosak harta benda guru/warden/pekerja sekolah.
10. Mengugut.
11. Mencabul.
12. Menghisap dadah/menghidu gam.
13. Menganggotai kumpulan haram.
14. Mengancam guru/warden.
15. Berdua-duaan.

Keterangan:

Mereka yang didapati melakukan mana-mana kesalahan atau perbuatan dalam kategori (a) akan terus dilucutkan hak menduduki asrama atau dikeluarkan dari asrama tanpa amaran. Kesalahan dalam kategori ini dianggap kesalahan serius.

b- Kesalahan yang dikenakan tindakan amaran terakhir:

1. Tidak berpuasa (dalam bulan Ramadhan)
2. Memiliki pemetik api/mancis
3. Tidak sembahyang Subuh dan Maghrib secara berjemaah
4. Biadab/melawan guru/warden
5. Dating/Khalwat/asmaradana
6. Membawa senjata

Keterangan:

Mereka yang didapati melakukan mana-mana kesalahan/perbuatan dalam kategori (b) akan terus diberi “AMARAN TERAKHIR”. Ini bererti sebarang kesalahan yang dilakukan selepas amaran ini dikeluarkan, pelajar berkenaan akan dikeluarkan dari asrama atau ditarik keistimewaan mendiami asrama.

c- Lima kesalahan yang layak dibuang asrama:

1. Tidak menepati masa prep/solat/riadah/sekolah.
2. Tidak memakai baju asrama ketika pergi/balik asrama.
3. Berkeliaran selepas jam 1 pagi.
4. Tidak memasang cadar.

5. Membawa barang terlarang seperti seluar jeans, walkman dan lain-lain.
6. Tidak berpakaian lengkap sembahyang Jumaat.
7. Bising semasa prep.
8. Sembahyang di kamar.
9. Menipu guru/warden/kakitangan.
10. Bersukan/permainan diluar waktu asrama.
11. Bersubahat melakukan kesalahan.
12. Menconteng dinding/katil/kamar.
13. Membuat sambungan elektrik secara haram.
14. Menyidai pakaian selain pada penyidai yang dibenarkan.
15. Tidak memakai songkok hitam/kopiah putih ketika sembahyang di surau.
16. Merayau-rayau sewaktu prep.
17. Mengganggu pelajar perempuan/sebaliknya.
18. Lewat balik dari kampung.
19. Melawan jawatankuasa asrama.
20. Tidak tidur di katil/kamar sendiri.
21. Berseluar pendek/pakaian tidak sopan.
22. Memalsukan surat cuti sakit.

Keterangan:

Mereka yang tidak terlibat dalam mana-mana perbuatan dalam kategori (a) dan (b) tetapi didapati kerap melakukan mana-mana perbuatan kategori (c) berulang-ulang sehingga berjumlah lima kali dalam tempoh menduduki asrama, layak dikeluarkan dari asrama atau tidak boleh menduduki asrama.

#### **4.0 Kesimpulan:**

Kesimpulannya, pihak sekolah telah melaksanakan suatu sistem pengajian yang sempurna bagi melahirkan pelajar yang cemerlang bagi setiap sudut. Sistem tersebut mengandungi unsur pembinaan insan yang amat penting dalam sistem pendidikan di negara kita<sup>141</sup>. Selain itu, kemudahan asas dan infrastruktur yang disediakan oleh pihak kerajaan dan sekolah turut menyumbang dalam memenuhi Matlamat Pendidikan Negara. Peruntukan yang cukup telah dibuat bagi menjamin kejayaan pelajar<sup>142</sup> yang cemerlang dari sudut akademik dan sahsiah diri.

---

<sup>141</sup> Abd. Rahim Abd Rashid (1993), *KBSM Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 87.

<sup>142</sup> A.D.C. Peterson (t.t). Abdullah Hassan (terj.) (1987). *Pendidikan Seratus Tahun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 44.

## **BAB EMPAT**

## **BAB EMPAT:**

### **ANALISIS DATA**

#### **4.1 Pengenalan**

Kajian ini bertujuan untuk melihat penghayatan ibadah dan kesannya terhadap hubungan sosial di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu. Pada bab ini, perbincangan adalah berkisar tentang hasil kajian yang telah diperolehi melalui instrumen kajian iaitu soal selidik yang telah diedar kepada responden.

Borang soal selidik ini mengandungi 40 soalan dan dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A berkenaan latarbelakang dan tahap pengetahuan agama responden, bahagian B berkaitan peningkatan penghayatan ibadah dan permasalahan yang dihadapi responden dalam menghayati ibadah dan bahagian C berkaitan aktiviti anjuran pihak sekolah dalam peningkatan penghayatan ibadah dan penerapan hubungan sosial di kalangan responden serta perbandingan pencapaian sahsiah dan hubungan sosial antara pelajar asrama dan luar. Segala data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian komputer iaitu *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)* versi 11.0.

#### **4.2 Analisis Dapatan Kajian:**

Analisis ini bertujuan mencapai objektif kajian yang dikemukakan pada Bab Satu. Dapatan kajian yang dianalisis adalah seperti berikut:

- i. Bahagian A: Analisis latarbelakang dan tahap pengetahuan agama responden.
- ii. Bahagian B: Analisis penghayatan ibadah dan masalah yang dihadapi responden dalam menghayati ibadah.
- iii. Bahagian C: Analisis kesan aktiviti anjuran pihak sekolah dalam meningkatkan penghayatan ibadah serta perbandingan pencapaian sahsiah dan hubungan sosial di antara pelajar asrama dan luar.

#### **4.2.1 Bahagian A: Analisis Latarbelakang Dan Tahap Pengetahuan Agama Responden.**

Dalam bahagian ini, item berkenaan latarbelakang responden telah dibentuk bagi mengetahui maklumat mengenai diri responden. Antaranya ialah jantina, umur, tahap pendidikan awal agama, tempat tinggal responden, umur ketika khatam membaca al-Quran dan umur ketika mula sembahyang dengan betul.

Jadual 4.2.1.1 Maklumat Jantina Responden:

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	127	44.9
Perempuan	156	55.1
Jumlah	283	100.00

Jadual 4.2.1.1 di atas menunjukkan bilangan responden berdasarkan jantina. Responden lelaki 127 orang (44.9 %). Manakala perempuan seramai 156 orang (55.1 %) menjadikan jumlah keseluruhan responden 283 orang.

Jadual 4.2.1.2 Maklumat Kelas Responden:

Kelas	Kekerapan	Peratus
Tingkatan 2	167	59.0
Tingkatan 4	116	41.0
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.1.2 di atas menunjukkan kelas belajar responden yang terlibat dalam kajian ini. Responden dari Tingkatan Dua seramai 167 orang (59 %) manakala Tingkatan Empat seramai 116 orang (41 %).

Jadual 4.2.1.3 Maklumat Bilangan Adik Beradik Responden:

Bilangan	Kekerapan	Peratus
1-6 orang	200	70.7
7-12 orang	83	29.3
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.1.3 di atas menunjukkan bilangan adik beradik responden. Seramai 200 orang (70.7%) mempunyai bilangan adik beradik satu hingga enam orang. Manakala 83 orang responden (29.3%) mempunyai tujuh hingga dua belas orang adik beradik.

Jadual 4.2.1.4 Maklumat Pekerjaan Ibubapa Responden:

Sektor Pekerjaan	Bapa/Penjaga		Ibu/Penjaga	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Awam	142	50.1	97	34.2
Swasta	78	27.5	12	4.2
Sendiri	41	14.4	36	13.0
Pesara	22	8.0	7	2.4
Surirumah	-	-	131	46.2

Jumlah	283	100.0	283	100.0
--------	-----	-------	-----	-------

Jadual 4.2.1.4 menunjukkan maklumat pekerjaan ibubapa responden. Bagi kaum bapa, seramai 142 orang (50.1 %) bekerja di sektor awam manakala kaum ibu seramai 97 orang (34.2 %). Bagi sektor swasta pula, penglibatan kaum bapa adalah seramai 78 orang (27.5 %) dan kaum ibu seramai 12 orang (4.2 %). Seramai 41 orang (14.4 %) kaum bapa bekerja sendiri dan kaum ibu pula seramai 36 orang (13.0 %). Kaum bapa yang terdiri dari pesara adalah seramai 22 orang (7.7 %) dan kaum ibu 7 orang (2.4 %). Bagi kaum ibu, seramai 131 orang (46.2 %) adalah surirumah.

Jadual 4.2.1.5 Maklumat Tempat Tinggal Responden:

Tempat tinggal	Kekerapan	Peratus
Kawasan kampung	131	46.2
Taman Perumahan	56	19.8
Asrama	96	34.0
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.1.5 di atas menunjukkan tempat tinggal pelajar. Seramai 131 orang (46.2%) tinggal di kawasan kampung, 56 orang (19.8 %) di taman perumahan dan 96 orang (34.0%) menginap di asrama sekolah. Ini menunjukkan hampir satu pertiga dari jumlah responden tinggal di asrama sekolah.

Jadual 4.2.1.6 Tahap Pencapaian Matapelajaran Pendidikan Islam:

Pencapaian	Kekerapan	Peratus
Cemerlang	190	67.1
Kepujian	59	21.0
Lulus	29	10.2

Gagal	5	1.7
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.1.6 menunjukkan tahap pencapaian terkini responden bagi matapelajaran Pendidikan Islam. Seramai 190 orang (67.1%) mendapat keputusan Cemerlang, 59 orang (21%) Kepujian, 29 orang (10.2%) Lulus dan responden yang Gagal seramai 5 orang (1.7%). Ini menunjukkan bahawa meskipun belajar di sekolah agama, masih terdapat pelajar yang gagal dalam ujian Pendidikan Islam.

Maklumat yang diperolehi dari guru matapelajaran Pendidikan Islam adalah antara faktor kegagalan ini ialah para pelajar tidak berminat mengikuti pengajian matapelajaran ini dan sekolah beraliran agama bukanlah pilihan mereka tetapi pilihan ibubapa mereka. Walau bagaimanapun, responden yang terlibat dengan kegagalan ini adalah dari pelajar Tingkatan Dua iaitu pelajar yang baru dua tahun belajar di sekolah ini. Mereka belum dapat memahami keperluan dan kepentingan menguasai ilmu Pendidikan Islam sebagaimana yang telah dicapai oleh pelajar Tingkatan Empat.

Jadual 4.2.1.7 Responden Mendapat Pendidikan Awal Agama:

Pendidikan Awal	Kekerapan	Peratus
Ya	277	97.9
Tidak	6	2.1
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.1.7 adalah maklumat tentang responden yang mendapat pendidikan awal agama sebelum memasuki SMKA Tok Jiring. Seramai 277 orang (97.9%) telah mendapat pendidikan awal agama sebelum mula belajar di sekolah ini manakala 6 orang (2.1%) tidak. Ini

menunjukkan bahawa hampir semua responden telah mendapat pendidikan awal agama sebelum mula mendapat pendidikan di sekolah ini.

Adalah merupakan suatu tuntutan dalam Islam terhadap ibubapa supaya melatih anak-anak mereka menurut ajaran Islam pada usia enam tahun pertama kerana tempoh ini merupakan tempoh kritis permulaan hidup seorang anak. Pendidikan agama menjadi satu keperluan untuk diterapkan dalam jiwa mereka agar mereka mempunyai panduan asas dalam diri mereka untuk dilaksanakan. Pernyataan ini telah diakui oleh ibubapa pelajar sekolah ini akan kepentingan pelaksanaannya. Mereka menyatakan bahawa tuntutan tersebut telah dititikberatkan di dalam keluarga masing-masing terutama pada anak-anak seawal usia dua tahun iaitu sebaik sahaja mereka mampu bertutur dan boleh memahami asas komunikasi dalam keluarga.

Jadual 4.2.1.8 Maklumat Khatam al-Quran:

Khatam al Quran	Kekerapan	Peratus
Sudah	249	88.0
Belum	34	12.0
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.1.8 di atas menunjukkan maklumat samada responden sudah khatam al-Quran atau belum. Seramai 249 orang (88%) telah khatam membaca al-Quran dan selebihnya 34 orang (12%) masih tidak khatam. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden telah khatam membaca al-Quran manakala bagi responden yang belum khatam, mereka berpeluang berbuat demikian dengan mengikuti program Tadarrus al-Quran yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

Jadual 4.2.1.9 Maklumat Umur Khatam al-Quran:

Umur	Kekerapan	Peratus
4-12 tahun	214	86.0
13-16 tahun	35	14.0
Jumlah	249	100.0

Jadual 4.2.1.9 menunjukkan umur responden ketika khatam membaca al-Quran. Responden yang khatam al-Quran ketika berusia 4 hingga 12 tahun iaitu sebelum belajar di sekolah ini adalah seramai 214 orang (86%) manakala responden yang khatam pada usia 13 hingga 16 tahun iaitu selepas mula belajar di sekolah ini seramai 35 orang (14%).

Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden telah khatam membaca al- Quran sebelum berumur tiga belas tahun lagi. Adalah menjadi suatu kewajaran bagi ibubapa menekankan kemampuan dan kemahiran membaca al-Quran di kalangan anak-anak kerana ia merupakan antara tuntutan agama yang utama. Para ibubapa pelajar mengakui bahawa selain inisiatif mereka mengajar sendiri anak atau menyediakan guru al-Quran, pihak sekolah sangat membantu anak-anak mereka menjadi seorang yang celik al-Quran melalui pelbagai program dan aktiviti yang telah, sedang dan akan dijalankan.

Jadual 4.2.1.10 Maklumat Umur Mula Sembahyang Dengan Betul:

Umur	Kekerapan	Peratus
3-12 tahun	275	97.1
13 tahun	8	2.9
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.1.10 menunjukkan umur responden ketika mula sembahyang dengan betul. Responden yang mula sembahyang dengan betul ketika berusia antara 3 hingga 12 tahun iaitu

sebelum mula belajar di sekolah ini adalah seramai 275 orang (97.1%) manakala usia selepas 13 tahun iaitu setelah mula belajar di sekolah ini adalah seramai 8 orang (2.9%). Ini menunjukkan bahawa masih terdapat sebilangan kecil responden yang baru mula sembahyang dengan betul setelah belajar di sekolah ini.

Sembahyang yang betul pada pernyataan ini bermaksud aktiviti sembahyang responden ditunaikan dengan pantauan dan didikan dari guru agama di sekolah rendah dan ibubapa di rumah. Sungguhpun Islam menetapkan umur wajib menunaikan sembahyang bagi setiap Muslim ialah setelah dia baligh atau sampai umur iaitu selewat-lewatnya 15 tahun, namun umat Islam disarankan melatih anak sembahyang seawal usia tujuh tahun serta mengenakan tindakan seperti merotan anak yang ingkar pada usia sepuluh tahun. Semua ibubapa yang bersetuju dengan pernyataan berikut bagaimanapun mengakui bahawa bukanlah suatu perkara yang mudah untuk diperaktikkan melainkan mereka yang hidup di dalam suasana mengamalkan cara hidup dan budaya beribadah yang tinggi menurut tuntutan ajaran Islam.

Jadual 4.2.1.11 Maklumat Pemilihan SMKATJ:

Sebab Pemilihan	Kekerapan	Peratus
Pencapaian akademik	20	7.1
Penekanan Agama	37	13.1
Kedua-dua sebab di atas	226	79.8
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.1.11 memperlihatkan faktor pemilihan SMKA Tok Jiring sebagai tempat pengajian di peringkat menengah. Pemilihan berdasarkan pencapaian akademik pelajar keluaran sekolah ini yang selalu cemerlang adalah sebanyak 20 orang (7.1%), penekanan agama oleh pihak sekolah sebanyak 37 orang (13.1%) dan pemilihan berdasarkan kedua-dua sebab di atas sebanyak 226 orang (79.8%).

Ini menunjukkan bahawa faktor pencapaian akademik dan penekanan agama di sekolah ini menjadi penyebab utama responden dalam memilih tempat belajar mereka di peringkat menengah. Sememangnya diakui oleh masyarakat sekeliling bahawa SMKA Tok Jiring merupakan antara sekolah pilihan utama ibubapa untuk anak mereka belajar berdasarkan kedua-dua sebab utama iaitu faktor kecemerlangan akademik dan pencapaian sahsiah diri seorang pelajar Islam.

#### **4.2.2 Bahagian B: Analisis Penghayatan Ibadah Dan Masalah Yang Dihadapi Dalam Menghayati Ibadah Di Kalangan Pelajar SMKA Tok Jiring, Kuala Terengganu.**

Bahagian ini akan membincangkan peningkatan penghayatan ibadah dan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dalam menghayati dan mengamalkan ibadah. Item-item yang dianalisis berdasarkan objektif dan soalan kajian yang telah disediakan oleh pengkaji.

Jadual 4.2.2.1 Kefahaman Pelajar Tentang Maksud Ibadah:

Perkara	Kekerapan	Peratus
Tidak setuju	10	3.6
Tidak pasti	-	-
Setuju	273	96.4
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.2.1 menunjukkan kefahaman pelajar tentang pengertian ibadah. Seramai 273 responden (96.4%) bersetuju bahawa ibadah bukan hanya bererti menunaikan rukun Islam yang lima tetapi merangkumi segala amalan yang membawa kebaikan kepada semua orang dan menepati landasan syariat Islam manakala 10 orang (3.6%) tidak bersetuju dengan kenyataan

ini. Kefahaman tentang ibadah ini akan mudah dicapai oleh pelajar di sesebuah sekolah sekiranya ia dilaksanakan menurut falsafah dan matlamat dalam bidang Pendidikan Islam<sup>143</sup>.

Jadual 4.2.2.2 Kecenderungan Pelajar Meningkatkan Kefahaman dan Penguasaan Matapelajaran Pendidikan Islam.

Perkara	Kekerapan	Peratus
Tidak setuju	20	7.1
Tidak pasti	4	1.4
Setuju	259	91.5
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.2.2 menunjukkan peratus kecenderungan pelajar dalam meningkatkan kefahaman dan penguasaan matapelajaran Pendidikan Islam. Seramai 20 orang (7.1%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini, 4 orang (1.4%) tidak pasti manakala 259 orang (91.5%) bersetuju bahawa mereka berminat mendalami kefahaman tentang ilmu Pendidikan Islam.

Ini menunjukkan bahawa lebih dari separuh responden berminat untuk mendalami ilmu Pendidikan Islam dan ini diakui oleh guru dan ibubapa yang pengkaji temui. Mereka menyatakan bahawa selain mengikuti kelas Pendidikan Islam pada waktu rasmi belajar, responden juga berusaha mendapatkan sendiri sumber pengetahuan tentang Pendidikan Islam dengan membaca bahan bacaan tambahan, menonton rancangan keagamaan, melayari laman web yang berunsurkan Islam serta aktif menyertai sebarang aktiviti keagamaan anjuran pihak sekolah dan kawasan tempat tinggal mereka. Menurut makluman dari ibubapa dan pengetahuan pengkaji sendiri, para responden bukan sekadar menyertai program-program tersebut tetapi turut membantu pihak pengajur melaksanakannya. Selain menimbulkan keseronokan pelajar

---

<sup>143</sup> Ahmad Mohd Salleh (2004), *Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd., h.20.

ketika menyertai program-program tersebut, pendekatan pelaksanaan program berbentuk sebegini lebih memberi impak yang positif kepada pelajar .

Jadual 4.2.2.3 Kecenderungan Pelajar Sembahyang di Awal Waktu:

Perkara	Kekerapan	Peratus
Tidak setuju	17	6.0
Tidak pasti	73	25.9
Setuju	193	68.1
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.2.3 menunjukkan kecenderungan pelajar sembahyang di awal waktu. Seramai 193 orang (68.1%) bersetuju dengan kenyataan ini, 73 orang (25.9%) tidak pasti manakala 17 orang (6%) tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Walau bagaimanapun, dapatlah dinyatakan di sini bahawa sebahagian besar responden telah berjaya mengamalkan sikap sembahyang di awal waktu.

Ini dapat dikukuhkan lagi dengan pemerhatian pengkaji terhadap amalan para pelajar setiap hari ketika tibanya waktu sembahyang zohor bagi sesi persekolahan dan waktu sembahyang fardu yang lain bagi sesi luar persekolahan iaitu di asrama. Semua pelajar bersegera menuju ke surau sebaik sahaja azan dilaungkan. Bagi sesi persekolahan, sekiranya ada guru yang masih meneruskan kelas pengajian sedangkan waktu sembahyang zohor sudah hampir masuk waktunya, seorang wakil pelajar akan meminta guru tersebut menangguhkan kelas bagi membolehkan mereka sembahyang di awal waktu dan seterusnya menyambung semula kelas dengan lebih selesa.

Hasil temubual pengkaji dengan kakitangan sekolah juga telah menyokong pernyataan di atas. Menurut mereka, kadang-kadang terbit rasa malu dalam diri mereka dengan sikap pelajar di sekolah ini yang begitu patuh menunaikan sembahyang di awal waktu kerana ada kalanya mereka terpaksa menghabiskan dahulu kerja-kerja penting sebelum sama-sama pergi menunaikan sembahyang berjemaah dengan warga sekolah yang lain di surau sekolah. Bagi pelajar yang tinggal di asrama pula, sepanjang pemerhatian pengkaji ketika melawat asrama mendapati suasana asrama akan sunyi sepi sekurang-kurangnya sepuluh minit sebelum suara azan berkumandang. Bagi pelajar yang tinggal di luar pula, beberapa orang ibubapa menyatakan bahawa sembahyang di awal waktu telah menjadi amalan anak mereka yang belajar di sekolah ini dan menjadi ikutan ahli keluarga lain apabila berada di rumah.

### **Masalah Yang Dihadapi Pelajar Dalam Mengamal Dan Menghayati Ibadah.**

Analisis tentang masalah yang dihadapi pelajar dalam mengamal dan menghayati ibadah dipecahkan kepada empat kategori iaitu masalah dengan ibubapa atau keluarga, guru, kawan-kawan dan masalah dalam diri responden sendiri. Huraianya adalah seperti berikut:

Jadual 4.2.2.4 Masalah Pelajar Dengan Ibubapa:

Perkara	Kekerapan	Peratus
Tidak setuju	219	77.4
Tidak pasti	3	1.0
Setuju	61	21.6
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.2.4 menunjukkan peratus pelajar yang mengalami masalah dengan ibubapa atau keluarga dalam mengamal dan menghayati ibadah. Seramai 219 orang responden (77.4%)

menolak pernyataan ini, 3 orang (1%) tidak pasti manakala 61 orang (21.6%) bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Bagi responden yang bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah dengan ibubapa atau keluarga dalam mengamal dan menghayati ibadah adalah dalam keadaan ibubapa tidak menghalang mereka beribadah atau meningkatkan kefahaman tentang ibadah tetapi mereka tidak mendapat suasana dan gaya hidup yang bercirikan keislaman dalam keluarga mereka. Antaranya, memandangkan responden sudah belajar di sekolah menengah agama bergred A, tiada pantauan terhadap aktiviti agama yang dilakukan oleh ibubapa terhadap mereka. Tiada larangan meninggalkan sembahyang, tiada ingatan atau amaran tentang pengurusan masa, tiada penekanan tumpuan dalam matapelajaran Pendidikan Islam serta tiada kawalan dalam pergaulan atau berpakaian. Bahkan ibubapa dan keluarga mereka tidak memperlihatkan suatu gaya hidup yang Islamik sedang responden amat menginginkan pengamalan ibadah bersama keluarga.

Hasil pemerhatian pengkaji terhadap ibubapa pada hari menjemput dan menghantar pelajar di asrama mengiyakan dakwaan pelajar. Terdapat segelintir ibubapa hadir ke sekolah dalam keadaan tidak lengkap berpakaian seorang muslim. Terdapat pernyataan dari ibubapa bahawa suatu keuntungan apabila anak mereka belajar di sekolah ini kerana mereka tidak perlu lagi memikirkan soal pendidikan agama anak-anak selain keuntungan jaminan pencapaian akademik di sekolah tersebut yang amat menjadi sebutan ramai.

Jadual 4.2.2.5 Masalah Pelajar Dengan Guru:

Perkara	Kekerapan	Peratus
Tidak setuju	223	78.8
Tidak pasti	2	0.7
Setuju	58	20.5
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.2.5 menunjukkan peratus pelajar yang mengalami masalah dengan guru di sekolah. Seramai 223 orang responden (78.8%) menafikan dakwaan bahawa mereka bermasalah dengan guru mereka, 2 orang (0.7%) tidak pasti manakala 58 orang (20.5%) bersetuju dan peratus setuju ini bukanlah suatu jumlah yang kecil dan sewajarnya diambil perhatian. Antara permasalahan yang dapat dikesan yang berlaku ialah pelajar tidak mendapat maklumat tentang ibadah secara jelas dari guru mereka atau tidak dapat memahami isi pelajaran Pendidikan Islam dengan sempurna samada sebelum atau setelah bertanya lanjut dengan guru.

Apa yang pengkaji temui hasil temubual dengan guru-guru Pendidikan Islam ialah selain pelajar tidak menumpukan perhatian terhadap kelas pembelajaran, guru juga menghadapi kesukaran membuat liputan pengajaran yang lengkap kerana setiap kelas agak padat jumlah pelajarnya. Selain mengakui apa yang dinyatakan oleh segelintir pelajar tersebut, para guru turut menyatakan bahawa mereka turut menghadapi masalah sebilangan pelajar yang tidak mengambil peluang ketika kelas berlangsung untuk bertanya terus kepada guru apa yang tidak mereka fahami dalam pelajaran atau apa ju masalah dan kekeliruan tentang agama yang timbul di kalangan mereka.

Jadual 4.2.2.6 Masalah Pelajar Dengan Kawan-kawan:

Perkara	Kekerapan	Peratus
Tidak setuju	180	63.6
Tidak pasti	15	5.3
Setuju	88	31.1
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.2.6 menunjukkan peratus masalah yang dihadapi responden dengan kawan-kawan mereka. Peratus pelajar yang tidak bersetuju bahawa mereka bermasalah dengan kawan mereka adalah seramai 180 orang (63.6%), 15 orang (5.3%) tidak pasti, manakala 88 orang (31.1%) bersetuju.

Bermasalah pada pernyataan di atas membawa erti masalah dalam menjalankan aktiviti ibadah, mengikuti aktiviti sekolah atau menjalinkan hubungan sosial dengan kawan-kawan. Sebagai contoh, terdapat sebilangan pelajar yang sebenarnya tidak berani melanggar peraturan sekolah tetapi mempunyai kekuatan tersebut setelah dipengaruhi kawan-kawan. Bahkan rekod disiplin sekolah membuktikan bahawa pernah terjadi pelajar keluar dari asrama tanpa kebenaran kerana dipengaruhi kawan. Begitu juga kes ponteng kelas dan duduk di surau atau asrama sekolah yang dilakukan oleh lebih dari seorang pelajar kerana keberanian menanggung risiko denda adalah bersama kawan dan bukan bersendirian.

Peratus yang bersetuju bahawa mereka bermasalah dengan kawan ini juga turut menerangkan bahawa ada sebilangan pelajar yang tidak mempunyai kawan yang boleh membantu mereka mendapatkan kefahaman tentang ibadah atau melakukan aktiviti keagamaan bersama. Inilah merupakan antara fakta penting untuk diambil berat oleh pihak sekolah, asrama

dan ibubapa kerana sebahagian besar kehidupan seorang pelajar di usia remaja adalah bersama kawan.

Jadual 4.2.2.7 Masalah Pelajar Dengan Diri Sendiri:

Perkara	Kekerapan	Peratus
Tidak setuju	162	57.2
Tidak pasti	9	3.2
Setuju	112	39.6
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.2.7 menunjukkan peratus masalah pelajar dengan diri mereka sendiri dalam menghayati ibadah. Responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini adalah seramai 162 orang (57.2%), tidak pasti 9 orang (25.8%) manakala yang bersetuju seramai 112 orang (39.6%). Peratus responden yang bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah dengan diri mereka sendiri adalah tinggi dan sewajarnya diberi perhatian.

Setiap pelajar samada yang tinggal di asrama atau luar, baik pelajar tingkatan dua atau empat, semuanya mempunyai keperibadian yang berbeza antara satu sama lain. Terdapat pelajar yang tahu bagaimana menyelesaikan konflik dalam diri sekiranya berlaku sebarang masalah tentang ibadah sedangkan sebahagian pelajar yang lain tidak tahu dan lebih mengambil sikap berdiam diri. Pelajar yang menyedari masalah mereka dalam menghayati dan memahami ibadah sebenarnya adalah antara pelajar yang telah berjaya menerima pengajian dan didikan yang telah diberikan oleh pihak sekolah. Kehidupan berdisiplin telah sebatik dalam hidup mereka dan jiwa mereka juga telah diresapi nilai keimanan yang tinggi kepada Allah SWT dengan merasakan bertanggungjawab di atas semua kegiatan hidup mereka dan tidak terlepas dari pandangan

Allah SWT. Inilah antara apa yang dinyatakan oleh Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid sekolah ini.

Menurut beliau, SMKA Tok Jiring mengamalkan pendidikan kerohanian yang kuat. Pernah berlaku setahun yang lalu kes kecurian telefon bimbit pelajar dalam suatu program luar anjuran pihak sekolah. Beliau dan guru yang bertugas ketika itu telah menangani kes tersebut dengan hanya mengingatkan peserta bahawa sungguhpun tidak ada siapa yang tahu siapakah yang bertanggungjawab melakukan kecurian tersebut, tetapi Allah Mana Mengetahui dan Maha Melihat segala perbuatan manusia. Sebaik sahaja majlis bersurai, seorang peserta lelaki datang bertemu dengannya memohon maaf dan mengaku bahawa dia telah mencuri telefon tersebut dan bersedia memulangkannya. Selain tidak meninggalkan sembahyang, puasa dan ibadah-ibadah lain, mereka juga cekal menuaikan semua tugas dan aktiviti kehidupan sehari-hari mereka tanpa memerlukan pemantauan dari sesiapapun.

#### **4.2.3 Bahagian C: (a) Peningkatan Sahsiah Diri Dan Hubungan Sosial Pelajar Melalui Aktiviti Sekolah.**

Jadual 4.2.3.1 Kecenderungan Pelajar Mengikuti Program Keagamaan Sekolah Bagi Meningkatkan Penghayatan Ibadah :

Perkara	Kekerapan	Peratus
Tidak setuju	15	5.0
Tidak pasti	39	14.0
Setuju	229	81.0
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.3.1 menunjukkan kecenderungan dan minat pelajar mengikuti program keagamaan sekolah seperti majlis sambutan Hari-hari Kebesaran Islam dan Usrah Mingguan. Seramai 229

orang responden (81.0%) bersetuju bahawa mereka gembira menyertai aktiviti kaagamaan di sekolah kerana meningkatkan penghayatan ibadah mereka. Responden seramai 15 orang (5.0%) pula tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut manakala pelajar yang tidak pasti dengan pernyataan tersebut adalah seramai 39 orang (14.0%).

Pendekatan utama yang dilakukan oleh pihak sekolah bagi menimbulkan minat pelajar mengikuti aktiviti keagamaan tersebut adalah dengan cara memberi tugas melaksanakan program melebihi 80 peratus kepada pelajar. Guru berkaitan hanya memberi taklimat asas pelaksanaan program dan memantau perjalanan program agar tiada masalah yang timbul. Keberkesanan pendekatan ini telah terbukti berjaya melatih pelajar bukan sahaja mengikuti program dengan baik bahkan mampu menganjur dan melaksanakan program. Keberkesanan pelaksanaan sebegini diakui oleh kebanyakan guru yang ditemui pengkaji. Pelajar pula menyatakan bahawa pengalaman mereka mengendalikan program samada program kecil-kecilan atau besar-besaran telah menguatkan kefahaman mereka terhadap penghayatan ibadah yang berkesan.

Jadual 4.2.3.2 Kemampuan Pelajar Mengimamkan Sembahyang Jemaah:

Perkara	Kekerapan	Peratus
Tidak setuju	59	21.0
Tidak pasti	115	40.9
Setuju	109	38.1
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.3.2 menunjukkan kemampuan pelajar mengimamkan sembahyang berjemaah hasil dari kebiasaan responden menuaikan sembahyang secara berjemaah di surau sekolah dan asrama. Seramai 59 orang responden (21%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini, 115 orang (40.9%) tidak pasti manakala 109 orang (38.1%) bersetuju mereka mampu mengimamkan

sembahyang berjemaah. Pengkaji percaya bahawa responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini sebenarnya belum mampu mengimamkan sembahyang berjemaah kerana mereka belum pernah berpeluang menjadi imam setakat ini.

Secara dasarnya, tanpa latihan sesuatu kemahiran itu tidak akan diperolehi. Sembahyang berjemaah lebih praktikal di kalangan pelajar yang tinggal di asrama kerana pelaksanaannya memenuhi lima waktu sembahyang fardu. Setiap penghuni lelaki pula adalah imam dan mengikut jadual yang telah disediakan. Bagi responden yang memilih tidak pasti adalah terdiri dari responden perempuan kerana mereka belum berpeluang menjadi imam baik di rumah atau di asrama. Walau bagaimanapun, beberapa orang ibu pelajar perempuan menyatakan bahawa anak mereka sudah mampu mengimamkan sembahyang berjemaah apabila sembahyang dengan ahli keluarga perempuan di rumah.

Jadual 4.2.3.3 Kecenderungan Pelajar Menjalankan Hubungan Sosial Yang Baik Melalui Aktiviti Sekolah:

Perkara	Kekerapan	Peratus
Tidak setuju	17	6.0
Tidak pasti	14	4.9
Setuju	252	89.1
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.3.3 menunjukkan kecenderungan pelajar menjalankan hubungan sosial yang baik melalui aktiviti sekolah. Seramai 17 orang responden (6%) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, 14 orang (4.7%) tidak pasti dan 252 responden (89.1%) bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Sungguhpun peratus tidak bersetuju bahawa mereka seharusnya menjalinkan hubungan sosial dengan orang di sekeliling mereka adalah sangat rendah berbanding peratus bersetuju, namun perkara ini perlu diambil perhatian serius agar tidak terus menular di kalangan pelajar lain. Pengkaji dapati walaupun corak pergaulan pelajar sekolah ini lebih baik berbanding pelajar di sekolah lain, suatu usaha perlu dilakukan untuk menghalang unsur-unsur pergaulan tidak sihat di kalangan pelajar terutama di dalam sebarang aktiviti yang dijalankan di luar kawasan sekolah. Pantauan berterusan dari ibubapa dan guru penting agar kebebasan pelajar dalam pergaulan sentiasa berada dalam keadaan yang terkawal.

Jadual 4.2.3.4 Kemampuan Pelajar Menguruskan Masa dan Mengamalkan Hidup Berdisiplin:

Perkara	Kekerapan	Peratus
Tidak setuju	42	15.0
Tidak pasti	65	23.0
Setuju	176	62.0
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.3.4 menunjukkan kemampuan pelajar menguruskan masa dan mengamalkan hidup berdisiplin hasil dari kebiasaan yang telah diterapkan kepada responden oleh pihak sekolah. Seramai 42 responden (15%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini, 65 orang (23%) tidak pasti dan 176 orang (62%) bersetuju.

Hasil temubual pengkaji dengan beberapa orang ibubapa mendapati bahawa sekalipun berada di rumah, anak mereka mampu menguruskan masa dengan baik serta berdisiplin seolah-olah mereka masih di sekolah. Namun begitu, terdapat juga segelintir pelajar yang lebih bersifat santai di rumah iaitu mengabaikan disiplin dan masa tetapi tidaklah sampai mengabaikan tugas dan kewajipan harian mereka. Pengalaman dari pihak guru dan warden pula

menyatakan bahawa peratus yang agak tinggi pada responden yang memilih jawapan tidak pasti adalah kerana mereka merasakan undang-undang dan peraturan sekolah yang mengikat rutin hidup mereka dan bukanlah usaha pelajar itu sendiri.

Jadual 4.2.3.5 Kecenderungan Pelajar Mengabaikan Pakaian Menutup Aurat:

Perkara	Kekerapan	Peratus
Tidak setuju	212	75.0
Tidak pasti	36	13.0
Setuju	35	12.0
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.3.5 menunjukkan kecenderungan pelajar mengabaikan pakaian yang menutup aurat. Seramai 212 responden (75%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini, 36 orang (13%) tidak pasti dan 35 orang (12%) bersetuju bahawa mereka ada mengabaikan pakaian yang menutup aurat.

Bagi responden yang menafikan bahawa mereka mengabaikan etika berpakaian ini menunjukkan bahawa mereka sudah terbiasa dan selesa berpakaian menutup aurat. Manakala bagi responden yang bersetuju pula walaupun pada peratus yang kecil menunjukkan bahawa mereka seolah-olah masih belum bersedia menerima pakaian yang menutup aurat sebagai etika berpakaian mereka. Demikianlah menurut maklumat yang pengkaji terima dari beberapa orang ibubapa.

Beberapa orang guru pula menyatakan bahawa kebanyakan pelajar ketika ditemui di luar kawasan sekolah masih berpakaian menutup aurat. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan pelajar yang telah mengabaikan etika berpakaian ini seperti tidak bertudung bagi

pelajar perempuan dan berseluar pendek bagi pelajar lelaki namun kes sebegini hanya pada kes yang sangat terpencil.

Jadual 4.2.3.6 Kemampuan Pelajar Memilih Matlamat Hidup:

Perkara	Kekerapan	Peratus
Tidak setuju	11	3.9
Tidak pasti	30	10.7
Setuju	242	85.4
Jumlah	283	100.0

Jadual 4.2.3.6 menunjukkan kemampuan pelajar memilih matlamat hidup yang mampu mereka fahami dengan jelas. Seramai 11 orang (3.9%) tidak bersetuju dengan pernyataan ini, 30 orang (10.7%) tidak pasti tentang matlamat hidup manakala 242 orang (85.4%) responden bersetuju bahawa mereka mempunyai matlamat hidup yang difahami.

Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden bukan sahaja telah berjaya dilatih oleh pihak sekolah untuk mendapat pencapaian akademik yang baik bahkan juga mula dapat melihat dan memahami apakah matlamat hidup yang sepatutnya mereka capai dalam hidup. Melalui perbualan tidak rasmi pengkaji dengan beberapa orang pelajar mendapati bahawa matlamat hidup mereka bukan sahaja terhad kepada pencapaian cemerlang di bidang akademik bahkan lebih penting dari itu mereka mengidamkan kejayaan yang berpanjangan di dalam hidup yang boleh dikongsi oleh banyak pihak seperti ibubapa, keluarga dan orang sekeliling mereka.

**Bahagian C: (b) Perbandingan Pencapaian Sahsiah Antara Pelajar Yang Tinggal di Asrama Dengan di luar.**

Jadual 4.2.3.7 Kecenderungan Pelajar Mengikuti Aktiviti Keagamaan di Tempat Tinggal Masing-Masing.

Perkara	Asrama		Luar	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Setuju	88	92.0	85	45.3
Tidak pasti	4	4.0	71	38.0
Tidak setuju	4	4.0	31	16.7
Jumlah	96	100.0	187	100.0

Jadual 4.2.3.7 menunjukkan kecenderungan responden untuk mengikuti aktiviti keagamaan di tempat tinggal masing-masing. Bagi responden yang tinggal di asrama, seramai 4 orang (4%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini, 4 orang (4%) tidak pasti dan 88 orang (92%) bersetuju. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden yang tinggal di asrama bersetuju bahawa dengan mengikuti aktiviti keagamaan anjuran pihak asrama telah membantu mereka menjadi seorang pelajar yang berperibadi muslim.

Bagi responden yang tinggal di luar dan mengikuti aktiviti ini di kawasan tempat tinggal mereka seperti di masjid dan surau, seramai 31 orang (16.7%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini, 71 orang (38%) tidak pasti, 85 orang (45.3%) bersetuju. Ini menunjukkan bahawa hampir sebahagian dari responden yang tinggal di luar bersetuju dengan mengikuti aktiviti keagamaan di tempat tinggal mereka dapat meningkatkan sifat peribadi seorang muslim dalam diri mereka. Bagi responden yang tidak pasti adalah terdiri dari responden perempuan yang memang jarang menghadirkan diri ke masjid atau surau di mana aktiviti keagamaan sering diadakan.

Secara keseluruhannya bolehlah dinyatakan di sini bahawa golongan pelajar yang lebih mendapat pendedahan tentang pelbagai jenis ilmu agama melalui aktiviti keagamaan adalah pelajar asrama. Ini kerana, selain dari kehadiran di setiap majlis adalah diwajibkan, mereka berpeluang

mempraktikkan ilmu yang mereka terima dalam majlis-majlis tersebut secara langsung di asrama. Suasana dan corak kehidupan yang positif di asrama sangat merangsang perkembangan yang sihat ini berjalan.

Berbanding pelajar yang tinggal di luar, pengkaji dapati kehadiran mereka ke surau atau masjid untuk mengikuti aktiviti keagamaan ini sekadar suatu galakan dan bukanlah diwajibkan. Semua lebih bergantung kepada keluarga masing-masing. Samada mereka datang dari keluarga yang sememangnya aktif mengikuti aktiviti tersebut di surau dan masjid atau sebaliknya. Demikian juga galakan yang pelajar terima untuk mengamalkan ilmu yang telah diterima adalah kurang menggalakkan dengan suasana dan gaya hidup keluarga masing-masing.

Jadual 4.2.3.8 Kecenderungan Pelajar Menghabiskan Masa di Luar:

Perkara	Asrama		Luar	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Setuju	61	63.0	47	25.00
Tidak pasti	16	17.0	53	28.0
Tidak setuju	19	20.0	87	47.0
Jumlah	96	100.0	187	100.0

Jadual 4.2.3.8 menunjukkan kecenderungan responden untuk menghabiskan masa di luar. Bagi responden yang tinggal di asrama dan dibenarkan keluar ke bandar Kuala Terengganu yang berhampiran dua kali sebulan, seramai 61 orang (63%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini, 16 orang (17%) tidak pasti, 19 orang (20.0%) bersetuju. Peratusan tinggi responden yang tidak bersetuju menghabiskan masa di luar ini menunjukkan bahawa mereka sudah mula tahu menilai harga setiap masa yang mereka ada dan tidak suka menghabiskannya dengan perkara sia-sia. Bagi responden yang gemar keluar pula memberitahu pengkaji bahawa mereka memilih untuk keluar sekalipun tiada urusan penting kerana berasa jemu tinggal di asrama.

Bagi responden yang tinggal di luar dan diberi kebebasan untuk keluar oleh keluarga pula, seramai 47 orang (25%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini, 53 orang (28%) tidak pasti

dan 87 orang (47%) bersetuju. Menurut ibubapa pelajar luar yang pengkaji temui, hak kebebasan yang diberikan kepada anak mereka biasanya digunakan oleh pelajar tanpa melanggar syarat yang telah ditetapkan seperti had masa keluar, tujuan keluar, kemana dan dengan siapa mereka pergi.

Bagi perbandingan tentang cara pengurusan pelajar terhadap masa masing-masing adalah seimbang antara pelajar asrama dan luar. Ini kerana, pelajar di usia empat belas hingga enam belas tahun sebenarnya sudah berjaya mengikuti disiplin dan nilai masa dalam kehidupan serta memahami keutamaannya. Mereka yang berada di tahap umur ini sudah mula dapat melihat apakah keutamaan yang perlu mereka lakukan dalam setiap tempoh masa hidup mereka. Jadual dan aktiviti harian mereka di sekolah telah banyak membantu dalam pengurusan masa yang berkesan.

Jadual 4.2.3.9 Keinginan Pelajar Agar Batasan Pergaulan dan Etika Berpakaian Dapat Dilonggarkan:

Perkara	Asrama		Luar	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Setuju	10	10.4	144	77.0
Tidak pasti	13	13.6	19	10.17
Tidak setuju	73	76.0	24	12.83
Jumlah	96	100.0	187	100.0

Jadual 4.2.3.9 menunjukkan keinginan pelajar agar batasan pergaulan dan etika berpakaian dapat dilonggarkan. Bagi pelajar yang tinggal di asrama, seramai 73 orang (76%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini, 13 orang (13.5%) tidak pasti, 10 orang (10.4%) bersetuju. Walaupun peratus responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan di atas adalah lebih tinggi dari responden yang bersetuju, hasil dari pemerhatian di asrama membuatkan pengkaji percaya sebenarnya mereka akan lebih selesa sekiranya etika berpakaian ketika di asrama boleh dilonggarkan sedikit. Walau bagaimanapun, pengkaji memahami bahawa apa yang telah ditentukan

oleh pihak pengurusan asrama adalah lebih bertujuan melatih penghuni mengamalkan pakaian bersopan dan bukanlah menghalang keselesaan mereka.

Bagi responden yang tinggal di luar pula, seramai 144 orang (76.8%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini, 19 orang (10%) tidak pasti, 24 orang (12.7%) bersetuju. Ini menunjukkan bahawa mereka telah serasi dengan cara berpakaian dan bergaul yang diterima di sekolah serta tidak berminat untuk menerima kebebasan yang tidak mereka perlukan. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa masih terdapat segelintir responden yang cenderung mendapatkan kebebasan berpakaian dan bergaul mengikut kehendak hati mereka kerana itulah corak hidup keluarga mereka di rumah.

Etika berpakaian dan batasan pergaulan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah memang agak ketat jika dibandingkan dengan sekolah lain. Walau bagaimanapun, bagi pengkaji ia adalah bertepatan dengan hukum Islam itu sendiri. Apa yang dapat pengkaji bandingkan di sini ialah pelajar asrama lebih berjaya mengamalkan etika berpakaian dan batasan pergaulan yang lebih baik berbanding pelajar luar. Selain kebebasan mengamalkan gaya hidup di luar sekolah, pelajar yang tinggal di luar lebih banyak menghabiskan masa mengikut kehendak masing-masing tanpa diawasi oleh pihak sekolah. Berbeza dengan pelajar yang tinggal di asrama yang sentiasa terikat dengan etika dan disiplin sekolah sedangkan pelajar luar adalah terpulang kepada corak dan gaya hidup keluarga masing-masing. Pernyataan ini telah diakui oleh Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Guru Disiplin dan Guru Pendidikan Islam sekolah ini bahawa semua ibubapa dan keluarga pelajar mengharapkan anak mereka mendapatkan pendidikan terbaik baik di sudut akademik maupun keperibadian diri tetapi tidaklah semua ibubapa tersebut orang yang mengamalkan gaya hidup Islam yang sebenar.

Jadual 4.2.3.10 Keengganan Pelajar Menjalinkan Hubungan Silaturrahim Dengan Kakitangan Sekolah dan Sanak Saudara:

Perkara	Asrama		Luar	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Setuju	76	79.2	144	77.0
Tidak pasti	11	11.5	19	10.17
Tidak setuju	9	9.3	24	12.83
Jumlah	96	100.0	187	100.0

Jadual 4.2.3.10 menunjukkan keengganan pelajar menjalinkan hubungan silaturrahim dengan orang di sekeliling mereka. Bagi pelajar yang tinggal di asrama, seramai 76 orang (79.2%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini, 11 orang (11.5%) tidak pasti, 9 orang (9.3%) bersetuju. Ini menunjukkan bahawa sebilangan besar responden bersetuju bahawa mereka perlu menganggap kakitangan dan pembantu asrama adalah sebahagian dari keluarga mereka dan perlu bergaul dengan mereka mengikut tuntutan hubungan sosial yang dibenarkan oleh Islam. Ini diakui oleh pekerja dewan makan asrama dan tukang kebun sekolah yang menyatakan bahawa selain melayani dan menghormati pekerja sebagai orang tua, pelajar juga bergaul sesama sendiri dengan baik dan tidak terlampau bebas. Inilah yang pengkaji maksudkan kemampuan pelajar menjalinkan sosial yang baik menurut Islam.

Bagi responden yang tinggal di luar pula, seramai 131 orang (71.5%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini, 33 orang (17.6%) tidak pasti, 19 orang (10.4%) bersetuju. Pengkaji dapati walaupun peratus responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan di atas adalah lebih tinggi berbanding responden yang bersetuju, ia tidaklah pula bermaksud mereka bersetuju menjalinkan silaturrahim dengan saudara mara dan jiran tetangga mereka. Ini kerana, maklumat dari ibubapa pelajar menunjukkan anak mereka tidak berminat menziarahi rumah sanak saudara kecuali dipaksa sahaja.

Melalui pemerhatian dan dapatan pengkaji dalam beberapa sesi temubual mendapati bahawa pelajar yang tinggal di asrama lebih terdedah kepada pengamalan hubungan sosial sesama teman, guru dan kakitangan sekolah berbanding pelajar yang tinggal di luar. Selain banyak masa dihabiskan di dalam kawasan sekolah, mereka juga sentiasa berpeluang menjalinkan hubungan silaturrahim dengan ramai orang yang bukan ahli keluarga mereka tetapi telah dianggap sebagai saudara sendiri. Demikianlah corak hidup yang menjadi amalan penghuni asrama sekolah ini. Apabila pulang ke kampung masing-masing sebulan sekali pula, mereka berpeluang menjalinkan silaturrahim dengan keluarga sendiri pula. Sedangkan pelajar yang tidak tinggal di asrama sekolah pula kebanyakannya lebih suka bersendirian dan akan menjalinkan hubungan sosial dengan orang luar dari keluarga mereka hanya apabila berkeperluan sahaja. Inilah yang dinyatakan oleh ibubapa pelajar kepada pengkaji dalam temubual yang telah dijalankan.

#### **4.6 Kesimpulan**

Hasil dari borang soal selidik yang telah diedarkan, pemerhatian dan temubual yang telah dijalankan untuk mengetahui penghayatan ibadah dan kesannya terhadap hubungan sosial di kalangan pelajar sekolah ini, pengkaji mendapati bahawa pihak SMKA Tok Jiring telah berjaya menyediakan suatu program pendidikan yang telah dan akan melahirkan banyak generasi berilmu dan berperibadi mulia serta memenuhi keperluan modal insan pada hari ini.

Para pelajar yang terpilih mengikuti pengajian di sekolah ini pula telah mengikuti sesi pengajian dan menerima didikan agama di sini dengan sempurna sehingga mampu menjadikan diri mereka seorang manusia yang memiliki kekuatan fizikal dan mental serta mempunyai tahap intelektual yang tinggi. Hasil gabungan kedua-dua faktor yang penting ini, diharapkan negara akan terus memiliki sumber modal insan yang mencukupi terutama di bidang pendidikan dunia hari ini yang serba mencabar.

## **BAB LIMA**

## **Bab Lima :**

### **Rumusan dan Cadangan**

#### **5.1 Pengenalan:**

Bab ini akan membuat rumusan kepada kajian yang telah dijalankan di SMKA Tok Jiring. Perbincangan terbahagi kepada lima bahagian iaitu ringkasan kajian, rumusan, dapatan kajian, saranan kajian lanjutan dan penutup.

#### **5.2 Ringkasan Kajian:**

Kecemerlangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu di bidang akademik dan sahsiah diri telah menarik minat pengkaji untuk mengkaji penghayatan ibadah dan hubungan sosial dalam kalangan mereka. Kajian ini bertujuan mengetahui tahap pengetahuan agama di kalangan pelajar sekolah ini. Tahap pengetahuan agama mereka di bahagikan kepada dua peringkat iaitu sebelum dan selepas mengikuti pengajian di sekolah ini. Ia dilihat berdasarkan kepada pencapaian dalam matapelajaran Pendidikan Islam, pendidikan awal agama yang diterima sebelum memasuki sekolah ini, khatam al-Quran, permulaan sembahyang dengan betul dan sebab pemilihan SMKA Tok Jiring untuk menyambung pengajian.

Pengkaji juga ingin mengetahui penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar sekolah ini samada mereka berjaya menerapkan nilai ibadah ke dalam kehidupan dan hubungan sosial mereka. Secara umumnya, pengkaji ingin melihat kefahaman pelajar tentang konsep ibadah, etika berpakaian pelajar dan batasan pergaulan pelajar. Pengkaji juga ingin mengetahui samada penghayatan ibadah mereka meningkat atau tidak selama mengikuti pengajian di sekolah ini.

Pengkaji turut membuat perbandingan pencapaian sahsiah di antara pelajar yang menginap di asrama sekolah dengan pelajar yang tinggal di luar. Persoalan terakhir yang ingin di kaji ialah adakah aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah membantu kearah penghayatan ibadah dan hubungan sosial di kalangan pelajar.

### **5.3 Rumusan Kajian:**

Kajian terhadap penghayatan ibadah dan kesannya terhadap hubungan sosial di kalangan pelajar sekolah adalah amat penting dijalankan. Ini kerana pelajar sekolah yang juga merupakan seorang remaja merupakan aset berharga dalam pembinaan sesebuah negara. Seorang remaja menjadi harapan agama dan negara dari kedua-dua sudut pencapaian akademik dan sahsiah diri. Oleh itu, penghayatan ibadah dan kesannya terhadap diri individu muslim adalah amat penting untuk dicapai seperti yang telah dibincangkan dalam Bab Dua.

Memandangkan kajian ini membabitkan kajian lapangan, maka pada Bab Ketiga, pengkaji telah memperkatakan tentang tempat kajian ini dilakukan. Pengkaji telah memilih Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu sebagai tempat kajian kerana ia merupakan antara lima buah sekolah terbaik di Negeri Terengganu yang telah berjaya melahirkan pelajar yang cemerlang di bidang akademik dan sahsiah diri. Sungguhpun kualiti pelajar sekolah ini pada masa kini telah mula menurun berbanding suatu masa dahulu, namun ia tetap menjadi pilihan ibubapa untuk menghantar anak mereka bagi meneruskan pengajian di peringkat menengah.

## **5.4 Dapatan Kajian:**

Dapatan kajian telah dirumuskan kepada tiga bahagian utama iaitu latarbelakang pengetahuan agama, penghayatan ibadah dan masalah dalam menghayati ibadah serta perbandingan pencapaian sahsiah dan hubungan sosial dalam kalangan pelajar.

### **5.4.1 Latar Belakang Pengetahuan Agama Di kalangan Pelajar SMKA Tok Jiring.**

Dapatan kajian menunjukkan 97.9% dari jumlah responden kajian ini telah mendapat pendidikan awal agama sebelum mula belajar di sekolah ini. Antara pencapaian pendedahan agama ini ialah seramai 275 orang responden (77.1%) telah mula sembahyang dengan betul mengikut pantauan guru dan ibubapa ketika masih di bangku sekolah rendah. Selain itu, bilangan responden yang telah khatam membaca al-Quran sebelum memulakan pengajian di sekolah ini adalah seramai 214 orang (86%).

Secara umumnya, bolehlah dinyatakan bahawa sebahagian besar responden kajian telah mendapat pendedahan agama Islam sebelum belajar di SMKA Tok Jiring. Pengambilkiraan pencapaian umur ketika mula sembahyang dan umur khatam al-Quran adalah kerana dua perkara ini merupakan antara syarat utama pelajar diterima masuk ke sekolah ini. Dalam budaya masyarakat melayu hari ini menunjukkan penekanan pengamalan dan penghayatan ibadah Islam anak-anak adalah lebih ditekankan dalam sembahyang fardu dan membaca al-Quran. Ibadah puasa turut diberi penekanan oleh keluarga tetapi tidaklah sebagaimana tumpuan yang diberikan terhadap sembahyang dan bacaan al-Quran.

Persediaan awal memiliki pengetahuan asas agama adalah penting kepada seorang pelajar sebelum mula belajar di sekolah ini. Selain mudah memahami, mengamalkan dan menghayati konsep ibadah, pelajar yang telah mempunyai pengetahuan awal asas-asas ibadah dalam Islam akan dapat meningkatkan penghayatan ibadahnya setelah mengikuti pelajaran di sekolah ini sehingga tahap yang lebih cemerlang.

#### **5.4.2- Peningkatan Penghayatan Ibadah dan Masalah Pelajar Dalam Menghayati Konsep Ibadah.**

Dapatan kajian ini akan menyatakan dua huriaian berkaitan peningkatan penghayatan ibadah dan apakah masalah yang dihadapi pelajar dalam menghayati ibadah.

Pertama: Kefahaman tentang ibadah menunjukkan bahawa seramai 273 responden (96.4%) memahami bahawa ibadah membawa pengertian satu ruanglingkup yang luas meliputi segala amalan fardu dan sunat seorang Islam serta meninggalkan larangan di dalam agama Islam.

Kedua: Minat responden untuk meningkatkan kefahaman dan penguasaan matapelajaran Pendidikan Islam menunjukkan peratus yang tinggi iaitu 91.5% bersamaan sejumlah 259 orang responden. Selain mempunyai tenaga pengajar yang pakar dalam bidang Pendidikan Islam, SMKA Tok Jiring turut menyediakan satu pelan pelaksanaan pendidikan yang berjaya membangkitkan minat pelajar untuk mengikuti kelas pengajian yang berterusan.

Ketiga: Pengamalan sembahyang pada awal waktu di kalangan responden telah menunjukkan peratus setuju yang tinggi iaitu 91% melibatkan 257 responden. Selain menjaga kelebihan sembahyang dengan menunaikannya di awal waktu, amalan ini turut memberi pengertian

kepada responden tentang kepentingan pengurusan masa yang berkesan dalam hidup seorang Islam.

Keempat: Dalam menghayati ibadah, responden menghadapi satu atau lebih daripada empat kategori masalah iaitu masalah dengan ibubapa, guru, kawan atau diri responden sendiri. Peratus permasalahan yang tinggi dihadapi oleh pelajar ialah ialah masalah dengan diri mereka sendiri, diikuti masalah dengan kawan, ibubapa dan terakhir dengan guru mereka.

#### **5.4.3- Kesan Aktiviti Anjuran Pihak Sekolah Bagi Membantu Kearah Penghayatan Ibadah Dalam Kehidupan Sosial Pelajar.**

Secara umumnya, hasil dari analisis data pada Bab Empat, bolehlah pengkaji simpulkan di sini bahawa semua aktiviti program anjuran pihak sekolah telah berjaya membantu pelajar meningkatkan penghayatan ibadah di kalangan pelajar. Program yang telah dijalankan juga berjaya menarik minat pelajar untuk mengikutinya.

Pengkaji dapati, dari sudut minat dan cenderung pelajar ketika mengikuti program keagamaan di sekolah, peratusan yang tinggi menunjukkan aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak sekolah telah berjaya menarik minat pelajar bukan sekadar menyertai bahkan melaksanakan program. Pelajar juga mempunyai kemampuan dan kepercayaan yang tinggi bahawa mereka mampu menjadi imam dalam sembahyang berjemaah. Dari sudut pengurusan masa, pembudayaan hidup berdisiplin dan pemilihan matlamat hidup, responden mengakui bahawa rentetan dari amalan hidup di sekolah telah berjaya melatih mereka menjadi seorang yang memiliki hidup yang lebih bermutu, jelas tumpuan dan pengurusan dalam hidup. Ketegasan pengurusan masa dan ketinggian disiplin pihak sekolah telah berjaya melatih dan

menjadikan hampir semua pelajar mempraktikkannya dalam kehidupan mereka. Pengkaji tidak menyatakan seluruh pelajar berjaya mengikuti disiplin diri ketika di luar sekolah kerana aktiviti pelajar ketika di luar sekolah sukar untuk dipastikan.

Kehidupan sosial pelajar juga adalah lebih bercorak hidup seorang remaja Islam melalui pemakaian yang sopan, menutup aurat dan menepati garis panduan berpakaian seorang Islam. Begitu juga pergaulan dan hubungan sosial responden sesama teman, guru, kakitangan sekolah, keluarga, jiran dan masyarakat. Sungguhpun ada responden yang tidak mesra tetapi mereka tidak sampai bersikap kurang ajar dalam pergaulan bahkan masih mengekalkan sifat menghormati sesama insan. Penekanan batas pergaulan antara pelajar lelaki dan perempuan pula telah membiasakan pelajar mengamalkannya sekalipun berada di luar kawasan sekolah.

#### **5.4.4 –Perbandingan Pencapaian Sahsiah Dan Hubungan Sosial Antara Responden Yang Tinggal Di Asrama Dan Di Luar.**

Perbandingan antara pencapaian sahsiah responden yang tinggal di asrama dengan luar asrama dibuat berdasarkan kepada beberapa faktor seperti penyertaan pelajar dalam aktiviti keagamaan, pengisian masa lapang, etika pergaulan dan berpakaian serta jalinan hubungan sosial dengan orang di sekeliling mereka.

Pertama: Penyertaan pelajar dalam aktiviti keagamaan menunjukkan bahawa pelajar yang tinggal di asrama lebih berminat menyertainya berbanding pelajar luar yang menunjukkan hanya pelajar lelaki yang lebih berminat berbanding perempuan. Ini kerana suasana kehidupan di asrama adalah lebih bersifat mesra kepada semua penghuni untuk mengikuti aktiviti tersebut baik yang dijalankan di surau asrama atau di dalam bilik-bilik penginapan. Selain mempunyai

teman-teman untuk bersama-sama menyertai program, aktiviti yang dijalankan di asrama juga lebih menepati keperluan jiwa seorang pelajar berbanding aktiviti yang dijalankan oleh masyarakat setempat di mana pelajar luar asrama tinggal.

Kedua: Pengisian masa lapang pelajar menunjukkan bahawa pelajar yang tinggal di luar asrama sekolah lebih berminat mengisi lapang dengan keluar dari rumah samada ke kedai-kedai atau ke pekan dan sebagainya jika berkelapangan masa. Pelajar asrama pula lebih menunjukkan sikap tidak berminat untuk keluar walaupun pada hari yang dibenarkan oleh pihak asrama untuk keluar. Kepadatan jadual harian mereka di asrama membuatkan mereka memilih untuk tidak keluar sekiranya tiada keperluan yang mendesak. Waktu lapang hujung minggu mereka lebih dimanfaatkan dengan melakukan sebarang tugas atau kerja-kerja pengurusan diri selain berehat di bilik asrama masing-masing.

Ketiga: Perbandingan batasan pergaulan antara pelajar asrama dengan pelajar luar asrama menunjukkan persamaan bahawa tiada perbezaan antara keduanya kerana masing-masing berpuashati dengan batasan pergaulan yang mereka amalkan sekarang. Namun, secara praktikalnya boleh dinyatakan di sini bahawa batasan pergaulan di kalangan pelajar asrama adalah lebih terjaga berbanding pelajar yang tinggal di luar. Pelajar asrama telah dilatih menurut satu etika pergaulan yang ketat dan perlu diikuti selain dikenakan hukuman jika melanggarnya. Bagi pelajar yang tinggal di luar, batasan pergaulan mereka adalah berdasarkan bagaimana ibubapa dan keluarga mereka sendiri bergaul. Sekiranya mereka terdiri dari kalangan keluarga yang mementingkan pergaulan menurut kacamata Islam, maka pelajar juga akan terlatih dengan corak positif itu. Maka jika sebaliknya, akanlah golongan pelajar yang bebas dalam pergaulan tanpa mengira batasan lelaki dan perempuan.

Keempat: Etika berpakaian responden tidak banyak menunjukkan perbezaan kerana semua pelajar SMKA Tok Jiring telah terlatih dengan kewajipan berpakaian kemas, bersih dan menutup aurat. Namun, bagi pelajar asrama yang mengamalkan etika berpakaian yang lebih rasmi sekalipun ke dewan makan masih tidak menjamin pengamalan sedemikian sekiranya mereka berada di luar sekolah. Ini kerana suasana dan budaya hidup di luar asrama adalah amat berbeza dengan di asrama. Bagi pelajar luar asrama, segalanya bergantung kepada kekuatan dan keazaman masing-masing untuk meneruskan amalan berpakaian yang sempurna kerana tiada undang-undang khas berpakaian dalam keluarga seperti undang-undang di asrama.

Kelima: Jalinan hubungan sosial pelajar menunjukkan bahawa sungguhpun pelajar yang tinggal di luar mempunyai jaringan sosial yang lebih luas dengan orang sekeliling mereka, namun ia disempitkan oleh amalan mereka yang suka memencilkan diri dan lebih selesa mengamalkan sikap berkurung. Dengan lebih dari separuh hari mereka berada di sekolah, menjadikan alasan letih untuk tidak bergaul dengan orang sekeliling atau jiran tetangga mereka. Berbeza dengan pelajar asrama yang mahu tidak mahu terpaksa beramah mesra dan bergaul dengan siapa saja yang berada di samping mereka.

### **5.5 Saranan:**

Untuk meningkatkan tahap penghayatan ibadah dan kesannya terhadap hubungan sosial di kalangan pelajar SMKA Tok Jiring, pengkaji telah membuat saranan seperti berikut:

- 1- Para pelajar hendaklah mengetahui pengertian sebenar ibadah. Peluang belajar di SMKA Tok Jiring ini sewajarnya digunakan semaksima mungkin dengan belajar bersungguh-sungguhdan bersedia mengikuti setiap aktiviti pihak sekolah dengan penuh

minat. Memahami dan menghayati ibadah adalah penting bagi membolehkan mereka menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sehari-hari.

- 2- Kepada pihak sekolah pula, pengkaji mengharapkan agar dapat meneruskan semua usaha ke arah melahirkan modal insan yang cemerlang pencapaian akademik dan sahsiah diri. Perbanyakkan aktiviti yang boleh membantu mutu penghayatan ibadah di kalangan pelajar. Ketegasan pentadbiran sekolah dalam soal disiplin dan tata tertib pelajar juga perlu diteruskan. Pihak sekolah tidak sewajarnya berlembut dengan pelajar terutama dalam hal pergaulan pelajar. Ini kerana, walaupun belajar di sebuah sekolah agama, mereka juga merupakan seorang remaja seperti pelajar sekolah lain. Jiwa seorang remaja penuh dengan kekeliruan dan memerlukan bantuan serta bimbingan oleh orang dewasa termasuk dari seorang guru.
- 3- Kepada ibu bapa dan keluarga pula, pengkaji ingin menyarankan agar mereka dapat mempersiapkan diri dengan penguasaan ilmu agama yang tinggi serta dapat mengamalkan budaya hidup Islam dari semua aspek kehidupan. Ini penting kerana perkara yang menjadi asas kejayaan kepada seorang remaja baik di bidang akademik maupun sahsiah diri adalah paduan pendidikan yang diterima di sekolah dan di rumah.
- 4- Kepada masyarakat sekeliling pula, janganlah sekadar mengharapkan pihak sekolah dapat melahirkan pelajar yang cemerlang tanpa sama-sama berusaha mencapainya. Masyarakat sekeliling perlu mengamalkan sikap “Anak Orang Anak Kita” dengan sama-sama mengikuti perkembangan remaja masa kini serta dapat memberikan buah fikiran dan jalan penyelesaian kepada setiap permasalahan yang berlaku.

5- Kepada pihak media cetak dan elektronik pula, kajian ini diharapkan dapat memandu mereka dalam menyediakan bahan yang boleh membantu pelajar menghadapi hidup yang penuh mencabar hari ini.

## **5.6 Cadangan Kajian Lanjutan**

Di sini, pengkaji ingin membuat beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dilakukan oleh mana-mana penyelidik;

- 1- Membuat perbandingan pencapaian sahsiah diri di antara pelajar SMKA Tok Jiring dengan pelajar sekolah lain yang berhampiran.
- 2- Mengkaji peranan dan contoh yang telah diberikan oleh para guru di sekolah ini. Kajian bolehlah meliputi aspek penghayatan ibadah dan penampilan diri seorang guru di sekolah agama seperti ini.
- 3- Mengkaji peranan yang telah dan akan dimainkan oleh pihak Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu di dalam mengekalkan mutu SMKA Tok Jiring ini sebagai pusat pendidikan yang cemerlang.
- 4- Mengkaji bantuan yang disumbangkan oleh masyarakat setempat dalam menjayakan pelan pendidikan dan mengisi keperluan bimbingan yang diharapkan oleh remaja Islam hari ini.
- 5-

## **5.7 Penutup**

Untuk menutup perbincangan pada bab ini, pengkaji ingin menyimpulkan bahawa pentingnya penghayatan ibadah terhadap diri seorang remaja Islam yang bergelar pelajar. Hasil dari

penghayatan tersebut, akan lahirlah seorang individu muslim yang cemerlang dari pelbagai bidang kehidupan. Paduan buah fikiran dan gabungan tenaga kerja dari pihak pelajar, ibubapa, guru, kakitangan dan masyarakat setempat akan memudahkan lagi proses Pendidikan Islam dilaksanakan dengan berkesan sehingga dapat melahirkan modal insan yang sempurna. Semoga SMKA Tok Jiring akan terus menjadi pilihan masyarakat bagi menyambung pengajian anak mereka serta menjadi contoh teladan kepada sekolah-sekolah yang lain.

# **BIBLIOGRAFI**

## BIBLIOGRAFI

### AL-QURĀN AL- KARĪM DAN TERJEMAHAN

Al-Qurān al-Karīm

Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmih (2001), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. c.12. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

### MU'JAM DAN KAMUS

Abī al-Qāsim Ḥusīn. Muḥammad al- 502h (1961), *Al-Mufradāt Fi Ḣarīb al-Qurān*, j.1 dan 2. Tahqīq: Muḥammad Sayyid Wailānī, Mesir: Maktabah Muṣṭāfa al-Bāb al- Ḥalabī Wa Aulāduhu.

Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn Mukrim (1994), *Lisān al- 'Arab*, c. 3, j. 3. Beirūt: Dār al-Şādir.

Jawatankuasa Istilah Fiqh (1995), *Glosari Fiqh*. c. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Panel Penulis: Abu Bakar Ismail (t.t) *Ensiklopedia Hukum Islam*, j. 2. Jakarta: PT Lahtiar Baru Van Hoeve.

\_\_\_\_\_ (2003), *Ensiklopedia Islam Untuk Pelajar*, c.1, j. 2. Kuala Lumpur: Eravisi Publication Sdn Bhd.

Sheikh Mohd Idrīs Abdul Raūf Marbāwī al- (1990), *Kamus Idrīs al-Marbāwī*, c.1. Kuala Lumpur: Penerbit Dār al-Fikir.

Sidang Pengarang (2000), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. c.7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### TAFSIR

Aḥmad Muṣṭafā Marāghī al- (2001), *Tafsīr al- Marāghī*. c.1, j.10. Muhammad Thalib (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Abdul Malik Karim Amrullah (1984), *Tafsir al-Azhar*. j.11, 12&13. Panji Masyarakat.

Hasbi ash Shiddiqi (1990), *al-Quran dan Tafsirnya*. j. 16,17 &18. Yogjakarta: PT Dana Phant Wakaf.

Jalāl al-Dīn al-Mahallī dan Sayūti al- (1990), *Tafsīr Jalālāin*. c.1. Mahyuddin Syaf dan Bahun Abu Bakr (terj.), Bandung: Penerbit Sinar Baru.

K.H.Q. Shaleh, H.A.A Dahlan (1990), *Tafsir Ayat-Ayat Hukum*. c.2. Bandung: Penerbit CV Diponegoro.

Mahmūd Syaltūt (1990), *Tafsir al-Qurān al-Karīm, Pendedahan Syaltut Di dalam Menggali Esensi al-Qurān*, Harry Moer Ali (terj.), Bandung: Penerbit CV Diponegoro.

Muhammad Ḥasan Ḥamsī al-(t.t), *Qurān Karīm Tafsīr wa Bayān Ma`a al-Nuzūl al-Suyūtī*. Beīrūt: Dār al Rasyīd.

R. Lubis Zamarkasyi (1981), *Tafsir Ayat-Ayat Hukum*, c.1. Muhammad Ali al-Sayis (terj.) Bandung: PT al-Ma`rif.

Sayyid Qutb (2004), *Tafsīr Fī Zilāl al-Qurān*, c.1, j.4. Rahim, Yusof Zaky Yacob (terj.), Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.

Zuhaylī, Wahbah al- (1991), *Tafsīr al-Munīr*, c. 1. Beīrūt: Dar al-Fikr al-Mu`asir.

## **HADIS**

Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad b. Ismā‘īl al-Mughīrah Ibn Bardazbah al-, 256h, (t.t), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j.3. Beīrūt: Maktabah Thaqāfiyyah.

Qazainī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Yazīd al-, 207-275h (1975), *Sunān Ibn Mājah*, Beīrūt: Dār Ihyā’ at-Turāth al-‘Arabi.

Mubārakfūrī Abī ‘Alī Muḥammad ‘Abd al-Rahmān al- (t.t), *Tuḥfah al-Āhwāzī*, j.9. Maṭba‘ah al-I‘timād.

Nawāwī, Imām Maḥyu al-Dīn al- (651h) (1981), *Ṣaḥīḥ Muslim, Syarḥ Imām Nawāwī* (Minhāj). Damaskas: Dār al-Fikr.

\_\_\_\_\_ (1994), *Ṣaḥīḥ Muslim, Syarḥ Imām Nawāwī*, (Minhāj), j.5. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.

Qusyairī Muslim Ibn Ḥajjāj al- (1999), *Turjumah Ṣaḥīḥ Muslim*, K.H Adib Bisri Musthofa (terj.) , c. 2. Kuala Lumpur: Victory Agency.

‘Asqalānī, Shihāb al-Dīn Ahmad Ibn Ḥajar al- (1985), *Fath al-Bārī*, c.3, j. 2. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi.

## **BAHASA ARAB**

Abī Zakaria Mahyū al-Dīn Yaḥyā Nawāwī al- (2004), *Nuzhah al-Muttaqīn Sharḥ Riyad al-Salihīn min Kalām Sayyid al-Mursalin*. Beirūt: Mu‘asasah al-Risālah.

Mawdūdī, Abū A‘lā al- (t.t), *Mabādi’ al-Islām*. Qāherah: Al-Ṭabā‘ah al-Basyīr.

Lajnah al-Ta’līf (1987), *Mafshūm al-‘Ubūdiyyah fī al-Islām*, c.2, Irān: Mu‘assasah al-Balāgh.

\_\_\_\_\_ (1992), *Ibād al-Rahmān*, c.2, j.1. Irān: Mu‘assasah al-Balāgh.

\_\_\_\_\_ (t.t), *al-‘Ibādah wa al-Zuhdī fī al-Islām*. Irān: Mu‘assasah al-Balāgh.

Maḥmūd Muḥammad (1982), *al-Dīn ‘Inda Allāh*, c.1. Ammān Jordan: Maktabah al-Risālah al-Hādithah.

Muḥammad ‘Abd al-Mun‘im Nūr (1960), *Asās al-Ijtīmā‘ al-Insānī*, c.1. Kaherah: Dār al-Ma‘rifah.

Muḥammad Ismā‘il ‘Abduh (1984), *al-‘Ibādah fī al-Islām*, c. 4. Kuwait: Maktabah al- Falāh.

Muḥammad Maḥmūd Nasār (1988), *Kifāyah al-Muta‘abbud Wa Tuḥfah al-Mutazahhud li al-Hāfiẓ al-Munziri*, c.2. Taḥqīq: Muḥammad Maḥmūd Nasār, Kaherah: Maktabah al-Turāth al-Islāmī.

Muhammad Syed Muhammad Yūsuf al- (1997), *al-Tamkīn li Ummah al-Islāmiyyah*. c. 1. Kaherah: Maktabah Dār al-Salām.

Sarakhsī, Shams al-Dīn al- (1987), *al-Mabsūt*, Beirūt: Dār al-Ma‘rifah.

Qaraḍāwi, Yūsuf al- (1995), *al-‘Ibādah fī al-Islām*, c.25. Kaherah: Maktabah Wahbah.

## **BAHASA MELAYU**

Abdul Karim Zaidan (1980), *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*, Asywadi Syukur (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka al-Ameen.

Abd. Rahim Abd Rashid (1993), *KBSM Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Layts Assamarqandi al- (1977), *Tanbihul Ghafilan* (Peringatan Bagi Yang Lupa), j. 1&2. Salim Bahreisy (terj.), Surabaya:PT Bina Ilmu.

A.D.C. Peterson (t.t). Abdullah Hassan (terj.) (1987). *Pendidikan Seratus Tahun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Mohd Salleh (2004), *Pendidikan Islam: Falsafah Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ahmad Shalaby (1976), *Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam*. Pustaka Nasional. Singapura.

Akademi Pengajian Islam (2006), UM, Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Tinggi, Kuala Lumpur : API, UM.

Anisah bt Ab. Ghani (2001), *Konsep Pengamalan Solat: Satu Kajian di Zaman Rasulullah, Sahabat dan Tabi'in*, c. 1. al-Hidayah Publishers.

Asmady Idris, et.al (penyunting) (2003), *Isu-isu Sains Sosial Dari Perspektif Islam*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

David Berny, Rahimah Abdul Aziz (terj.) (1993), *Idea-Idea Utama dalam Sosiologi- Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ghazali, Imam al- (2000), *Mutiara Ihya' Ulumuddin- Permulaan Hidayah*. H.Rus'an (terj.), Thinkers Libray sdn Bhd.

\_\_\_\_\_ (1980), *Falsafah Akhlak*. Singapore: al-Haramain PTE LTD.

\_\_\_\_\_ (1980), *Tatasusila Islam*. Abdullah b. Salleh (terj.), Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi.

\_\_\_\_\_ (t.t) *Rahsia Hakikat Sembahyang Menurut Tauhid, Fiqah dan Tasawuf*, Abdul Rahman Mat Ismail (selenggara) (t.t.p).

\_\_\_\_\_ (1980), *Pekerti Muslim*. c.1. Siri 2. Ismail b. Mohd Hassan (terj.) Penerbitan Yayasan Islam Terengganu.

\_\_\_\_\_ (1980), *Pekerti Muslim*, c.1. Siri 3. Ismail b. Mohd Hassan (terj.) Penerbitan Yayasan Islam Terengganu.

Hasbullah Mat Daud (2007): "Menangani Gejala Sosial Generasi Muda". Berita Harian, April 30.

H. Bey Ariffin dan H. Abdullah Said (1981), *Rahsia Ketahanan Mental dan Bina Mental Dalam Islam*. Surabaya: Penerbit al-Ikhlas.

Hanafi Mohamed (1996), *Falsafah Pendidikan Menurut al-Quran*, c.1. Selangor: Pustaka Ilmi.

Hans Fink (1992), *Falsafah Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hassan b. Salleh (1976), *Dasar-Dasar Hidup Islam*. Selangor: Penerbit Hassan Salleh.

Ibnu Khaldun Abdul Rahman (2002), *Mukaddimah*, c. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Imam Ahmad Ibn Hanbal (1992), *Betulkan Solat Anda*, Umar Hubies Bay Ariffin (terj.), c.2. Thinkers Library Sdn Bhd.

Ismail Yusuf (1965), *Pelajaran Agama Budi Pekerti Dalam Muamalat*, c. 2. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

Jazairi, Syeikh Abu Bakr Jaabir al-, Abdullah al Qari b. Hj Salleh (terj.) (1994), *Seruan Pembebasan Sejagat Menjamin Kebahagiaan Abadi*, c. 1. Kuala Lumpur: Dinie Publishers.

Karim Ilahi (2000), *Jodoh Perkahwinan Dan Rumahtangga Bahagia*. c. 1. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

KH Abdullah Salim (1988), *Akhlaq Islam Membina Rumahtangga dan Masyarakat*. Batu Caves: Thinkers library.

Koentjaraningrat (1991), *Method-Method Penelitian Masyarakat*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.

Lucy Mair, (1989), *Antropologi Sosial Permulaan*. Azemi Salim (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Salleh Lebar (2007), *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah Dan Pendidikan*, c. 3 Selangor: Thinkers Library.

M.Yunan Nasution (1976), *Pegangan Hidup* 2. Jakarta: Penerbit: Publicita.

Mohd. Ali Hashim, Haji Tahir Daeng Mengati (terj.) (1987), *Keperibadian Muslim* 1, c.1. Kuala Lumpur:

Mohd. Yusof (1995), *Bimbingan Akhlaq Yang Murni dan Terpuji Untuk Setiap Muslim*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

Mohd Yusof Hj Othman (penyelenggara) (1993), *Modul Pembinaan Budaya Ilmu*, c.2. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn Bhd.

Mok Soon Sang (2001), *Psikologi Pendidikan*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Muda@Ismail Abd Rahman (1990), *Cabarani Islam di Abad ke-21*, c.1. Terengganu: Penerbitan Yayasan Islam Terengganu.

Muhammad 'Atiyyah Khamis (1987), *Fiqh Wanita Sembahyang*, c.1. Penerbitan Hizbi.

Muhammad Bukhari Lubis & Ali Haji Ahmad (1999), *Transliterasi Arab-Parsi-Turki : Catatan Bawah dan Bibliografi*, Kuala Lumpur: The Open Press.

Muhammad Husayn Tabataba'i (1985), *Islam dan Zaman Moden*. c.1. Shamsuddin Jaa'far, Kuala Lumpur: Pustaka al-Alami.

- Mustafa Abdul Rahman Mahmud (1971), *Sendi Pergaulan Dalam Islam*. Pulau Pinang: Maktabah al-Haj, Abdullah b. Muhammad Nuruddin.
- Norazit Selat (1989), *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qardhawi, Yusuf al- (2002), *Ibadah Dalam Islam*, Hassan Idris (terj.), c. 5. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- \_\_\_\_\_ (1995), *Fatwa-Fatwa Kontemporari, As‘ad Yasin* (terj.), Jakarta: Gema Insani Press.
- S.S Djam`an (1947), *Dasar Kehidupan Kita*. Jakarta (T.T.P).
- S.S Husin, S.A Ashraf (1989), *Krisis Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sekolah Pembangunan Sosial (1998), *Pengenalan Kepada Sains Sosial*, c.1. Utusan Publication dan Distributors Sdn Bhd.
- Sherina (1996), *Tingkatkan Daya Ketegasan Dalam Diri Anda*, c.1. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn Bhd.
- Siti Fatimah Abdul Rahman (t.t), *Asas-Asas Masyarakat Cemerlang*. Multi Excellent Production dan Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM).
- T.A Lathief Rousydiy (1997), *Kaifiyat Solat Rasulullah s.a.w*. Kuala Lumpur: Penerbit Edaran Kalam.
- T.Marimuthu (1990). *Pengenalan Sosiologi Pendidikan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti
- Udah Mohsin (1987), *Kesan Ibadah Dalam Pembentukan Akhlak Seorang Muslim*, c. 2. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- Wan Azmi Ramli (1982), *Dasar Sosial di Malaysia*, c.1. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Wan Hashim, Mahyuddin Haji Yahya (penyunting) (1986), *Sains Sosial Dari Perspektif Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusuf Ahmad Lubis (1969), *Islam dan Keadilan Sosial*, Pulau Pinang: Zi United Press.

## **BAHASA INGGERIS**

- Krejcie, R.V & Morgan, D.W. (1970), *Determining Sample Size For Research Activities. Educational and Psychological Measurement*.

## **JURNAL**

Hairi Abdullah et.al (penyunting) (1986), Jurnal Antropologi dan Sosiologi, j. 14. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hood Haji Salleh et.al. (penyunting) (1984), Jurnal Antropologi dan Sosiologi, j.12. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muda@Ismail Abd Rahman et.al (penyunting) (1988), Islamiyyat, j.7. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **TESIS/LATIHAN ILMIAH/ KERTAS KERJA**

Asmah Bee binti Md Noor (2006), Kertas Kerja “Seminar Menangani Gejala Sosial” di Dewan Besar Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Bushrah Binti Basiron et.al (2006), “Persepsi Mahasiswa Terhadap Dasar Pengasingan Penginapan Mengikut Gender; Kajian Perbandingan Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor Dan Universiti Malaya”, (Kajian Penyelidikan Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia).

Fadzil Bin Sahak (2001), “Masalah Salahlaku Pelajar di Dua Buah Sekolah Menengah Agama di Kelantan”, ( Tesis Master, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).

Fadzliyah binti Hashim (2004), “Kesan Pendidikan Islam Terhadap Cara Hidup Pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Aziz, Simpang Empat, Alor Star, Kedah”, (Tesis Master, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Fathiyah Mohd Fakhruddin (2002), “Pembangunan Akhlak Remaja Mengikut al Quran”, (Tesis Master, Fakulti Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Lihah bt. Amat (1997), “Konsep dan Penghayatan Solat Lima Waktu: Satu Kajian di Limbang, Sarawak”, (Kertas Projek, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

Mohd Anuar Ramli (2003), “Asas Hukum Dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Sosial Dalam Kebudayaan”. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Mohd Zaki b. Daud (2003), “Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah Swasta: Satu Kajian Di Sri Islam al-Amin”, (Tesis Master, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Muhammad Zakaria (1991), “Amalan Sembahyang Fardu di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian di Beberapa Buah Sekolah Kota Bharu”. (Kertas Projek Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Nor Azam b. Abd. Hamid (2003), “Penghayatan Pergaulan Islam di Sekolah Menengah Agama al-Abbasiah”, (Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

Norsharifah bt Haji Ideris (2002), “Sekolah Rendah Islam ABIM di Kedah :Satu Kajian Tentang Pencapaian Sahsiah di Kalangan Pelajarnya”. (Tesis Master, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

## **LAMPIRAN**



سِكُولَهْ مِنْشَهْ كَبِيْسَانَ الْأَمَّهْ وَجِيْنَغْ كُوْلَهْ تُوكْ جِيرِنْجْ  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA TOK JIRING  
21060 KUALA TERENGGANU  
TEL : 09-667 0130 FAX : 09-667 0131

Ruj. Kami : SMKATJ: 05/18 /JLD.2/( 07 )  
Tarikh : 25 Oktober 2005.  
Bersamaan : 21 Ramadhan 1426H.

**Aerisuli bt. Awang,**  
No.64 Kg. Bukit Berangan,  
21060 Kuala Terengganu,  
Terengganu.

Tuan,

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN**

Dengan hormatnya mengenai perkara di atas, surat tuan bertarikh 3 Februari 2005 dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan pihak sekolah tiada apa-apa halangan untuk tuan menjalankan penyelidikan bagi keperluan penulisan tesis tuan dengan syarat-syarat seperti berikut :-


- 2.1 Ia tidak mengganggu pengurusan sekolah.
- 2.2 Ia tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran sekolah.
- 2.3 Ia mematuhi semua tatacara yang berkuat kuasa di sekolah.
- 2.4 Ia tidak bertentangan dengan apa-apa peraturan yang ada di sekolah.

Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*Budaya Cemerlang Amalan Bersama*

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah.

  
**( ABDULLAH BIN ENDOK )**  
Penolong Kanan,  
Bp.Pengetua,  
SMKA. Tok Jiring,  
21060 Kuala Terengganu.

Sk:

1. Fail Timbul.

..-/pm(failsuratlain-lain)

Assalamualaikum,

Para pelajar yang dihormati,

Soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang kajian saya yang bertajuk "Penghayatan Ibadah Dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial di Kalangan Pelajar SMKA Tok Jiring".

Oleh itu, memandangkan ia bukan suatu ujian, tiada jawapan betul atau salah. Sila berikan jawapan anda dengan jujur dan ikhlas berdasarkan fikiran, perasaan dan pengalaman anda sendiri.

Segala maklumat yang anda berikan adalah rahsia dan akan digunakan untuk kajian ini sahaja.

Atas kerjasama yang anda berikan, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Semoga kita dapat sama-sama mengorak langkah yang lebih cemerlang di lapangan ilmu ini.

Sekian, terima kasih.

Hormat dari saya,



.....  
Aerisuli binti Awang,  
Calon Sarjana Syariah,  
Jabatan Fiqh Dan Usul,  
Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.

**Bahagian A: Soalan di bahagian ini bertujuan mengetahui latar belakang pengetahuan agama anda. Tandakan (/) di dalam petak yang disediakan atau tulis pada ruang yang disediakan.**

- 1- Jantina : (      ) Lelaki (      ) Perempuan
- 2- Tingkatan : (      ) Dua (      ) Empat
- 3- Bilangan adik beradik : (      ) orang (      ) Lelaki (      ) Perempuan
- 4-Pekerjaan : (.....) ayah (.....) ibu
- 5- Anda tinggal di : (      ) kawasan kampung (      ) taman perumahan  
(      ) lain-lain (      ) asrama

\*Jika lain-lain, nyatakan:.....

6-Pencapaian matapelajaran Pendidikan Islam dalam peperiksaan sebelum ini:

(      ) Cemerlang (      ) Kepujian (      ) Lulus (      ) Gagal

7- Pernah mendapat pendidikan agama sebelum memasuki sekolah ini?

(      ) Ya (      ) Tidak \*Jika ya, nyatakan di mana: (      ) Prasekolah  
(      ) Peringkat rendah (      ) Didikan keluarga

8- Anda telah khatam membaca al Quran? (      ) Ya (      ) Tidak

\*Jika ya, sila nyatakan : a- Umur ketika khatam ..... tahun  
b- Khatam dengan .....(cth: ibubapa/guru al Quran)

9-Umur ketika mula pandai sembahyang dengan betul (      ) tahun.

10- Saya memilih SMKA Tok Jiring selepas UPSR kerana:

- (      ) Pencapaian akademik pelajar di sini selalunya tinggi.  
(      ) Sekolah ini memberikan penekanan kepada aspek agama.  
(      ) Kedua-dua sebab di atas.

**Bahagian B:**

**Soalan 1-15 bertujuan mengetahui tahap peningkatan penghayatan ibadah dan permasalahan yang anda hadapi dalam memahami ibadah.**

**Tandakan pilihan anda dengan membulatkan nombor yang disediakan berdasarkan petunjuk berikut:**

- 1- Sangat tidak setuju**
- 2- Tidak setuju**
- 3- Tidak pasti**
- 4- Setuju**
- 5- Sangat setuju**

- |   |           |
|---|-----------|
| 1- Apabila terdapat masalah dalam matapelajaran Pendidikan Islam,<br>saya terus bertanya guru dan mendapat jawapannya.          | 1 2 3 4 5 |
| 2- Ibubapa dan keluarga saya kurang menggalakkan saya dalam<br>mendalami urusan keagamaan tetapi memberi penekanan akademik.    | 1 2 3 4 5 |
| 3- Saya bertanya kawan-kawan sekiranya terdapat kemosyikilan<br>tentang ibadah mendapat jawapan yang memuaskan                  | 1 2 3 4 5 |
| 4- Saya pernah meninggalkan sembahyang dan ibubapa saya<br>mengetahuinya tetapi saya tidak dikenakan sebarang tindakan.         | 1 2 3 4 5 |
| 5-Saya berasa gembira bersama keluarga kerana saya tidak<br>dilarang melakukan apa saja yang saya suka.                         | 1 2 3 4 5 |
| 6- Cara berpakaian dan pergaulan Islam yang saya amalkan<br>membuatkan saya berasa kolot dan janggal berbanding orang lain.     | 1 2 3 4 5 |
| 7- Ibubapa saya boleh membantu saya sekiranya terdapat<br>sebarang kemosyikilan agama.  | 1 2 3 4 5 |
| 8- Dalam menghayati dan mengamalkan ibadah, saya menghadapi<br>masalah dengan;  |           |
| a- Ibu bapa   | 1 2 3 4 5 |
| b- Guru   | 1 2 3 4 5 |
| c- Kawan-kawan  | 1 2 3 4 5 |
| d- Diri sendiri   | 1 2 3 4 5 |
| 9- Selepas belajar di sekolah ini, saya mendapat banyak pengetahuan<br>dan pendedahan tentang ibadah.                           | 1 2 3 4 5 |
| 10- Banyak perkara tentang ibadah yang dapat saya pelajari di sekolah ini<br>dan saya dapat memahami ibadah dengan lebih jelas. | 1 2 3 4 5 |

- 11- Aktiviti agama secara berkelompok (usrah mingguan) yang dianjurkan oleh persatuan sekolah sangat membantu dalam meningkatkan penghayatan ibadah saya.                                   1 2 3 4 5
- 12- Aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah telah membantu saya meningkatkan sahsiah diri dan saya dapat menjalinkan hubungan sosial dengan orang di sekeliling saya dengan lebih baik.                           1 2 3 4 5
- 13- Perbincangan tentang matapelajaran pendidikan Islam di sekolah amat penting untuk saya lebih memahami erti sebenar ibadah.                                   1 2 3 4 5
- 14- Amalan sembahyang berjemaah di sekolah telah membuatkan saya berasa tidak senang jika tidak segera menunaikan sembahyang apabila terdengar laungan azan.                                   1 2 3 4 5
- 15- Pada pendapat saya, ibadah bermaksud mengucap dua kalimah syahadah, sembahyang, puasa, zakat dan haji sahaja.                           1 2 3 4 5

**Bahagian C:**

**Soalan 16-30 bertujuan mengetahui aktiviti anjuran sekolah di dalam membantu peningkatan sahsiah dan hubungan sosial anda.**

**Tandakan pilihan anda dengan membulatkan nombor yang disediakan berdasarkan petunjuk berikut:**

- 1- Sangat tidak setuju**
- 2- Tidak setuju**
- 3- Tidak pasti**
- 4- Setuju**
- 5- Sangat setuju**

- 16- Saya mengikuti setiap program keagamaan anjuran pihak sekolah dengan penuh minat.                                   1 2 3 4 5
- 17- Di luar sekolah, saya mampu mengimamkan sembahyang kerana telah biasa sembahyang berjemaah di sekolah.                           1 2 3 4 5
- 18- Saya berasa selesa dan akan terus mengekalkan batasan pergaularan antara lelaki dan perempuan sekalipun berada diluar kawasan sekolah.                                   1 2 3 4 5
- 19- Pengurusan masa dan disiplin sekolah yang ketat telah mempengaruhi sebahagian besar gaya hidup saya diluar.                                   1 2 3 4 5
- 20- Program Minggu Silaturrahim dan Hari Guru anjuran pihak sekolah tidak banyak memberi kesan baik terhadap pergaularan saya.                                   1 2 3 4 5
- 21- Saya berasa tidak selesa berpakaian sempurna yang terlalu menutup aurat ketika diluar sekolah walaupun sudah terbiasa dengan aktiviti sekolah

yang mewajibkan berpakaian menutup aurat.

1 2 3 4 5

22- Saya akui setelah agak lama belajar di sekolah ini, saya menjadi lebih matang di dalam pergaulan dan mempunyai matlamat yang jelas dalam hidup.

1 2 3 4 5

**Soalan 23-26 untuk pelajar yang tinggal di asrama sahaja.**

23- Aktiviti kerohanian di asrama telah membantu saya meningkatkan keperibadian seorang Muslim.

1 2 3 4 5

24- Saya tidak melepaskan peluang yang diberikan oleh pihak asrama untuk keluar ke Bandar sekalipun tiada urusan penting.

1 2 3 4 5

25- Saya berharap agar disiplin asrama dapat dilonggarkan sedikit terutama dalam batasan pergaulan pelajar lelaki dan perempuan serta etika berpakaian.

1 2 3 4 5

26- Saya tidak mesra dengan pekerja-pekerja asrama seperti di dewan makan kerana mereka hanyalah pekerja, bukan ahli keluarga saya.

**Soalan 27-30 untuk pelajar yang tinggal di luar sahaja.**

27- Saya selalu mengikut keluarga ke surau berdekatan rumah kami untuk menyertai aktiviti keagamaan kerana ia dapat membantu saya meningkatkan peribadi seorang Muslim.

1 2 3 4 5

28- Di rumah, walaupun di beri kemudahan dan kebebasan untuk keluar, saya tidak berminat sekiranya tiada keperluan.

1 2 3 4 5

29- Saya berharap agar keluarga saya dapat memberikan kebebasan kepada saya untuk bergaul dengan sesiapa sahaja yang saya suka dan berpakaian mengikut apa yang saya minat.

1 2 3 4 5

30- Saya merasa bosan kerana keluarga suka memaksa saya mengikut mereka menziarahi sanak saudara.

1 2 3 4 5

**Sekian, Terima kasih.**

## **TEMUBUAL**

### **GURU :**

1- Nama : Harun bin Mohamad  
(Guru Pen. Kanan Hal Ehwal Murid)  
Umur : 43 tahun.  
Tempoh bertugas : Satu tahun  
Tarikh temubual : 2 April 2007.

2- Nama : Mohd Yusof bin Muda (Guru Disiplin)  
Umur : 45 tahun.  
Tempoh bertugas : 10 tahun  
Tarikh temubual : 5 Februari 2007.

3- Nama : Che Ku Mah Hussain b Che Ku Abdullah  
(Guru Akademik)  
Umur : 47 tahun.  
Tempoh bertugas : 22 tahun  
Tarikh temubual : 2 April 2007.

4- Nama : Maimunah binti Yaacob  
(Guru Pendidikan Islam dan Warden Asrama  
Perempuan)  
Umur : 48 tahun.  
Tempoh bertugas : 7 tahun  
Tarikh temubual : 22 Mac 2007

**IBUBAPA:**

1-	Status	:Bapa pelajar lelaki.
	Umur	:47 tahun
	Taraf akademik	:STPM
	Pekerjaan	:Juruteknik Makmal
	Tarikh temubual	:20 Mac 2007
2-	Status	:Ibu pelajar perempuan
	Umur	:38 tahun
	Taraf akademik	:Diploma
	Pekerjaan	:Guru
	Tarikh temubual	:21 Mac 2007
3-	Status	:Ibu pelajar perempuan
	Umur	:44 tahun
	Taraf akademik	:*Tidak dinyatakan
	Pekerjaan	:Surirumah
	Tarikh temubual	:21 Mac 2007

**KAKITANGAN SEKOLAH**

1-	Nama	: Norlaila binti Abd Rahman (Pembantu Tadbir)
	Umur	: 34 tahun.
	Tempoh bertugas	: 1 tahun
	Tarikh temubual	: 2 April 2007
2-	Nama	: *Tidak dinyatakan. (Pekerja Swasta Bahagian Bengkel)
	Umur	: *Tidak dinyatakan.
	Tempoh bertugas	: 8 tahun
	Tarikh temubual	: 22 Mac 2007
3-	Nama	: *Tidak dinyatakan (Pekerja Swasta Bahagian Kebersihan)
	Umur	: *Tidak dinyatakan.
	Tempoh bertugas	: 13 tahun
	Tarikh temubual	: 22 Mac 2007
4-	Nama	: En Ishak (Pengawal Keselamatan)
	Umur	: *Tidak dinyatakan.
	Tempoh bertugas	: 1 tahun
	Tarikh temubual	: 22 Mac 2007

### **Lampiran A : Transkrip Temubual.**

Temubual Pengkaji (P) dengan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (GPKHEM) SMKA Tok Jiring pada 2 April 2007 pada pukul 3 petang

- Pengkaji : Assalamualaikum, cikgu.
- GPKHEM : Waalaikumsalam, sila duduk.
- Pengkaji : Terima kasih, cikgu. Terima kasih kerana boleh luangkan masa untuk temubual cikgu. Temubual ini adalah berkaitan dengan isi disertasi Sarjana syariah saya di Universiti Malaya.
- GPKHEM : Ok, Jadi, apa yang boleh saya bantu, InsyaAllah. Nak ikutkan, memang saya selalu sibuk, kerja sentasa ada terutama hal ehwal murid di sekolah yang besar ini. Tapi, saya tengok, tajuk tesis awak ni memang ada hubungkait dengan sekolah ini. Jadi ,saya akan cuba menjawab soalan-soalan awak setakat yang saya boleh.
- Pengkaji : Sudah berapa lama cikgu berkhidmat di sekolah ini?
- GPKHEM : Saya sebenarnya bekas pelajar sekolah ini. Setelah bertugas di beberapa sekolah sebelum ini, akhirnya pada tahun lepas, saya diberi peluang berkhidmat di sekolah ini. Maknanya baru masuk tahun kedua saya disini.
- Pengkaji : Emm...maknanya cikgu baru nak masuk dua tahun la bertugas di Tok Jiring ni.
- GPKHEM : Ya, ikut tempoh baru dua tahun la. Tapi sepanjang tempoh itu, masa saya banyak dihabiskan disini kerana tugas seorang guru Hal Ehwal Murid amat penting dan masa bertugasnya tak mengira siang,malam, hari bersekolah atau hari cuti.
- Pengkaji :Ooo..beginit,bagaimana pencapaian pelajar di dalam akademik.
- GPKHEM :Sekolah ini di kategori sebagai sekolah A baik akademik mahupun sahsiah. Pencapaian akademik setiap tahun selalunya cemerlang. Cuma , ada masa naik sedikit, ada masa menurun. Cuma peratus perbezaan tu tak tinggi.Cuma untuk SPM 2007 bebaru ini,ada sedikit kejutan. Sekolah ini sekolah Arab tapi terdapat 11 orang calon yang dapat E.
- Pengkaji : Oh! Ya ke? Mengapa boleh jadi beginit cikgu?
- GPKHEM : Tak Minat. Itu jawapan yang calon-calon tersebut berikan. Mereka tidak berminat belajar di sekolah agama arab seperti ini tetapi dipaksa oleh keluarga masing-masing.
- Pengkaji :Maknanya, tak semua pelajar yang suka belajar di sini.

- GPKHEM : Ya, mungkin begitu dan ada jugak yang suka belajar di sini tetapi hanya tidak berminat mengikuti matapelajaran Bahasa Arab.
- Pengkaji : Ok,dari sudut sahsiah diri pelajar pula bagaimana cikgu?
- GPKHEM : Secara keseluruhannya, baik pelajar lelaki atau perempuan, berperibadi mulia. Awak dah berapa kali datang ke sekolah ini?
- Pengkaji : Saya datang sini lebih dari llima kali dah cikgu.
- GPKHEM : Awak datang sekolah saja ke ada jugak masuk ke asrama?
- Pengkaji :Saya dapat kebenaran dari pengetua untuk bebas ke mana sahaja di dalam kawasan sekolah ini selagi berkaitan dengan tugas saya. Bermalam di asrama pun saya dah rasa empat kali.
- GPKHEM : Maknanya, awak sendiri dah lihat bagaimana akhlak sebahagian besar pelajar di sini, kan?
- Pengkaji :Betul, tapi lebih kepada pelajar perempuan.
- GPKHEM :Apa yang telah awak lihat, itulah mereka sebenarnya. Saya sendiri sangat berpuashati dengan sahsiah diri pelajar saya. Mereka berpakaian dengan sempurna setiap masa, mengikuti semua aktiviti dengan aktif baik aktiviti keagamaan, akademik mahupun aktiviti kecergasan dan pemantapan diri. Setiap pelajar dapat mengikuti disiplin dan undang-undang sekolah dan asrama dengan baik.Tapi, sebagai pelajar yang umurnya ditahap remaja, kita tak nafikan permasalahan tetap ada Cuma peratusnya sangat rendah.
- Pengkaji :Em,betul tu cikgu.Pelajar di tahap sekolah menengah adalah diusia remaja. Selama cikgu bertugas di sini, apakah antara kes terbesar yang pernah dilakukan oleh pelajar?
- GPKHEM :Antara kes yang pernah berlaku ialah kecurian berbukti iaitu berlaku pada tahun lepas. Dalam satu kem, pelajar dibenarkan membawa telefon bimbit. Seorang pelajar telah kehilangan telefon bimbit. Kami guru-guru telah membuat sesi muhasabah pelajar secara beramai-ramai. Antara isinya, saya katakan kepada mereka bahawa Allah itu Maha Melihat, Maha Mendengar dan Maha Mengetahui. Sia-sialah kita solat tetapi tidak sedar bahawa Allah perhati kita solat dan perhatikan juga kita di luar solat. Jadi, sebelum Allah tunjukkan sendiri kepada guru-guru siapa yang telah mengambil telefon itu, lebih baik anda mengaku. Habis sesi tersebut, seorang pelajar lelaki telah datang kepada saya dan mengaku bahawa dia yang mengambil telefon itu dan bersedia memulangkannya.
- Pengkaji : Mudah benar hati dia lembut untuk mengaku ya, cikgu.

- GPKHEM : Ya, sebab pelajar di sini memang sentiasa diingatkan bahawa amalan kita boleh menjadi sia-sia jika kita tidak percaya kepada semua sifat Allah.
- Pengkaji : Jika kita lihat dari kes ini, hasil didikan para guru di sini telah berjaya menjadikan pelajar di sini seorang muslim yang sempurna.
- GPKHEM : Betul. Satu perkara yang awak perlu tahu. Sekolah ini amat tegas dengan sebarang keputusan yang diambil. Dengan kata lain, "Tiada maaf bagimu" kepada pelajar yang melakukan sebarang kesilapan.
- Pengkaji : Begitu ya. Baiklah cikgu. Rasanya cukup dulu setakat ini temubual kita hari ini. Saya ucapkan selamat maju jaya untuk cikgu dalam meneruskan usaha melahirkan generasi pelajar yang cemerlang akademik dan sahsiah diri.
- GPKHEM : Terima kasih. Semoga tesis awak berjaya disiapkan dengan sempurna mengikut keperluan kursus awak.
- Pengkaji : Ok, terima kasih kembali cikgu. Assalamualaikum.
- GPKHEM : Waalaikumussalam warahmatullah.

**BORANG A :**

1. Nama : \_\_\_\_\_

2. Umur : \_\_\_\_\_

3. Jawatan : \_\_\_\_\_

4. Tempoh berkhidmat : \_\_\_\_\_

5. Bagaimana prestasi akademik pelajar :  
\_\_\_\_\_

6. Bagaimana prestasi sahsiah pelajar :  
\_\_\_\_\_

7. Sebab cemerlang/mundur :  
\_\_\_\_\_

8. Aktiviti / kegiatan pelajar :  
\_\_\_\_\_

9. Kes terbesar pernah pelajar buat :  
\_\_\_\_\_

10. Aduan dari ibubapa / orang luar :  
\_\_\_\_\_

a- Tempat:

b- Tarikh :

c- Masa :

**BORANG B :**

1. Nama : \_\_\_\_\_

2. Umur : \_\_\_\_\_

3. Jawatan : \_\_\_\_\_

4. Tempoh berkhidmat : \_\_\_\_\_

5. Pengalaman kerja di sini : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

6. Hubungan dengan pelajar : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

7. Pandangan peribadi terhadap sekolah ini : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

8. Bandingan peribadi pelajar sekolah ini dengan pelajar sekolah lain :  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

9. Rungutan dari ibubapa / orang luar  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

10. Harapan kepada sekolah ini : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

d- Tempat:

e- Tarikh :

f- Masa :

**BORANG E :**

1. Umur : \_\_\_\_\_

2. Pekerjaan : \_\_\_\_\_

3. Bilangan anak&tempat belajar : \_\_\_\_\_

4. Prestasi akademik& sahsiah anak (bandingan antara pelajar SMKA Tok Jiring) :

---

---

5. Adakah anak SMKA Tok Jiring bermasalah / tidak: \_\_\_\_\_

---

---

6. Pandangan peribadi terhadap sekolah ini : \_\_\_\_\_

---

---

7. Bandingan peribadi pelajar asrama&luar : \_\_\_\_\_

---

---

8. Kemampuan guru : \_\_\_\_\_

---

---

9. Hubungan dengan pihak sekolah : \_\_\_\_\_

---

---

10. Harapan kepada sekolah ini : \_\_\_\_\_

---

---

---

m- Tempat:

n- Tarikh :

o- Masa :